

**PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT
AL-QUR'AN: PELAKSANAAN DI PUSAT
PENDIDIKAN PRA SEKOLAH DI BANDAR
TRIANG, PAHANG**

HANIFAH BINTI SAZALI

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT AL-QUR'AN: PELAKSANAAN DI PUSAT PENDIDIKAN PRA SEKOLAH DI BANDAR TRIANG, PAHANG

HANIFAH BINTI SAZALI

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

HANIFAH BINTI SAZALI, Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Al-Qur'an : Pelaksanaan Di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Triang, Pahang :
Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 2008/2009

Kepincangan masyarakat Melayu khasnya pada hari ini memerlukan satu perubahan dan penyelesaian yang kembali kepada dasar agama Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith bermula dari pendidikan sejak awal kanak-kanak. Justeru, pada peringkat awal kajian, pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an dikupas dari sudut aspek-aspek pendidikan dan kaedah-kaedah pendidikan dengan menggunakan metode perpustakaan. Kajian dilakukan dengan mencari, meneliti dan memilih beberapa ayat-ayat al-Qur'an yang bersesuaian untuk dijadikan asas pendidikan awal kanak-kanak. Kemudian ayat-ayat al-Qur'an tersebut dikupas dengan mengambil kira pendapat para *mufassirin* dan para ulama'.

Pada peringkat kedua, kajian lapangan di lakukan di empat buah pusat pendidikan awal kanak-kanak di sekitar bandar Triang, Pahang bagi mengetahui sejauh mana pelaksanaan aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan menurut al-Qur'an diadaptasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian melibatkan kanak-kanak berjumlah 117 orang dan 5 orang guru, dilakukan dengan menggunakan borang skala sebagai parameter kajian. Pengkaji juga menemuramah lima orang guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Data dianalisis dari sudut perbezaan pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an dan realiti pelaksanaannya di pusat pendidikan awal kanak-kanak terpilih, serta perbezaan dan persamaan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan al-Qur'an di antara pusat pendidikan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa keempat-empat pusat pendidikan awal kanak-kanak tersebut melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak yang bersesuaian dengan asas-asas pendidikan yang terdapat dalam al-Qur'an dengan beberapa aspek yang masih boleh diperbaiki dan dipelajari oleh para guru.

ABSTRACT

HANIFAH BINTI SAZALI, Early Childhood Education According to al-Quran: It's implementation at Pre School Education Centre in Triang, Pahang. Dissertation submitted to the Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya session 2009/2010.

The recent moral and conduct decadence particularly among the Malays needed a change and solution. The change and solution must be based to the holy Quran and Hadith started from the early education of the children. Henceforth, in the early stage of this research, the early childhood education was examined from the education aspects and methodology using the library research methodology. Then, the research continued by finding and analyzing the verses from the holy Quran to find the basis of early childhood education. Next, the selected verses from the Holy Quran were analyzed by comparing the views from selected Quranic scholars.

Then a survey conducted to four selected early childhood education institution at the town of Triang, Pahang. The purpose of the survey was to examine the implementation of Quranic based education in their daily teaching and learning process. Using a scale form as a perimeter, the survey involved 117 pupil and 5 teachers. The researcher also managed to interviewed the 5 teachers involved directly in the teaching and learning process in the classroom. The collected data then were analyzed by comparing the Quranic based early childhood education and the implementation in the reality of contemporary early education. Its purpose is to find the differences and the similarity between the four selected early childhood education institution.

I can conclude from this research that the four selected early childhood education institution have implemented the basic of Quranic based early childhood education. But, there are still a few rooms and certain aspects that can be fix and upgrade by the teachers.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah Yang Maha Agung, padaNya diserahkan segala ketentuan, Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, tak terhitung nikmat pemberianNya, selawat dan salam buat junjungan terpuji Rasulullah s.a.w. penghujung bagi seluruh nabi-nabi, kaum keluarga baginda, para sahabat baginda, dan seluruh mukminin dan mukminat.

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan selayaknya hanya buat Allah Yang Maha Esa atas kurniaaNya yang tak terhingga memberi peluang dan petunjuk kepada saya untuk menyiapkan disertasi bagi keperluan Sarjana Usuluddin yang tidak seberapa ini. Jutaan terima kasih dikalungkan buat emak dan ayah, ma dan ayah, yang sentiasa mendoakan kejayaan anaknya dari kejauhan. Khusus buat emak yang menjadi pendorong dan pemberi kekuatan untuk anakmu yang sering alpa ini.

Buat Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah, maaf kerana gagal mengambil peluang sebaik mungkin untuk menimba ilmu dari Dr. dan terima kasih kerana sabar menjadi penyelia saya. Adik-adik dan suami tercinta yang banyak membantu dan amat memahami situasi saya ketika menyiapkan disertasi ini. Segala pengorbanan dan pengertian kalian tidak dapat dibalas dengan apa jua bandingan di dunia. Tidak dilupakan juga orang perseorangan dan agensi-agensi yang terlibat dan memberi bekerjasama yang baik dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Allah jualah tempat pergantungan dan Dialah selayaknya membalas jasa kalian.

Wassalam.

HANIFAH BINTI SAZALI
IGB 040057
Lot 1423, Kg. Masjid Baung Bayam
Off Jalan Dato' Lundang,
15200 Kota Bharu, Kelantan

DEDIKASI

Buat suamiku tercinta

Ahmad Fadzli bin Fauzi

*Moga kita sama-sama dapat mendidik
anak-anak berlandaskan syariah Islam
dan sama-sama kita hidupkan Islam
dalam kehidupan sehari-hari*

Buat semua umat Islam

~ Islam is the way of life ~

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Transliterasi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Transliterasi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	,
ي	y
ة	h

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
/	a	/	bab / kubra
	i		wakil
	u		surah

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
	aw		qawl
	ay		khayr
	uww		quwwah
	iy/i		‘arabiyy/i

SENARAI ISI KANDUNGAN

Abstraki
Abstractii
Penghargaaniii
Dedikasiiv
Transliterasiv
Isi Kandunganvii

BAB PENDAHULUAN

Pendahuluan	1
Latar Belakang Masalah Kajian	3
Pernyataan Masalah Kajian	7
Objektif Kajian	8
Hipotesis	9
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	11
Huraian Istilah	12
Ulasan Penulisan	17
Sitematika Penulisan	26
Kaedah Pengumpulan Data	28
Kaedah Analisa Data	32

BAB PERTAMA : Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an33
1.1 Pengertian Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an	34
1.2 Aspek-aspek Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an	36
1.2.1 Pendidikan Aqidah	37
1.2.2 Pendidikan Ibadah	41
1.2.3 Pendidikan Akhlak	45
1.2.4 Pendidikan Fizikal	50
1.2.5 Pendidikan Intelektual	55
1.2.6 Pendidikan Emosi	56
1.2.7 Pendidikan Sosial	58
1.3 Kaedah-kaedah Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an	61
1.3.1 Kaedah Pendidikan Secara Langsung Dalam al-Qur'an	62
1.3.1.1 Pendidikan Melalui Contoh Tauladan	63
a) Rasulullah Merupakan Model Terbaik	63
b) Ibu bapa Mithali	66
d) Pergaulan Mempengaruhi Kehidupan	69
1.3.1.2 Pendidikan Melalui Pembalasan Baik dan Buruk	73
a) Galakan, Dorongan dan Ganjaran	74
b) Hukuman, Sindiran dan Ancaman	78
1.3.1.3 Pendidikan Melalui Nasihat dan Bimbingan	82
1.3.2 Kaedah Pendidikan Secara Tidak Langsung Dalam al-Qur'an	84
1.3.2.1 Pendidikan Melalui Penceritaan Pendidikan Melalui	85
1.3.2.2 Perbandingan dan Perumpamaan	88
1.3.2.3 Pendidikan yang Beransur-ansur dan Berperingkat	91
a) Amalan dan Praktikal	92
b) Pemerhatian dan Pengawasan	95
1.4 Kesimpulan	97

BAB KEDUA : Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang	98
2.1 Latar Belakang Pendidikan Awal Kanak-kanak di Bandar Triang	99
2.1.1 TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar	100
2.1.1.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	102
2.1.1.2 Jawatankuasa Tadbir	104
2.1.1.3 Tenaga Pengajar	105
2.1.1.4 Aktiviti	105
2.1.2 TABIKA KEMAS Bandar Triang	106
2.1.2.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	109
2.1.2.2 Tenaga Pengajar	110
2.1.2.3 Aktiviti	111
2.1.3 PASTI al-Insan	112
2.1.3.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	114
2.1.3.2 Jawatankuasa Tadbir	115
2.1.3.3 Tenaga Pengajar	116
2.1.3.4 Aktiviti	117
2.1.4 Pra Sekolah SK Sri Buntar	118
2.1.4.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan	121
2.1.4.2 Jawatankuasa Tadbir	122
2.1.4.3 Tenaga Pengajar	122
2.1.4.4 Aktiviti	123
2.2 Kurikulum Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak di Bandar Triang	124
2.2.1 Pra Sekolah SK Sri Buntar, TABIKA KEMAS Bandar Triang dan TABIKA KEMAS Kg. Sri Buntar	124
2.2.2 PASTI al-Insan	126
2.3 Kesimpulan	132

BAB KETIGA : Pelaksanaan Pendidikan Awal Kanak-kanak di Beberapa Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang133
3.1 Pelaksanaan Pendidikan Awal Kanak-kanak133
3.1.1 TABIKA KEMAS Bandar Triang133
• Aspek-aspek Pendidikan134
• Kaedah-kaedah Pendidikan138
3.1.2 Pelaksanaan Pendidikan di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar	
• Aspek-aspek Pendidikan142
• Kaedah-kaedah Pendidikan146
3.1.3 Pelaksanaan Pendidikan di Pra Sekolah SK Sri Buntar148
• Aspek-aspek Pendidikan149
• Kaedah-kaedah Pendidikan154
3.1.4 Pelaksanaan Pendidikan di PASTI al-Insan157
• Aspek-aspek Pendidikan157
• Kaedah-kaedah Pendidikan161
3.2 Kesimpulan164

BAB KEEMPAT : Analisis Data Perlaksanaan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Al-Qur'an Di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Triang, Pahang165

4.1 Perbezaan Aspek-aspek Pendidikan166
4.1.1 'Aqidah dan Ibadah168
4.1.2 Akhlak170
4.1.3 Fizikal172
4.1.4 Intelektual173
4.1.5 Emosi dan Sosial175
4.2 Perbezaan Kaedah-kaedah Pendidikan177
4.2.1 Contoh Tauladan179
4.2.2 Penceritaan180
4.2.3 Balasan Baik dan Buruk182

4.2.4	Perbandingan dan Perumpamaan	183
4.2.5	Berperingkat	184
4.3	Kesimpulan	185
BAB KELIMA : Penutup		187
4.1	Rumusan	187
4.2	Saranan	191
4.3	Kesimpulan	193
RUJUKAN		195
LAMPIRAN		208

PENDAHULUAN



BAB PENDAHULUAN

1. PENDAHULUAN

Dalam kehidupan sehari-hari manusia, banyak perkara yang menjadi faktor penarik agar manusia lalai melaksanakan tanggungjawab agama dan tertarik dengan keindahan dunia. Antaranya ialah keluarga meliputi anak-anak dan isteri. Keluarga merupakan satu tanggungjawab dan bukannya hiburan dan kesenangan hati semata-mata. Anak-anak membesar dengan sihat dan ceria, keletahnya begitu menggembirakan dan menceriakan sehingga ibu bapa sering kali lupa untuk memberi mereka didikan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelek. Firman Allah s.w.t dalam ayat di bawah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَنُوا قُوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَئِكَةٌ
غَلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya : “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penaganganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

(Al-Tahrīm [66] : ayat 6)

Dalam usaha menjaga diri dan ahli keluarga dari api neraka dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhkan segala laranganNya, tidak dapat tidak setiap individu

di setiap peringkat memainkan peranan yang penting. Kehidupan seorang ibu dan seorang bapa bermula dari bayi, membesar sebagai kanak-kanak, meningkat remaja dan dewasa, seterusnya menjadi sebahagian dari elemen penting sebuah masyarakat dan negara. Kitaran ini berterusan dari mula kehidupan Adam dan Hawa di muka bumi hingga ke akhirat kelak. Bermulanya kehidupan seorang insan dengan kelahiran seorang bayi yang tidak mengerti apa-apa bermakna setiap lapisan masyarakat bertanggungjawab mendidiknya menjadi insan yang dikehendaki oleh masyarakat tersebut. Sekiranya didikan pincang yang diterima, maka pincanglah generasi yang seterusnya. Dan seandainya masyarakat menginginkan generasi seterusnya merupakan generasi yang beriman, maka pendidikan yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah perlu dilaksanakan bermula dari peringkat usia seawal bayi lagi.

Kajian ini dilakukan tertumpu kepada pendidikan awal kanak-kanak bukan bermakna kepentingan pendidikan berteraskan al-Qur'an hanya penting di peringkat awal ini. Juga bukan bermakna penerapan di peringkat awal akan menjamin keselamatan peribadi kanak-kanak tersebut apabila meningkat dewasa. Pendidikan seperti yang diketahui umum, berlangsung sepanjang hayat. Pengkaji melihat bahawa seandainya pada peringkat awal ketika hati dan jiwa kanak-kanak masih suci dan bersih, mereka sudah didedahkan dengan perkara-perkara yang tidak elok dan tidak dididik dan diajar tentang suruhan serta larangan Allah s.w.t, bagaimanakah kelak perjalanan hidup mereka ketika meningkat remaja tanpa asas pendidikan yang kukuh. Ketika saat itu, pengaruh kebatilan telah semakin melingkari kehidupan mereka. Hati mereka juga telah dipenuhi dengan pendidikan yang bercampur aduk. Pepatah Melayu ada menasihatkan agar melentur buluh biarlah dari rebungnya.

2. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Melihat senario di tengah kotaraya metropolitan Kuala Lumpur khasnya, anak-anak kecil berusia di bawah 12 tahun semakin diasak dengan realiti masyarakat Islam yang semakin tidak menentu identitinya. Kanak-kanak ini terdedah dengan persekitaran yang semakin meruncing masalah dan pergolakan akhlak. Persekutaran ini menjadi semakin luas melepas jangkauan masyarakat yang berada di sekeliling mereka menerusi teknologi massa yang semakin canggih seperti televisyen yang pelbagai pilihan saluran siaran dan rangkaian internet yang begitu luas capaiannya. Mereka memerhatikan di sekeliling mereka masyarakat yang memakai pakaian yang terdedah atas, tengah dan bawah. Setiap hari mereka melihat masyarakat yang semakin merosot pegangan agama dengan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, yang sudah hilang keperibadian manusia dengan penipuan, pergaduhan, pencabulan, rompakan, pembunuhan dan pelbagai karenah lagi yang merungsingkan masyarakat.

Namun, kanak-kanak ini seolah sudah tidak merasai sebarang gundah gulana dan tidak dapat menjalani kepincangan yang berlaku di hadapan mereka. Malah, mereka tidak mengetahui dan memahami langsung kerosakan yang sedang berlaku kerana mereka juga dilahirkan, dididik dan diterapkan dengan kepincangan tersebut sejak kecil. Umpamanya, anak-anak kecil ini didedahkan dengan kelas-kelas tarian, nyanyian dan muzik yang pastinya menuntut mereka berpakaian tidak menutup aurat. Pipi dan bibir mereka diwarnakan dengan pelbagai warna. Sedangkan usia mereka ketika itu belum pun menjangkau 7 tahun. Mereka juga dipaparkan dengan fesyen yang mendedahkan dada dan kaki yang kononnya moden. Tidak salah untuk memakai sedemikian ketika mereka

masih kecil. Kesilapan yang ketara adalah apabila mereka tidak diterangkan dan dididik tentang batasan-batasan yang perlu mereka ikuti, dengan alasan masih kecil. Lebih menyedihkan, ada anak-anak yang diajar untuk bercakap bohong bagi menyembunyikan kebenaran yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan peribadi para pendidik. Pantun Melayu ada menyebut ;

*Siakap senohong gelama ikan duri,
Bercakap bohong lama-lama mencuri.*

Justeru, lahirlah generasi yang menyakitkan mata dan menyakitkan jiwa kerana sejak kecil mereka tidak terdedah dan tidak ditegah segala kesilapan-kesilapan mereka. Pada saat mereka meningkat dewasa, mula bergaul bebas sehingga tidak merasai dosa berzina, memakai pakaian yang diibaratkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai memakai pakaian tetapi telanjang, dan membuatkan ibu bapa gundah gulana dan menitiskan airmata, masyarakat mula bersoal jawab, salah siapakah semua ini berlaku. Sedangkan itulah generasi hasil didikan semua pihak sejak mereka kecil lagi.

Setelah melihat kepincangan yang berlaku, masyarakat mula mempersoalkan sistem pendidikan yang diikuti oleh anak masing-masing. Pelbagai persoalan timbul mempertikaikan sistem pendidikan, kurikulum yang sedia ada, kegagalan ibubapa mendidik anak-anak dan seribu satu punca menyebabkan situasi ini berlaku, dicari. Namun, kebanyakan dari mereka menemui jalan buntu. Lebih memilukan, ada insan yang langsung tidak mengambil peduli kepincangan yang sedang berlaku dalam masyarakat kerana sikap terbuka dengan segala perubahan yang ada. Dan yang lebih menakutkan,

wujudnya individu yang berbangga dengan realiti kontemporari kerana menurut mereka, inilah dunia moden, bebas dan global.

Sedangkan Rasulullah s.a.w telah menjanjikan kepada umatnya jalan yang lurus dan tidak akan sesat selama-lamanya dengan berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Inilah jalan yang terbaik untuk penyelesaian sebarang masalah. Terlerainya al-Qur'an dan al-Sunnah dari tangan umat Islam memungkinkan pelbagai kerosakan berlaku di atas muka bumi yang sementara ini. Al-Qur'an bukan hanya dijadikan bahan bacaan masa lapang, pertandingan tilawah mahupun hafazan. Ia mesti dikaji, diteliti, dihayati isi kandungannya dan dijadikan amalan kehidupan seharian. Al-Qur'an itu sendiri perlu dihidupkan dalam peribadi setiap individu muslim.

Bagai menanam tanaman, penjagaan yang rapi dengan memberi nutrien yang secukupnya kepada sesuatu tumbuhan sejak biji benih lagi akan menghasilkan tanaman yang baik dan bermutu. Begitu juga dalam menghidupkan roh al-Qur'an. Ia perlu diterapkan dalam diri setiap individu sejak awal usia lagi. Mengapa perlu kepada pendidikan awal, sedangkan kanak-kanak tidak memahami sebarang perkara yang berlaku di sekitar mereka? Persoalan dan tanggapan tersebut merupakan kesalahan yang besar. Ini kerana otak kanak-kanak berpotensi besar untuk berkembang sehingga 90% ketika usia mereka di bawah 5 tahun¹. Ketika peringkat ini mereka memerhati, menakkul dan membuat kesimpulan terhadap apa yang mereka lihat. Sekiranya bimbingan didikan yang sewajarnya tidak diberi pada usia ini, mereka akan menjadikan kesimpulan yang mereka lakukan sendiri tanpa mengetahui baik atau buruk sebagai landasan hidup.

¹ Azizah Lebai Nordin (2004), *Pendidikan Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 2

Justeru, al-Qur'an yang menjadi teras dan dasar kukuh dalam kehidupan muslim sepatutnya menjadi asas pendidikan terhadap anak-anak sejak mereka di dalam kandungan lagi. Hassan Langgulung mencatatkan dalam kertas kerja beliau bagi Simposium Falsafah Islam pada 22 Oktober 1983 dengan menyatakan bahawa ;

‘... Oleh kerana ada hubungan erat antara cita-cita sesuatu masyarakat, dan dasar-dasar dan amalan-amalan pendidikannya, maka juga konsep-konsep pendidikan tidak dapat dipinjam seperti kita meminjam benda-benda seperti pakaian misalnya. Sebab meminjam konsep-konsep pendidikan yang asing akan menyebabkan perubahan cita-cita masyarakat yang meminjam konsep tersebut.’²

Jelaslah bahawa umat Islam perlu menjadikan al-Qur'an sebagai kehidupan, dengan pendidikan yang berteraskan al-Qur'an sejak kecil lagi sekiranya ingin kembali kepada masyarakat yang harmoni, berakhhlak dan mulia serta disanjung tinggi oleh kawan maupun lawan. Dalam menggapai cita-cita ini, ada yang merasa sukar merealisasikan pendidikan berteraskan al-Qur'an kerana kurang ilmu dan kesempatan untuk mengkaji sendiri asas-asas pendidikan yang terdapat di dalam al-Qur'an. Memandangkan wujudnya situasi ini, para ilmuan Islam bertanggungjawab mengemukakan dapatan kajian mereka untuk diamalkan oleh masyarakat. Dengan segala kelemahan dan kedangkalan yang ada, pengkaji dengan rendah hati berusaha dengan segala usaha dan pengetahuan yang ada, mengkaji ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dan aplikasinya dalam masyarakat kini. Moga dengan segala usaha ini dapat membantu diri pengkaji, ahli keluarga, masyarakat, seterusnya negara dalam usaha menghidupkan al-Qur'an dalam diri setiap individu muslim.

² Hassan Langgulung (1983), Simposium Falsafah Islam, **Dari Falsafah ke Teori Pendidikan : Sudut Pandangan Islam**, Bangi, h. 2

3. PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Permasalahan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji tertumpu kepada beberapa perkara secara terperinci, iaitu :

Pertama : Mengkaji pendekatan al-Qur'an berhubung pendidikan awal kanak-kanak. Ia meliputi ayat-ayat berkaitan pendirian al-Qur'an terhadap kanak-kanak dan ayat-ayat al-Qur'an yang boleh dijadikan asas pendidikan awal kanak-kanak. Mengkaji tafsiran ayat-ayat berkenaan dari pelbagai kitab tafsir bagi memperolehi maklumat dan huraian lanjut mengenai ayat-ayat tersebut. Hal ini dapat menjelaskan lagi perkaitan ayat dengan pendidikan awal kanak-kanak.

Kedua : Meneliti latar belakang pendidikan pra sekolah di bandar Triang khususnya di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, TABIKA KEMAS Bandar Triang, PASTI al- Insan dan Pra Sekolah SK Sri Buntar. Ia meliputi latar belakang operasi institusi-institusi tersebut, falsafah dan matlamat pendidikan, sejarah perkembangan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Ketiga : Mengkaji kurikulum dan pelaksanaan sistem pendidikan di 4 buah pusat pendidikan pra sekolah di Bandar Triang, Pahang serta sejauh mana pendidikan yang berasaskan al-Qur'an diaplikasi dan dilaksanakan di dalam kurikulum dan sistem perlaksanaan tersebut.

Keempat : Mengenal pasti perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam sistem pendidikan di keempat-empat institusi dengan pendidikan yang berasaskan al-Qur'an

serta mengkaji perbezaan dan persamaan antara keempat-empat institusi tersebut dan persepsi para guru terhadap pendidikan berteraskan al-Qur'an.

Keempat-empat persoalan tersebut menjadi topik perbincangan dan perbandingan bagi memperlihatkan dalil al-Qur'an yang telah menetapkan asas-asas pendidikan dan aplikasinya dalam masyarakat Islam. Penumpuan bukan sekadar kepada aktiviti pendidikan tetapi turut menyentuh peranan pendidikan dan kepentingannya dalam membentuk masyarakat yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Dalam usaha menyelesaikan kajian ini, penulis telah menggariskan beberapa objektif yang ingin dicapai :

- 1) Menyenaraikan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan kanak-kanak dan ayat-ayat al-Qur'an yang boleh menjadi asas aspek-aspek pendidikan dan kaedah-kaedah pendidikan awal kanak-kanak.
- 2) Memahami aspek dan kaedah pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan tafsir ayat-ayat al-Qur'an tersebut.
- 3) Mengetahui latar belakang pendidikan awal kanak-kanak di bandar Triang.
- 4) Mengenal pasti sistem pendidikan di empat buah pusat pendidikan pra sekolah di bandar Triang, Pahang secara lebih terperinci
- 5) Membuat perbandingan tentang pendidikan awal kanak-kanak di dalam al-Qur'an dengan sistem pendidikan di pusat-pusat pendidikan tersebut.

5. HIPOTESIS KAJIAN

Sebelum selesai menjalankan kajian, pengkaji tidak dapat menjangka dengan tepat adakah sistem pendidikan yang diguna pakai atau tidak oleh ketiga-tiga pusat pendidikan pra sekolah yang dikaji berteraskan nas-nas al-Qur'an yang telah termaktub. Hipotesis awal yang boleh dilakukan berdasarkan tinjauan awal mendapati bahawa :

- 1) Al-Qur'an membuktikan asas pendidikan awal kanak-kanak telah digariskan. Ia amat penting bagi membentuk individu muslim dan seterusnya masyarakat yang mengamalkan Islam secara keseluruhan.
- 2) Terdapat persamaan di antara asas pendidikan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dengan kajian dan teori akal manusia. Namun demikian, teori manusia daripada akal pemberian Allah lebih diketengahkan, sedangkan wahyu Allah yang lebih kukuh kelihatan seolah-olah sepi tanpa perhatian dan tidak diambil tahu kewujudannya.
- 3) Asas-asas pendidikan berlandaskan al-Qur'an ada diamalkan di pusat-pusat pendidikan tersebut.
- 4) Terdapat perbezaan dari sudut peratusan pengamalannya di ketiga-tiga pusat pendidikan tersebut. Ada yang menjadikan al-Qur'an sebagai asas pendidikan lebih dari pusat-pusat pendidikan yang lain.

6. KEPENTINGAN KAJIAN

Persoalan pendidikan merupakan persoalan yang penting sejak mula manusia diciptakan hingga saat ini dan akan terus diperkatakan sehingga akhirat kelak. Hal ini kerana lahirnya manusia dalam keadaan tidak mengetahui apa-apa dan pendidikanlah yang menjadikan manusia seorang yang beruntung di dunia dan di akhirat atau sebaliknya. Usia yang peling getir dan mudah menerima pengaruh adalah ketika kanak-kanak. Kerana ketika lingkungan usia tersebut, jiwa mereka berada dalam keadaan kosong dan perlu diisi. Sekiranya jiwa tersebut diisi dengan perkara-perkara yang baik, maka ia akan menjadi asas yang baik kepada kanak-kanak tersebut apabila semakin dewasa.

Melihatkan kepada senario pendidikan hari ini yang seringkali dikritik dan dipersoal oleh beberapa pihak kerana kegalannya membentuk masyarakat Islam yang mulia, pengkaji merasakan keperluan dan kepentingan kepada merujuk kembali kepada asas Islam yang Rasulullah janjikan umatnya tidak akan sesat, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru, satu kajian khusus perlu dilakukan terhadap ayat-ayat al-Qur'an berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak agar ia dapat menjadi pedoman dan landasan bagi membentuk sistem pendidikan yang lebih baik. Beberapa sampel perlu digunakan bagi mengkaji sejauh mana al-Qur'an telah diperaktikkan sebagai asas dalam sistem pendidikan sedia ada. Di sinilah letaknya kepentingan kajian ini dijalankan.

7. SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada ayat-ayat al-Qur'an yang boleh dijadikan asas pendidikan awal kanak-kanak. Ia meliputi aspek-aspek pendidikan seperti pendidikan aqidah, akhlak, fizikal, mental, emosi, dan sosial, di samping kajian terhadap ayat-ayat yang berkaitan kaedah-kaedah pendidikan seperti kaedah contoh teladan yang baik, kaedah disiplin, kaedah ancaman dan sebagainya. Pendirian al-Qur'an tentang kedudukan kanak-kanak juga tidak terlepas dari kajian ini.

Kitab tafsir yang dirujuk tertumpu kepada 4 kitab tafsir iaitu *Tafsīr al-Tabarī*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Jalālayn*, dan *Fī Zilāl al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb. Pemilihan tafsir-tafsir tersebut berdasarkan pengarangnya yang merupakan ‘ulamak terkemuka dalam bidang tersebut dan zaman-zaman yang berbeza antara pengarang-pengarangnya.

Kajian terhadap pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia akan dilakukan merangkumi definisi oleh pakar-pakar pendidikan awal kanak-kanak, falsafah dan matlamat pendidikan, dan jenis-jenis pusat pendidikan awal yang terdapat di Malaysia. Di samping itu, sorotan turut diberikan terhadap orientasi dalam pendidikan awal kanak-kanak yang biasa dan sering diguna pakai di dalam masyarakat kontemporari.

Pusat pendidikan pra sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian adalah Pusat Asuhan Kanak-kanak Islam (PASTI) al-Insan, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, TABIKA KEMAS Bandar Triang, dan Pra Sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia) di Sekolah Kebangsaan Sri Buntar. Skop pengkajian terhadap keempat-empat pusat pendidikan tersebut adalah meliputi latar belakang pusat pendidikan dari sudut misi,

matlamat, objektif, kurikulum, sistem pembelajaran dan praktikalnya. Pusat pendidikan pra sekolah ini dipilih kerana ia menjadi institusi penting bagi kanak-kanak dalam masyarakat setempat bagi mengharungi perubahan cara hidup dan ekonomi keluarga.

Akhir sekali, kajian perbandingan dilakukan antara teori dari tafsiran ayat al-Qur'an dan praktikalnya di pusat-pusat pendidikan tersebut dari sudut aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan yang diguna pakai.

8. HURAIAN ISTILAH

Beberapa istilah yang digunakan di dalam tajuk kajian akan diuraikan terlebih dahulu sebelum pengkaji meneruskan kajian supaya kajian ini terarah pada lingkungan yang tepat.

Pendidikan berasal dari kata akar didik yang membawa maksud ‘pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar’. Manakala pendidikan pula didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai ‘perihal mendidik, didikan, latihan dan ajaran’.³ Para ilmuan samada Islam mahupun Barat telah mentakrifkan pendidikan dengan pelbagai takrifan.

³ Tengku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 350

Dalam Bahasa Arab pendidikan boleh diertikan sebagai *ta'līm* (تعلیم), *tarbiyah* (تربيۃ), dan *ta'dīb* (تأدیب). Perakataan *ta'līm* (تعلیم) bermaksud menjadikan seseorang itu mengetahui tentang sesuatu⁴, bersesuaian dengan firman Allah s.w.t :

وَعَلِمَ عَادَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا...

Maksudnya : “Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) dan kegunaannya ...”

(al-Baqarah [2] : Ayat 31)

Menurut Ikhwān al-Šafā’, *ta'līm* dan *tarbiyah* merupakan aktiviti akal bukan amali⁵. Abdul Fattah Jalal meletakkan istilah *ta'līm* sebagai maksud pendidikan kerana ia mencakupi cakupan yang luas. Beliau berpendapat bahawa pengertian *ta'līm* menekankan kepada perilaku yang baik. Ia merupakan suatu proses yang diusahakan secara terus menerus semenjak manusia lahir sehingga tua bahkan sehingga meninggal dunia⁶.

Tarbiyah (تربيۃ) berasal dari perkataan *rabba* (رب) atau (رب). ی رب bermakna sesuatu, bertambah dan semakin banyak⁷. Bagi tentera, ی رب bermaksud mempertahankan diri

⁴ Sa'īd al-Khūrī al-Syartūnī al-Lubnānī, *Aqrāb al-Mawārid fī Fuṣḥa al-'Arabiyyah wa Syawārid*, Beirut : Maṭba'ah Mursalī al-Yasū'iyyah, j. 2, h. 824. Lihat juga : Ibrahim Mustafa, et.al. (1989), *al-Mu'jam a al-Wasīf*, Istanbul : Dār al-Da'wah, j. 2, h. 623

⁵ Ahmad Fu'ad al-Ahwānī, Dr., *Al-Tarbiyah fī al-Islām*, Kaherah : Dār Ḥayā' al-Kutub al-'Arabiyyah h. 221
⁶ Samsul Nizar, Dr. (2001), *Pengantar Dasar-dasar Pemikiran Pendidikan Islam*, Jakarta : Penerbit Gaya Media Pratama, h. 86, 87

⁷ Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur (1968), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Maktabah Saqir, j. 14, h. 204. Lihat juga : Sa'īd al-Khūrī al-Syartūnī al-Lubnānī, *op.cit.*, j. 1, h. 386

daripada musuh.⁸ Manakala bagi anak, membawa maksud mengasuh dan mendidik, dan makna ḥajj bagi benda adalah memperbaiki.⁹ Ia juga boleh didefinisikan sebagai memiliki, mentadbir, menguasai dan memperbaiki selain maksud memimpin atau mendidik¹⁰.

Fakhr al-Rāzī menyatakan maksud *tarbiyah* sebagai bentuk pendidikan dalam erti yang luas. Terma tersebut bukan sahaja menunjukkan erti pendidikan yang bersifat lisan tetapi juga meliputi pendidikan dari aspek tingkah laku. Manakala Syed Qutb mendefinisikan *tarbiyah* sebagai usaha pemeliharaan jasmaniah seseorang individu dan membantunya meningkatkan kematangan mental yang dicerminkan melalui akhlak yang mulia¹¹. Dalam dunia Arab khasnya dan negara umat Islam amnya, perkataan *tarbiyah* lebih sering digunakan dan mendapat tempat bagi menggambarkan pendidikan.

Haji Abdullah Ishak berpendapat bahawa situasi ini berlaku kerana perkataan *tarbiyah* membawa maksud yang luas. Ia tidak hanya terbatas kepada manusia sahaja malah merangkumi ciptaan-ciptaan Allah yang lain yang membawa maksud mendidik, mengajar, memelihara dan menternak. Beliau juga berpendapat bahawa *tarbiyah* juga meliputi gambaran mendidik, membentuk dan memelihara, khususnya kepada manusia, bukan sahaja sejak seseorang itu dilahirkan bahkan sebelum itu lagi.¹²

⁸ Sa'īd al-Khūrī al-Syartūnī al-Lubnānī, *op.cit.*, j. 1, h. 386. Lihat juga : Hussin Unang (1994), **Kamus al-Tullāb**, Kuala Lumpur : Darul Fikir, h. 516

⁹ Hussin Unang (1994), *op.cit.*, h. 516

¹⁰ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

¹¹ Samsul Nizar (2001), *op.cit.*, h. 88

¹² Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 6, 7

Walaubagaimanapun, Syed Naquib al-Attas tidak bersetuju dengan penggunaan perkataan *tarbiyah* yang mencakupi maksud yang luas meliputi menjaga budak, pokok, binatang dan sebagainya. Sedangkan pendidikan merupakan proses yang dilakukan oleh manusia supaya memiliki keperibadian muslim yang kukuh yang membezakannya dengan makhluk Allah yang lain. Justeru, al-Attas memilih perkataan *ta'dīb* (تَدْبِبٌ) bagi menerangkan konsep pendidikan kerana terma tersebut bermaksud mengajar adab dan akhlak, dan ia mempunyai kaitan rapat dengan pengetahuan. Beliau juga menyatakan bahawa ‘*education is a process of instilling something into human being*’.¹³(أَدْبَبُ) pula membawa maksud mengajarnya adab sopan santun dan memperbaiki akhlaknya.¹⁴

Pendidikan atau dalam Bahasa Inggeris disebut *education* didefinisikan di dalam Oxford English Reference Dictionary sebagai ‘*the act or process of educating or being educated ; systematic instruction, the knowledge gained from this, development of character of man*’¹⁵ Ahli falsafah pendidikan Barat, John Dewey menyatakan bahawa *education* bermaksud pemindahan segala sumber-sumber dan pencapaian-pencapaian daripada sebuah masyarakat yang kompleks¹⁶. Intipati kepada pendidikan ialah aktiviti pembentukan dan pembangunan

¹³ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), *The Concept of Education in Islam*, Kuala Lumpur : ISTAC, h. 13. Lihat juga : Mohd. Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 28. Lihat juga : Samsul Nizar (2001), *op.cit.*, h. 90, 91

¹⁴ Sa'īd al-Khūrī, *op.cit.*, j. 1, h. 6. Lihat juga : Ibrahim Mustafa, *et.al.* (1989), *op.cit.*, j. 1, h. 9

¹⁵ Sally Wehmeier, ed. (1995), *Oxford English Reference Dictionary*, New York : Oxford University Press, h. 448

¹⁶ John Dewey (1963), *Democracy and Education*, New York : The Macmillan Company, h. 8

yang berterusan untuk melepaskan seorang kanak-kanak daripada bergantung kepada orang lain yang membolehkannya berdikari¹⁷.

Istilah kanak-kanak menurut Kamus Dewan ialah ‘budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun)’.¹⁸ Dalam Bahasa Inggeris, kanak-kanak disebut *child* atau *children* membawa maksud ‘*a young human being below the age of puberty and an unborn or newborn human being*’.¹⁹ Ia adalah sebagaimana yang tecatat dalam Oxford English Reference Dictionary. *Puberty* menurut kamus tersebut ialah ‘*the period during which adolescents reach sexual maturity and become capable of reproduction*’. Manakala usia baligh yang dicatatkan adalah mengikut perundangan iaitu 12 tahun bagi perempuan dan 14 tahun bagi lelaki.²⁰ Evelyn Weber menyatakan bahawa pendidikan awal kanak-kanak merupakan aspek penting di dalam pusingan atau kitaran pertumbuhan keintelektualan seorang manusia. Usia di antara tiga hingga lapan tahun merupakan tempoh usia yang amat rapuh yang bakal menentukan tahap keintelektualan mereka²¹. Menurut John Dewey pula, kanak-kanak adalah manusia yang bergantung kepada orang lain²².

Al-Ghazali membahagikan perkembangan manusia kepada lima peringkat iaitu peringkat janin, kanak-kanak, *tamyiz*, *al-'aqil* dan *al-auliya'*. Peringkat kanak-kanak ialah sejak lahir hingga berusia lima tahun yang mana ibu bapa dan penjaga perlu

¹⁷ Reginald D. Archambault (1966), *Lectures in The Philosophy of Education By John Dewey*, New York : Random House, h. 32

¹⁸ Tengku Iskandar (2005) *op.cit.*, h. 668

¹⁹ Sally Wehmeier, ed. (1991) *op.cit.*, h. 254

²⁰ *Ibid.*, h. 1166

²¹ Evelyn Weber (t.t), *Early Childhood Education : Perspectives on Change*, Ohio : Charles A. Jones Publishing Company, h. 2

²² Reginald (1966), *op.cit.*, h. 32

menekankan pendidikan jasmani dan rohani.²³ Azizah Lebai Nordin menulis di dalam bukunya, Pendidikan Anak-anak Teori dan Amali,

*'...pendidikan awal kanak-kanak ditakrifkan sebagai pendidikan kanak-kanak yang bermula daripada saat kelahirannya hingga kepada umur lapan tahun. Kadang-kadang pendidikan awal kanak-kanak dirujuk kepada program-program yang diperuntukkan kepada kanak-kanak di bawah umur enam tahun, atau kanak-kanak sebelum memasuki kindergarten.'*²⁴

Pada peringkat kajian menurut al-Qur'an, pendidikan awal kanak-kanak akan dikupas secara umum. Kajian akan dikhurasukan kepada pendidikan awal kanak-kanak berusia sekitar lima hingga enam tahun apabila ditumpukan di pusat-pusat pendidikan pra sekolah yang terpilih.

9. ULASAN PENULISAN

Sebelum meneruskan penulisan dan kajian, pengkaji telahpun melakukan sorotan penulisan terlebih dahulu. Pengkaji mendapati telah banyak buku-buku yang membincangkan tentang pendidikan dalam Islam. Hal ini tidak menjadi sesuatu yang menghairankan kerana kontemporari, telah lahir ramai pakar pendidikan dalam Islam yang sentiasa mengkaji teori-teori pendidikan menurut Islam secara terperinci. Namun demikian, pengkaji belum menemui satu bahan yang mengkaji tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak secara keseluruhan. Antara kajian-kajian yang telah dilakukan termasuklah latihan ilmiah dan juga disertasi.

²³ Abdul Salam Yussof (2003), *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 93

²⁴ Azizah Lebai Nordin (2004), *op.cit.*, h. 1

Antara kajian yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru pra sekolah ialah kajian yang dilakukan oleh Normadiah bt Abdullah yang bertajuk *Amalan Pengajaran Guru Pra Sekolah : Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta*. Kertas projek ini di kemukakan kepada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan.

Tujuan kajian dilakukan adalah untuk mengkaji dan membandingkan amalan pengajaran guru pra sekolah di Tadika Islam, Dato' Keramat yang merupakan sebuah tadika yang berunsurkan Islam dan Tadika Sempurna, sebuah tadika yang dikelolakan oleh pihak swasta. Maklumat tentang latar belakang tadika diperolehi melalui pemerhatian tentang pengajaran guru di bilik darjah. Fokus pemerhatian pengajaran guru adalah tentang strategi pengajaran guru, alat bantu yang digunakan dan persekitaran fizikal bilik darjah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada umumnya guru pra sekolah mengamalkan pendekatan pengajaran berpusatkan guru dengan memberi penekanan kepada latih tubi bagi meningkatkan kefahaman dan daya ingatan murid. Perbezaan yang nyata antara Tadika Islam dan Tadika Sempurna ialah tentang matlamat, kurikulum, strategi pengajaran dan penilaian kemajuan murid.

Kajian ini memberi fokus kepada pendekatan pengajaran yang digunakan oleh para guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa memberi fokus kepada perkaitan dengan asas pendidikan al-Qur'an. Pengamalan dan pelaksanaan pendidikan oleh guru-guru merupakan sebahagian daripada kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Kajian ini memberi sedikit sebanyak panduan kepada

pengkaji tentang cara-cara melaksanakan kajian lapangan berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak.

Dr. Adnan bin Abd. Rashid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah melakukan satu kajian yang bertajuk *A Study of Parents Expectations on Teacher's Requirements in Teaching at Islamic Pre Schools (TASKIs) in Federal Territory* pada tahun 1993. Kajian ini merupakan disertasi bagi memperolehi Sarjana Pendidikan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jangkaan ibu bapa terhadap keperluan pengajaran di Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI). Tujuannya adalah untuk mengenal pasti dan mencadangkan cara untuk mempercepatkan perkembangan dan seterusnya meningkatkan kualiti guru-guru pra sekolah yang beragama Islam untuk membolehkan mereka menyemai nilai-nilai Islam melalui perkembangan awal kanak-kanak yang terancang.

Material-material yang bersesuaian dengan kajian ini disusun dalam 5 bab. Melalui bab-bab ini, dibentangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan jangkaan ibubapa dan realiti tentang guru-guru, memfokuskan berkenaan pendidikan Islam, pra sekolah Islam (TASKI), kualiti guru-guru muslim, kepentingan pendidikan pra sekolah di dalam Islam dan interaksi antara guru dan ibu bapa serta penjaga.

Secara tidak langsung, kajian ini berkait dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kerana kajian ini berkenaan dengan pendidikan Islam di pusat pendidikan awal kanak-kanak dan melibatkan usaha dalam menyemai nilai-nilai Islam melalui perkembangan awal kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak berkaitan dengan asas-asas pendidikan yang terdapat di dalam al-Quran.

Peranan Taska dan Tadika Dalam Pembentukan peribadi Kanak-kanak Islam :

Suatu Kajian di Kuala Kangsar, Perak merupakan disertasi ditulis oleh Asmah binti Ansar bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya. Kajian ini tertumpu kepada perbincangan tentang peranan institusi pra sekolah khususnya taska, tadika dan tabika dalam pembentukan peribadi kanak-kanak Islam. Kajian ini menggunakan metodologi yang pelbagai untuk mendapatkan data-data yang lengkap mengenai peranan tadika, taska dan tabika dalam pembentukan peribadi kanak-kanak khususnya kanak-kanak Islam iaitu metode temubual, pemerhatian dan dokumentasi. Seterusnya data-data dan fakta-fakta akan dianalisis.

Disertasi ini ditulis di dalam enam bab yang dimulai dengan bab pendahuluan. Perbincangan dalam bab pertama meliputi pengertian istilah kanak-kanak dan peribadi dari aspek bahasa dan istilah, peribadi menurut Islam (al-Qur'an, al-hadith dan ulama') dan ahli falsafah barat, konsep pendidikan awal kanak-kanak, peranan ibubapa dan guru dalam pembentukan peribadi kanak-kanak islam dan teknik pendidikan kanak-kanak. Bab kedua pula memberi fokus berkenaan taska dan tadika di Malaysia. Dalam bab ketiga dibincangkan tentang taska dan tadika di Kuala Kangsar, Perak iaitu tabika kemas, tabika perpaduan, tadika islam dan taska swasta. Bab keempat pula membentangkan mengenai laporan kajian iaitu analisa peranan taska dan tadika dalam pembentukan peribadi kanak-kanak islam. Disertasi ini diakhiri dengan bab kelima iaitu penutup yang mengandungi beberapa rumusan dan saranan.

Walaupun terdapat kupasan tentang konsep pendidikan awal kanak-kanak dan teknik pendidikan kanak-kanak dalam bab pertama yang hampir sama dengan disertasi

ini (Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an : Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Triang, Pahang), namun kupasan yang diketengahkan oleh Saudari Asmah lebih tertumpu kepada pendapat ulama' berbanding kupasan di dalam kajian ini yang lebih menumpukan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dan tafsiran ahli tafsir.

R. Muhammad Zaini telah membuat kajian tentang pendidikan Islam menurut al-Qur'an yang menjurus kepada pendidikan Islam secara umum. Disertasi beliau berjudul *Pendidikan Islam Menurut Perspektif al-Qur'an : Kajian Terhadap Surah al-'Alaq Ayat 1 – 5* dikemukakan bagi memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya.

Kajian ini dilakukan mengenai surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5 merangkumi pengertian, sejarah penurunannya, kaitannya dengan ayat yang sebelum serta kandungan isi dan pengajaran yang terdapat dalam surah tersebut. Kajian juga dilakukan terhadap beberapa maksud daripada ayat 1 hingga 5 tersebut serta kaitannya dengan pendidikan Islam. Sebelum mendalami surah al-'Alaq, kajian dilakukan terhadap pengertian al-Qur'an dan pendidikan, kandungan-kandungan pendidikan di dalam al-Qur'an, maksud pendidikan yang terdapat di dalam al-Qur'an, pendidikan Islam menurut perspektif al-Qur'an, pendidikan Islam yang syumul serta perbahasan mengenai penyelesaian al-Qur'an terhadap masalah-masalah pendidikan.

Kajian ini merupakan kajian berkenaan pendidikan di dalam al-Quran, namun, kajian ini hanya memberi fokus kepada surah al-'Alaq dan asas pendidikan dikupas secara umum tanpa memberi fokus kepada sebarang peringkat usia. Kajian ini dapat

membantu kepada pengkaji dalam mengupas ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak.

Asmaa' Mohd. Arshad daripada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) telah mengemukakan tesis sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Tamadun Islam pada tahun 2000. Tesis beliau bertajuk *Ethical Dimension of Child Education of Abu Hamid al-Ghazali : An Early Example of Islamization of Contemporary Knowledge*.

Imam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (w. 505 H/1111 M) merupakan salah seorang ulama' dan pemikir Islam yang terkenal dalam sejarah Islam yang telah berusaha untuk menghidupkan kembali kebenaran sains Islam. Usaha beliau tersebut telah membawa kepada pengiktirafan beliau sebagai mujaddid abad ke 5 Hijrah.

Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan oleh Saudari Asmaa' ini mengkaji metodologi kebangkitan al-Ghazali yang merupakan asas konsep pendidikan kanak-kanak yang dikemukakan oleh al-Attas. Ia diambil secara meluas daripada Miskawayh yang telah banyak dipengaruhi oleh tradisi pemikiran Hellenistic. Analisis ini dibahagikan kepada tiga bab. Pertamanya, pengkaji memperkenalkan masalah dan latarbelakang kepada isu ini sebelum membincangkan terma-terma dan konsep yang digunakan oleh al-Ghazali dalam menonjolkan semangat Sufi dalam bab pertama. Bab kedua pula membincangkan tentang sumber rujukan al-Ghazali dalam pendidikan kanak-kanak. Akhirnya dalam bab ketiga kami akan mengkaji dengan membuat perbandingan antara pendapat al-Ghazali dan Miskawayh berkaitan beberapa aspek praktikal dalam proses pembesaran kanak-kanak.

Tesis ini melibatkan kajian berkaitan pendidikan kanak-kanak. Namun, kajian ini tertumpu kepada pendapat al-Ghazali dan Miskawayh. Kajian ini dapat membantu pengkaji dalam memahami konsep pendidikan dan perkembangan kanak-kanak.

Irmadura Ramli telah mengetengahkan kajian tentang penggunaan kaedah bercerita bagi memperkenalkan perlakuan-perlakuan yang bermoral kepada kanak-kanak. Kertas projek beliau bertajuk *Children's Interpretations of Moral Values in Fairy Tales* dikemukakan kepada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan.

Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana kanak-kanak pra sekolah membuat interpretasi terhadap perlakuan-perlakuan tidak bermoral (menipu dan berkelakuan agresif) oleh watak-watak di dalam cerita dongeng. Turut dikaji ialah perubahan dalam cara kanak-kanak membuat interpretasi apabila sebab-sebab perlakuan-perlakuan tersebut diketahui, pertalian di antara cara kanak-kanak menganggap sesuatu watak itu baik atau jahat dengan interpretasi kanak-kanak terhadap perlakuan watak-watak tersebut, dan juga perbezaan interpretasi oleh kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Sejumlah 32 kanak-kanak lelaki dan 35 kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun telah mengambil bahagian di dalam kajian ini. Kanak-kanak ini mendengar dua cerita dongeng iaitu ‘Sang Kancil dan Buaya’ dan ‘Ahmad, Aminah dan Nenek Kebayan’ (Hansel and Gretel). Selepas setiap sesi bercerita, kanak-kanak ini ditemubual secara individu di mana mereka telah menjawab soalan-soalan berkaitan yang dikemukakan oleh pengkaji.

Selain daripada kaedah berkaitan penceritaan kisah-kisah dongeng, satu kajian yang dijalankan oleh Nabiroh Bt Kassim berkaitan penceritaan kisah Nabi Musa a.s dan Firaun yang banyak terdapat di dalam al-Qur'an. Tajuk disertasi beliau, ***Kisah Nabi Musa dan Firaun di Dalam al-Qur'an : Aplikasinya di Dalam Pendidikan Islam*** dikemukakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Usuluddin Bahagian 2 (secara berkursus dan disertasi) di Universiti Malaya.

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menghalusi kisah Nabi Musa a.s, iaitu kisah yang paling banyak disebut di dalam al-Qur'an selepas kisah Nabi Muhammad s.a.w. Fokus utama kajian adalah berhubung perjuangan Nabi Musa dalam berdakwah kepada Firaun, seorang penguasa yang begitu zalim dan seterusnya mencadangkan kaedah pengaplikasian kisah ini di dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah.

Seterusnya pengkaji mengupas kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Qur'an, kedudukan kisah-kisah tersebut, matlamat, kepentingan dan tujuan kisah-kisah ini secara umum. Setelah itu, pengkaji menyorot kisah-kisah nabi di dalam al-Qur'an dan menghuraikan kepentingan dan perkaitannya dengan pendidikan Islam. Kisah nabi Musa dan Firaun dijelaskan secara terperinci berdasarkan kajian khusus kepada Surah Taha, Surah al-Qasas, dan Surah al-Syu'ara' yang membincangkan kisah Nabi Musa secara terperinci. Kajian dilakukan berkaitan aplikasi kisah Nabi Musa dan Firaun dalam kurikulum dan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa kisah Nabi Musa tidak mendapat tempat yang banyak di dalam kurikulum kebangsaan sama ada Kurikulum Pendidikan

sekolah rendah atau menengah (KBSR dan KBSM). Kisah ini dimasukkan secara tidak langsung sewaktu membincangkan topik-topik berkaitan dengan rasul-rasul Ulu al-'Azmi.

Kedua-dua kajian di atas melibatkan salah satu daripada kaedah pendidikan awal kanak-kanak. Kaedah ini juga merupakan salah satu daripada cara Allah mendidik manusia. Justeru, pengkaji mengambil kira kedua-dua kajian di atas sebagai rujukan dalam mengkaji ayat-ayat al-Qur'an yang boleh dijadikan asas kaedah-kaedah pendidikan awal kanak-kanak.

Kajian lain yang dilakukan berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak di pusat pendidikan pra sekolah ialah kajian yang dilakukan oleh Dr. Mastura Badzis, yang bertajuk *Teachers And Parents' Understanding of The Concept of Play in Child Development and Education*. Tesis ini dikemukakan ke Institute of Education, University of Warwick bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Pendidikan.

Kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada keperluan dan kepentingan kualiti pengalaman bermain sambil belajar untuk kanak-kanak pra sekolah. Ini adalah kerana bermain sambil belajar memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan yang besar di dalam perkembangan kanak-kanak. Manakala tujuan utama kajian ini pula ialah untuk mengkaji pandangan guru dan ibubapa kepada konsep tersebut dan kefahaman mereka terhadap hubungkait konsep tersebut dengan pembelajaran kanak-kanak khususnya di bangku pra sekolah. Pandangan guru terhadap konsep bermain di gambarkan dan di analisa dari segi definisi bermain, peranan dan nilai bermain dan hubungkaitnya dengan pembelajaran kanak-kanak, dan penggunaan konsep bermain di

dalam pengajaran. Pandangan ibubapa pula diukur dari segi kefahaman mereka terhadap konsep bermain sebagai alat pedagogi untuk pembelajaran dan kecenderungan mereka kepada aktiviti pembelajaran pra sekolah.

Walaupun kajian ini tidak berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an mahupun pendidikan Islam, namun kajian ini dijadikan bahan untuk membantu pengkaji memahami secara lebih mendalam tentang realiti perkembangan kanak-kanak pendidikan awal kanak-kanak yang dilaksanakan di Malaysia.

Berdasarkan tinjauan penulisan lalu yang telah dilakukan di atas, pengkaji mendapati tiada kajian yang dilakukan berkaitan pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an serta pelaksanaannya di pusat pendidikan pra sekolah di Malaysia. Justeru, kajian ini merupakan kajian asal yang dilakukan oleh pengkaji dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berautoriti.

10. SISTEMATIKA PENULISAN

Pengkaji memulakan pembentangan hasil kajian dengan Bab Pendahuluan yang memaparkan pengenalan, latar belakang masalah kajian, kenyataan masalah kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan penulisan serta metodologi kajian.

Pada bab pertama yang bertajuk Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an, pengkaji akan menyentuh tentang pengertian pendidikan awal kanak-kanak

menurut al-Qur'an, aspek-aspek pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an, dan kaedah-kaedah pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an. Aspek-aspek pendidikan awal kanak-kanak dikupas dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir dan pandangan para ulama' meliputi beberapa perkara seperti pendidikan aqidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelektual, emosi dan sosial. Manakala kaedah-kaedah pendidikan menurut al-Qur'an pula merangkumi kaedah pendidikan melalui contoh tauladan, penceritaan, pembalasan baik dan buruk, melalui perbandingan dan perumpamaan, dan pendidikan yang beransur-ansur dan berperingkat.

Di dalam bab kedua iaitu bab Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, pengkaji membentangkan tentang latar belakang pendidikan awal kanak-kanak di bandar Triang merangkumi sejarah penubuhan dan perkembangan, jawatankuasa tadbir, tenaga pengajar, aktiviti dan kurikulum di empat buah pusat pendidikan pra sekolah di sekitar bandar Triang. Empat buah pusat pendidikan pra sekolah ialah TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, TABIKA KEMAS Bandar Triang, Pra Sekolah SK Sri Buntar dan PASTI al-Insan.

Manakala pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di beberapa pusat pendidikan pra sekolah di Triang dimuatkan dalam bab ketiga. Pelaksanaan pendidikan yang dibincangkan merangkumi aspek-aspek pendidikan dan kaedah-kaedah pendidikan yang dilaksanakan di empat buah pusat pendidikan pra sekolah di bandar Triang yang terlibat. Aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan yang dilaksanakan ditinjau berdasarkan aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan menurut al-Qur'an.

Analisa data pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di beberapa pusat pendidikan pra sekolah di Triang dibentangkan dalam bab keempat. Analisa perbandingan dibuat berkaitan dengan asas pendidikan awal kanak-kanak yang telah digariskan di dalam al-Qur'an dengan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di sekitar bandar Triang. Analisa perbezaan dan persamaan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak yang berdasarkan al-Qur'an di empat buah pusat pendidikan awal kanak-kanak di sekitar bandar Triang turut dimuatkan dalam bab keempat.

Dalam bab kelima sebagai bab yang terakhir, pengkaji membuat rumusan dan menyarankan beberapa saranan yang dirasakan perlu untuk tindakan selanjutnya oleh pihak berkenaan.

11. KADEAH PENGUMPULAN DATA

Untuk menjayakan proses pengumpulan data, pengkaji telah menggabungkan beberapa metode²⁵ dan mengkategorikan dalam dua bahagian, iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

²⁵ Imam Barnadib memberikan pengertian metodologi sebagai "ilmu tentang mengadakan penelitian". Ia berasal daripada perkataan Yunani, *methodos* yang bererti cara-cara dan *logos* pula bererti ilmu. Oleh yang demikian metodologi memberi maksud suatu ilmu tentang cara. Lihat; Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yayasan Penerbitan FIP-JKIP, Yogyakarta, h. 51. Lihat juga; Koentjaraningrat, ed. (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Penerbitan PT Gramedia, h. 16

a) Kajian Perpustakaan (*library research*)

Pengkaji menggunakan metode kajian perpustakaan bagi memperolehi data-data yang diperlukan meliputi ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan serta tafsirannya, pendapat para ulama' serta maklumat lanjut tentang latar belakang pendidikan awal kanak-kanak. Pengkaji membuat rujukan terhadap buku-buku di perpustakaan, koleksi peribadi milik pengkaji, serta milik rakan-rakan dan pensyarah. Rujukan ini dilakukan bagi memenuhi keperluan bab pertama iaitu mengenai pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an. Pengkaji juga menggunakan beberapa metode lain seperti :

i. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Dokumen bererti benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan seperti sijil kelahiran, sijil kematian yang dapat digunakan sebagai bukti atau keterangan yang sahih tentang sesuatu perkataan.²⁶ Dokumentasi pula bermaksud himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan bagi sesuatu kajian.²⁷ Metode ini akan dapat digunakan dengan merujuk kepada buku-buku dan artikel-artikel. Pengkaji akan merujuk data-data dari sumber primer seperti silibus, kurikulum, buku panduan dan lain-lain dokumen bagi setiap pusat pendidikan pra sekolah yang dikaji tanpa mengenepikan data berbentuk sekunder. Metode dokumentasi ini amat diperlukan bagi mengetahui lebih lanjut tentang tempat kajian yang akan dibentangkan dalam bab yang kedua.

²⁶ *Ibid.*, h. 311

²⁷ *Ibid.*, h. 312

ii. Metode Pensejarahan

Dalam melaksanakan penulisan ini, pengkaji menggunakan metod pensejarahan (historiografi). Setiap peristiwa sosial selalu mempunyai sejarah yang mendahuluinya melalui proses evolutif yang membentuk fasa-fasa perkembangannya²⁸. Pengkaji akan menggunakan pendekatan ini untuk menelusuri perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di bandar Triang bagi mendapatkan gambaran yang tepat tentang realiti pendidikan awal kanak-kanak di bandar Triang amnya dan di pusat pendidikan yang terpilih khasnya. Hasil kajian tersebut akan dimuatkan dalam bab kedua.

b) Kajian lapangan (*fieldwork research*)

Bagi menyelesaikan bab ketiga, iaitu berkaitan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an, pengkaji perlu membuat kajian lapangan di empat buah pusat pendidikan awal kanak-kanak di Bandar Triang. Dalam kajian lapangan ini, pengkaji lebih menekankan kepada metode :

a) Temubual

Metode temubual (*interviews*)²⁹ digunakan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai bidang yang dikaji. Metode temubual ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang (*face to face*).³⁰ Pengkaji akan menggunakan

²⁸ Kartini Kartono (1976), *Pengantar Metodologi Research Sosial*, Bandung : Penerbit Alumni, h. 271

²⁹ William Foddy (1993), *Constructing Questions For Interviews And Questionnaires : Theory And Practice In Social Research*, Cambridge : Cambridge University Press.

³⁰ Koentjaraningrat, ed., *op.cit.*, h. 85.

metod ini dalam bab ketiga. Melalui kaedah inilah pengkaji dapat mengetahui dan mengumpulkan maklumat yang tidak dapat diperolehi dari kaedah sebelumnya.

Pengkaji menggunakan metode responden terpilih (*selected respondent*). Ini merupakan satu cara pemilihan sebahagian daripada pihak yang seharusnya representatif keseluruhan kajian tersebut. Justifikasi penggunaan metode ini berasaskan kepada beberapa sebab :

1. Responden (guru pusat pendidikan awal kanak-kanak) merupakan orang yang berpengalaman dan berkelayakan dalam bidang pengkajian.
2. Responden (guru pusat pendidikan awal kanak-kanak) mempunyai status istimewa bagi mewakili beberapa pihak tertentu (pusat pendidikan awal kanak-kanak). Ini penting untuk menjadi kesahan kajian.
3. Metode ini merangkumi topik yang kompleks iaitu berkaitan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak yang menjurus kepada usaha seorang guru. Ini kerana perolehan yang bakal didapati adalah hasil penglibatan responden (guru) dalam lapangan yang dikaji.

Metode ini merupakan kaedah yang praktikal kerana ia menjimatkan kos, masa, tenaga dan pemprosesan data.

b) Pemerhatian

Pengkaji akan membuat perhatian (*observation*) terhadap pelaksanaan sistem pembelajaran di setiap lokasi kajian bagi memperolehi maklumat lanjut. Melalui proses

ini, pengkaji dapat menilai dan mencatat realiti situasi di lokasi kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui dokumen maupun hasil temubual.

12. KAEADAH ANALISA DATA

Setelah memperolehi data-data dan maklumat yang mencukupi berkaitan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan al-Qur'an di pusat pendidikan pra sekolah di sekitar bandar Triang dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual, data-data tersebut, yang direkodkan di dalam borang skala seperti lampiran 2, dianalisa dengan menggunakan metode statistik diskriptif.

Statistik diskriptif digunakan untuk memperihalkan data yang terdapat pada sampel kajian. Ia merangkumi proses mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan dalam bentuk yang mudah difahami oleh pembaca atau kumpulan sasaran.³¹ Tujuannya adalah untuk memberi penerangan yang sistematik berkenaan fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi secara fakta dan tepat.³²

Bagi memudahkan analisa data secara statistik diskriptif, pengkaji menggunakan perisian SPSS 15.0 dan Microsoft Excel. Data yang diperolehi dianalisa dan dipaparkan dalam bentuk graf dalam bab keempat iaitu bab Analisa Data Pelaksanaan Pendidikan Menurut al-Qur'an di Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak di Bandar Triang.

³¹ Alias Baba (1997), *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 22

³² Sidek Mohd. Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori Dan Praktis*, Serdang : Universiti Putra Malaysia, h. 46

BAB PERTAMA

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT AL-QUR'AN



BAB PERTAMA

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT AL-QUR'AN

Al-Qur'an merupakan satu kitab suci yang menyeluruh memberi panduan tentang kehidupan manusia di dunia mahupun di akhirat. Malah ia turut menyinggung perkara sebelum kejadian manusia. Dalam kesempurnaan tersebut, al-Qur'an tidak mengenepikan kedudukan kanak-kanak yang menjadi satu elemen penting dalam turutan usia manusia. Al-Qur'an mengetengahkan pelbagai perkataan bagi menggambarkan kepentingan kanak-kanak merangkumi kalimah *walad*, *awlād*, *wildān*,³³ *dhurriyyah*³⁴, *abnā*³⁵, *bunayya*, *banīm*, *baniy*,³⁶ *sabiy*³⁷, *tīfl*³⁸, *atfāl*³⁹, dan sebagainya.

Kalimah-kalimah tersebut terungkap dalam pelbagai ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang kanak-kanak merangkumi perihal anak di dalam kandungan, kelahiran, nasab keturunan, penyusuan, perawatan, nafkah, pendidikan, anak yatim, kewajipan anak-anak terhadap orang tua, dan lain-lain lagi.

³³ Muhammad Sa'id al-Lahham (2002), *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'an al-Karīm*, Dār al-Ma'rifah, Beirut : Lebanon, h. 957, 958

³⁴ *Ibid.*, h. 512, 513

³⁵ *Ibid.*, h. 39 - 41

³⁶ *Ibid.*, h. 306 - 308

³⁷ *Ibid.*, h. 640

³⁸ *Ibid.*, h. 655

³⁹ *Ibid.*, h. 129

1.1 Pengertian Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut al-Qur'an

Sebelum perbahasan dilanjutkan lebih jauh, perkara pertama yang perlu diteliti ialah pengertian pendidikan awal kanak-kanak seperti yang terkandung di dalam al-Qur'an. Di dalam al-Qur'an tidak ada dinyatakan secara jelas tentang pengertian pendidikan awal kanak-kanak. Namun demikian, pendidikan awal kanak-kanak dapat difahami melalui kedudukan kanak-kanak di dalam al-Qur'an seperti mana yang terkandung di dalam ayat 58 dan 59 dari surah al-Nūr yang akan dikupas dengan lebih lanjut di bawah. Antara perkataan yang paling jelas menggambarkan tentang kedudukan kanak-kanak di dalam al-Qur'an ialah perkataan **الْأَطْفَلُ** di dalam firman Allah s.w.t :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَعْذِنُكُمُ الَّذِينَ مَلَكُتُ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَثَ مَرَّاتٍ مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ شِيَابَكُمْ مِنْ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَثُ عَوْرَاتٍ لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَّفُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾ وَإِذْ بَلَغَ الْأَطْفَلُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلَيَسْتَعْذِنُوَا كَمَا أَسْتَدَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

Maksudnya : "Hai orang-orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu : sebelum sembahyang Subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari dan sesudah sembahyang Isya'.

(Itulah) tiga aurat bagi kamu⁴⁰. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selain dari (tiga waktu) itu⁴¹. Mereka melayani kamu, sebahagian kamu (ada keperluan) kepada sebahagian (yang lain). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (58). Dan apabila anak-anakmu telah sampai umur baligh, maka hendaklah mereka meminta izin, seperti orang-orang yang sebelum mereka meminta izin. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (59)”.

(al-Nūr [24] : ayat 58 & 59)

Al-Shawkānī dalam kitab tafsirnya *Fath al-Qadīr* memberi erti mereka yang belum baligh sebagai *al-sibyān*⁴² manakala Ibn Kathīr pula menggunakan perkataan *al-atfāl* sebagai menerangkan golongan yang belum cukup umur tersebut⁴³.

Ayat tersebut menunjukkan perbezaan kewajipan yang mana pada peringkat pertama, kanak-kanak yang belum baligh mesti dididik dan disuruh oleh orang dewasa agar meminta izin sebelum memasuki bilik orang dewasa hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja. Sedangkan pada peringkat kedua, iaitu setelah mencapai usia baligh, mereka wajib meminta izin pada setiap waktu seperti orang-orang dewasa yang diarahkan berbuat demikian tanpa pengecualian waktu⁴⁴.

Perbezaan dua kewajipan ini jelas menerangkan peringkat perkembangan manusia sebelum dan sesudah mencapai usia baligh yang mana tanggungjawab sebelum baligh

⁴⁰ Maksudnya : Tiga waktu yang biasanya pada waktu-waktu tersebut banyak anggota badan yang terdedah. Oleh sebab itu Allah melarang budak-budak dan anak-anak di bawah umur untuk memasuki bilik tidur orang dewasa tanpa izin pada waktu-waktu tersebut. Lihat : Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an (1990), *al-Qur'an dan Terjemahannya*, Madinah : Mujamma' Khādim al-Ḥaramayn al-Shārifayn al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Muṣṭafā al-Shārif, h. 554

⁴¹ Maksudnya : Tidak berdosa kalau mereka dilarang masuk tanpa izin, dan tidak pula mereka berdosa kalau masuk tanpa meminta izin. Lihat : *ibid.*, h. 554

⁴² Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (1995), *Fath al-Qadīr*, Dār al-Ma’rifah : Beirut, j. 4, h. 64

⁴³ Abī al-Fidā’ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz*, Maktabah al-Manar li Nashr wa al-Tawzī’, j. 3, h. 284. Lihat juga : Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (2003), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut : Dar al-Fikr, j. 6, h. 233

⁴⁴ al-Shawkānī (1995), *op.cit.*, j. 4, h. 67. Lihat juga : Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 3, h. 285

terletak atas bahu dan tanggungjawab orang dewasa manakala kewajipan mereka yang sudah baligh terpikul di atas diri mereka sendiri. Menurut satu pendapat di dalam tafsir al-Qurṭubī pula, seseorang itu dikira kanak-kanak sehingga dia berumur 4 tahun.⁴⁵

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada ayat tersebut ialah, pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an ialah kanak-kanak tidak dipertanggungjawabkan dengan sesuatu perkara malah perlu dibimbing dan dididik dalam menjalani kehidupan sehari bertepatan dengan ajaran Islam. Keistimewaan seseorang kanak-kanak itu adalah dia tidak mukallaf, iaitu dia tidak menanggung beban dosa sekiranya dia melakukan dosa. Justeru, orang yang disekeliling mereka yang bertanggungjawab mendidik mereka dan menanggung beban dosa sekiranya mereka tidak dididik dengan ajaran Islam yang benar.

1.2 Aspek-aspek Pendidikan Menurut al-Qur'an

'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān dalam bukunya yang begitu terkenal, *Tarbiyah al-Awlād fī al-Islām*, telah menggariskan tujuh aspek pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh setiap pihak yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak. Aspek-aspek tersebut ialah aspek pendidikan akidah, akhlak, fizikal, mental, emosi, sosial, dan seksual.⁴⁶

⁴⁵ Ahmad al-Anṣārī (2003), *op.cit.*, j. 6, h. 237

⁴⁶ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān (tt), *Tarbiyah al-Awlād fī al-Islām*, Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi : Beirut, Lubnan, j. 1, h. 146

Manakala Dr. Halim El-Muhammadi⁴⁷ pula membahagikan pendidikan kanak-kanak dari umur lima hingga tujuh tahun kepada tiga bahagian, iaitu :

Bahagian pertama : Aspek Rohani

- i. Pendidikan Ibadah
- ii. Pendidikan Adab

Bahagian kedua : Aspek Akal

Bahagian Ketiga : Aspek Jasmani

Dalam pembentangan ini, pengkaji telah merumus dan akan membentangkan aspek-aspek yang perlu di ambil kira dan dipraktikkan dalam mendidik kanak-kanak sebagaimana berikut iaitu dari sudut pendidikan aqidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelektual, emosi, dan sosial.

1.2.1 Pendidikan Aqidah

Aspek pertama yang perlu diberi penekanan di dalam pendidikan sepermulaan yang tercatat di dalam al-Qur'an al-Karim ialah pendidikan aqidah. Aqidah tauhid kepada Allah s.w.t merupakan mesej terpenting dan pertama yang dibawa oleh para rasul dan nabi sejak sekian lama. Tidak mempersekuatkan Allah s.w.t dengan sesuatu apa pun dan meninggalkan segala sembahana selainNya. Firman Allah s.w.t :

⁴⁷ Abdul Halim (1991), **Pendidikan Islam ; Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik**, Selangor : Dewan Pustaka Islam, h. 39 - 44

أَفَغَيْرِ دِينِ اللَّهِ يَعْبُدُونَ وَلَهُ أَكْثَرُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ



Maksudnya : “Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari agama Allah? Padahal kepadaNyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadaNyalah mereka dikembalikan.”

(Ali ‘Imran [3] : ayat 83)

Orang-orang yang tidak mengikut dan mentaati rasul merupakan orang yang berdosa. Manakala orang-orang yang tidak berpegang dengan *dīn* Allah adalah tergolong dalam golongan yang ragu-ragu. Sedangkan keraguan terhadap *dīn* Allah merupakan satu dosa besar.⁴⁸ *Dīn* Allah hanyalah satu, yang diutuskan kepada para rasulNya⁴⁹ iaitu beribadah dan mengesakanNya, dan tidak menyekutukanNya⁵⁰.

Mengapakah pendidikan aqidah terletak di kedudukan paling utama? Tidak lain tidak bukan kerana mempersekutuan Allah s.w.t merupakan dosa yang paling besar. Tiada dosa yang paling besar di sisi Allah s.w.t kecuali dosa mempersekutuanNya.⁵¹ Dosa syrik tidak diampuni oleh Allah s.w.t kerana syirik memusnahkan akal dan melahirkan kejahatan yang akhirnya akan memusnahkan individu dan masyarakat kerana kekuasaan tertinggi bukan lagi pada Allah tetapi di tangan mereka.⁵² Mereka akan melakukan semua perkara berdasarkan keinginan nafsu dan akal semata-mata. Bahkan

⁴⁸ Sayyid Quṭb (1973), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Dar al-Shurūq : Beirut, j. 1, h. 421

⁴⁹ *Ibid.*, j. 1, h. 421. Lihat juga : Isma’il bin Kathir (1990), *op.cit.*, j. 1, h. 332

⁵⁰ Isma’il bin Kathir (1990), *op.cit.*, j. 1, h. 332

⁵¹ Lihat surah ke 4, al-Nisā’, ayat 48

⁵² Ahmad Muṣṭafa al-Marāghī (1996), *Tafsīr al-Marāghī*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah : Lubnan, j. 2, h. 232

segala amalan kebaikan yang mereka lakukan tidak memberi faedah kepada diri mereka.

Firman Allah s.w.t :

مَثْلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَلُهُمْ كَرَمَادٍ أَشْتَدَّتْ بِهِ الرِّسْخُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الظَّلَلُ الْبَعِيدُ

Maksudnya : “*Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.*”

(Ibrāhim [14] : ayat 18)

Allah s.w.t membuat perumpamaan dalam ayat di atas untuk amalan orang-orang kafir yang beribadah kepada selain daripada Allah s.w.t, yang mendustakan utusanNya dan beramal atas dasar yang tidak sah. Pada hari akhirat, orang-orang kafir akan menuntut pahala dari amalan mereka ketika di dunia kerana mereka mendapati tidak ada amalan mereka yang dikira.⁵³ Sedangkan amalam-amalan mereka tidak memberi sedikit manfaat pun kepada mereka seperti mana debu yang langsung tidak bermanfaat apabila diterbangkan angin ketika ribut melanda.⁵⁴

Oleh hal yang demikian, menjadi tanggungjawab semua pihak khususnya ibu bapa untuk mendidik anak mereka tentang aqidah sebagai matapelajaran utama agar segala amalan yang dilakukan di dunia tidak menjadi sia-sia serta sebagai penyelamat dari terjerumus ke dalam kancalah kesesatan yang penuh kehinaan. Sabda Rasulullah s.a.w:

⁵³ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 2, h. 482

⁵⁴ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (1994), *Fatḥ al-Qadīr*, al-Mansurah : Dar al-Wafa’ li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi’, j. 3, h. 103

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفُطُرَةِ فَإِنَّمَا يُهَوِّدُ دَانِهُ أَوْ يُنَصِّرُ أَنَّهُ أَوْ يُمْجِحُ سَيِّنَهُ ...

Maksudnya : “Nabi s.a.w bersabda ; Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam), maka ibubapanya yang menjadikannya seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi...”

Terdapat pelbagai cara untuk mendidik anak mengenal Allah dan memperteguhkan aqidah mereka.⁵⁶ Perkara paling utama dalam mendidik aqidah anak-anak adalah dengan mengajar mereka melafazkan dan memahami maksud kalimah ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾⁵⁷ Kalimah tersebut menjadi tunjang kepada aqidah Islam. Selain daripada itu, ibu

bapa dan para pendidik perlu memperkenalkan keesaan Allah dengan menceritakan kekuasaan Allah dan kasih sayangNya kepada makhluk ciptaanNya. Kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan kasih sayang Allah yang menciptakan manusia dengan fizikal yang cantik, yang memberi manusia kehidupan yang baik, yang memberi nikmat melihat, mendengar dan berkata-kata kepada manusia,⁵⁸ serta banyak lagi ciptaan-ciptaan Allah seperti tumbuh-tumbuhan, matahari, kejadian siang dan malam, binatang dan lain-lain. Berfikir tentang kejadian alam atau makhluk ciptaan Allah merupakan salah satu cara untuk mengenal Allah dan mengukuhkan aqidah.⁵⁹ Cara ini amat bersesuaian dengan kanak-kanak yang baru mengenal alam sekeliling mereka.

⁵⁵ Muḥammad b. Ismā’il Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī (2000), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Janā’iz”, no. hadith 1385, Beirut : Dar al-Fikr, j. 1, h. 327

⁵⁶ Muḥammad Nūr bin ‘Abd al-Hafīẓ Suwayd (2000), *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah li al-Tifl*, Beirut : Dar Ibn Kathir, h. 207

⁵⁷ ‘A’id ‘Abd Allah al-Qarnī (2000), *Fa’lam Annahu Lā Ilāha Illā Allāh*, Beirut : Dar Ibn Hazam, h. 50

⁵⁸ Aḥmad Khalīl Jam’ah (2001), *al-Tifl fi Ḏaw’i al-Qur’ān wa al-Sunnah wa al-Adāb*, Beirūt : al-Yamāmah li al-Tibā’ah wa al-Nashr, h. 97

⁵⁹ Anwār al-Jundi (1977), *Min Tufḍalah al-Bashariyah Ilā Rashd al-Insāniyah*, Dar al-‘Ulum li al-Tiba’ah, h. 8

Bagi memperkenalkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, para pendidik boleh memaparkan kisah-kisah Nabi dan para sahabat, dan memupuk kasih sayang kepada Rasulullah s.a.w dalam jiwa kanak-kanak⁶⁰. Di samping itu, kanak-kanak perlu dididik mencintai al-Qur'an dengan membacanya, menghafaz ayat-ayat al-Qur'an serta memahami maksud yang terkandung di dalamnya kerana al-Qur'an itu merupakan sumber aqidah Islam sejak ia diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.⁶¹

1.2.2 Pendidikan Ibadah

Al-Dīn terdiri daripada aqidah, akhlak, ibadah, muamalat dan hukuman. Ibadah ialah semua yang disukai oleh Allah dan diredhaiNya daripada perkataan dan perbuatan, zahir dan batin. Solat, zakat, puasa, menghubungkan silaturrahim, menunaikan amanah, berbuat baik dengan jiran, anak yatim, dan orang-orang miskin, berdoa, mensyukuri nikmat Allah, mencintai Rasulullah s.a.w dan seumpama dengannya, adalah ibadah.⁶² Ibadah merupakan pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t, kerana segala urusan dunia dan akhirat bersumberkan petunjuk dan ajaran Allah semata-mata⁶³. Ia bermatlamat untuk mendapatkan kecintaan dan keredaan Allah, serta merupakan tujuan makhluk diciptakan.⁶⁴ Firman Allah s.w.t :

⁶⁰ 'Abd al-Hafiz Suwayd (2000), *op.cit.*, h. 218

⁶¹ Ahmad Khalil Jam'ah (2001), *op.cit.*, h. 109

⁶² Wahbah al-Zuhaili, Dr. (1997), *al-Fiqh al-Islāmiyah wa Adillatuh*, Damsyiq : Dār al-Fikr, j. 1, h. 231 & 232

⁶³ Abdul Rashid Ahmad (2003), *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 109

⁶⁴ al-Zuhaili (1997), *op.cit.*, j. 1, h. 232

وَمَا حَلَقْتُ أَجْنَانَ وَأَلْأَنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya : “*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*”

(al-Dhāriyāt [51] : ayat 56)

Ibadah merupakan pertalian terus menerus dan hubungan secara langsung antara hamba dengan Allah s.w.t tanpa perantaraan sesiapa pun. Setiap orang Islam boleh mengkombinasikan antara dunia dan akhirat dalam beribadah kepada Allah s.w.t.⁶⁵

Ibadah mestilah dilaksanakan dengan menepati dua syarat utama iaitu ikhlas kerana Allah s.w.t dan selaras dengan kehendak syariah⁶⁶. Amalan yang dilakukan dengan ikhlas namun tidak menepati syariat, tidak akan diterima oleh Allah.⁶⁷ Sebagaimana solat yang mempunyai cara-cara tertentu untuk menunaikannya, begitu juga dengan ibadah-ibadah lain. Sabda Rasulullah s.a.w :

68

Maksudnya : “*Janganlah kamu makan menggunakan tangan kiri kerana sesungguhnya syaitan makan menggunakan tangan kiri.*”

Makan umpamanya, merupakan perbuatan harus yang boleh dijadikan ibadah apabila ia diniatkan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t dan bukannya semata-mata

⁶⁵ Haron Din, Dr. (1997), *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 1, h. 172 & 173

⁶⁶ Mohd Noor Idris (1996), *op.cit.*, h. 104

⁶⁷ Ibn Taimiyah, *op.cit.*, h. 76 . Lihat juga : Mohd Noor Idris (1996), *op.cit.*, h. 115

⁶⁸ Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyairī (1987), *Sahīh Muslim “Kitāb al-Asyirah”*, no. hadith 2019, Beirut : Muassasah ‘Izzu al-Dīn li al-Tibā’ah wa al-Nasyr, j. 4, h. 258

untuk memuaskan nafsu. Bagi menjadikannya ibadah, selain niat yang betul, cara makan juga mestilah memenuhi syariat seperti makan makanan yang halal, membaca doa sebelum dan selepas makan, dan mengikut sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w ketika makan. Begitu juga keadaannya bagi perkara-perkara lain yang dijadikan ibadah.

Kanak-kanak tidak tergolong dalam golongan orang-orang mukallaf iaitu mereka yang diwajibkan menunaikan ibadah fardu. Kanak-kanak berada pada tahap persediaan sebelum mereka melangkah ke alam baligh (mukallaf). Bagi memudahkan mereka menunaikan ibadah dan kewajipan kelak, mereka perlu dididik dan diberi persediaan yang secukupnya.⁶⁹ Pada peringkat awal, kanak-kanak boleh diperkenalkan dengan perkara-perkara fardu ain yang meliputi 5 perkara dalam rukun Islam. Rukun Islam merupakan kewajipan ke atas setiap umat Islam. Justeru, mempelajari ilmu bagi mengamalkan rukun Islam adalah perkara yang wajib.⁷⁰ Bagi kanak-kanak, kewajipan tersebut jatuh ke atas kedua ibu bapa dan para pendidik untuk mengajar dan mendidik mereka melaksanakan rukun-rukun Islam tersebut dengan cara yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Hadith Rasulullah s.a.w ada menyebut tentang beberapa peringkat mendidik kanak-kanak menunaikan solat :

⁶⁹ ‘Abd al-Hafīz Suwayd (2000), *op.cit.*, h. 252

⁷⁰ Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1998), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, j. 1, h. 22

⁷¹ Abū Dawud Sulaimān ibn Ash‘ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī Dawud “Kitāb al-Ṣalāh”*, no. hadith 495, Beirut : Dar Ibn Hazam, h. 84

Maksudnya : “*Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berusia 7 tahun dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak bersolat) ketika mereka berusia 10 tahun*”

Bagi membolehkan kanak-kanak menunaikan solat dengan baik, mereka perlu diajar tentang bacaan-bacaan dalam solat dan cara-cara menunaikan solat dengan betul. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, maka kesilapan tersebut mestilah ditegur dan diperbaiki segera.⁷² Cara yang paling mudah mendidik kanak-kanak bersolat adalah dengan meminta mereka menunaikan solat bersama orang-orang dewasa. Ini kerana kanak-kanak memerhatikan dan mengikut perbuatan orang dewasa.⁷³

Begitu juga dengan ibadah-ibadah lain. Anak-anak yang dididik mengerjakan ibadah sejak kecil akan mudah mengamalkannya apabila mencapai usia baligh. Mereka juga dapat melaksanakan ibadah tersebut dengan berterusan (istiqamah) dan secara tidak langsung mendidik mereka mentaati segala perintah Allah s.w.t, mensyukuri segala nikmatNya, dan menggantungkan pengharapan hanya padaNya.⁷⁴ Seandainya mereka tidak dididik dengan ibadah sejak kecil, mereka tidak akan mampu mengamalkannya dengan baik apabila usia mereka mencecah waktu baligh. Keadaan tersebut akan menyebabkan mereka menjadi manusia yang bebas tanpa pegangan dan ikatan agama. Mereka sukar dididik dan menjadi individu yang rugi di dunia dan di akhirat.

⁷² ‘Abd al-Hafīz Suwayd (2000), *op.cit.*, h. 254

⁷³ *Ibid.*, h. 256

⁷⁴ ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān (tt), *op.cit.*, j. 1, h. 149

1.2.3 Pendidikan Akhlak

Akhlik yang mulia merupakan pancaran dari keimanan yang tinggi.⁷⁵ Akhlak merupakan intipati bagi ibadah. Tanpa akhlak ibadah hanyalah gerak geri dan adat resam tanpa sebarang faedah.⁷⁶ Ayat keempat dan kelima dari surah al-Mā‘ūn mencela orang-orang yang lalai dalam solat. Mereka terdiri dari orang-orang yang mengerjakan solat tanpa akhlak. Mereka melengah-lengahkan solat hingga akhir waktu⁷⁷, melakukannya dengan malas⁷⁸, riya’ dan sambil lewa⁷⁹, tidak khusyu’ serta tidak menghayati maksud-maksud bacaannya⁸⁰. Begitu juga dengan ibadah-ibadah yang lain seperti puasa, haji, bersedeqah, dan sebagainya.

Kepentingan akhlak bukan terhenti setakat dalam ibadah sahaja. Ia perlu ditanam dalam peribadi setiap individu agar menjadi amalan kehidupan seharian. Contoh ikutan terbaik bagi orang mukmin tidak lain tidak bukan ialah Rasulullah s.a.w. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t di dalam al-Qur’ān al-Karīm :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَآلَيْهِ الْأَخْرَوْنَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya : “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

(al-Aḥzāb [33] : ayat 21)

⁷⁵ Fathi Yakan (1982), *Mādhab Ya‘nī Intimā‘i li al-Islām*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah, h. 38

⁷⁶ *Ibid.*, h. 38

⁷⁷ Ismā’il bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 505. Lihat juga : Wahbah al-Zuhailī (1991), *Tafsīr al-Munīr*, Beirut : Dar al-Fikr al-Mu’asir, j. 29 – 30, h. 425 Lihat juga : Wahbah al-Zuhaily, Dr. (2001), *Tafsīr al-Munīr*, Kuala Lumpur : Persatuan ‘Ulama’ Malaysia, Juz ‘Amma, h. 429

⁷⁸ al-Zuhailī (1991), *op.cit.*, h. 425. Lihat juga : al-Zuhaily (2001), *op.cit.*, Juz ‘Amma, h. 429

⁷⁹ al-Zuhailī (1991), *op.cit.*, h. 425. Lihat juga : al-Zuhaily (2001), *op.cit.*, Juz ‘Amma, h. 430 & 431

⁸⁰ Ismā’il bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 505, 506

Akhhlak mulia di dalam Islam, begitu luas cakupannya meliputi segenap segi kehidupan yang melibatkan hubungan dengan Allah, manusia, binatang, dan alam sekeliling. Termaktub di dalam al-Qur'ān beberapa akhlak mulia, antaranya ialah ihsan, menyampaikan amanah, istiqamah, mendamaikan perselisihan, taubat, sedekah, mendahulukan kepentingan orang lain, menyempurnakan timbangan, rendah diri dan khusyu', tolong menolong, berpendirian, menjaga rahsia dan banyak lagi.⁸¹ Kanak-kanak yang dididik dengan pendidikan akhlak yang terbaik akan menjadi aset kepada maju mundur sesuatu bangsa dan negara. Tanpa akhlak mulia seperti saling menghormati, sabar, amanah, dan sebagainya, generasi akan datang akan kucar-kacir dan huru-hara.

Pengkaji tidak akan mengupas keseluruhan akhlak mulia yang terkandung di dalam al-Qur'an kerana ia begitu banyak. Memadailah dengan menyentuh beberapa akhlak mulia yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t yang termaktub di dalam kitab suci al-Qur'ān al-Karīm, antaranya ialah :

i. Berbuat baik kepada ibubapa

Terdapat banyak ayat al-Qur'ān yang menyentuh persoalan hubungan antara anak dan kedua ibu bapa. Hubungan ini semestinya perlu dibentuk dan dilentur sejak kecil agar anak-anak merasa kasih dan terutang budi dengan kedua ibubapa mereka. Sekiranya anak-anak tidak dididik dengan akhlak mulia terhadap kedua ibubapa sejak mereka kecil,

⁸¹ Al-Qur'an Digital, versi 2.1, <http://www.alquran-digital.com/>

tidak mustahil mereka menjadi anak yang tidak menghormati dan menghargai kedua ibu bapa apabila mereka menginjak dewasa. Perkara ini jelas didapati dalam ayat berikut :

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمُ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُولْ لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

Maksudnya : “Dan Tuhanmu Telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia”.

(al-Isrā’ [17] : ayat 23)

Al-Qur’ān al-Karīm begitu memuliakan kedudukan kedua ibubapa. Allah s.w.t melarang manusia mengeluarkan kata-kata buruk kepada ibu bapa dan memperlakukan mereka dengan perbuatan yang tidak baik seperti memukul mereka.⁸² Mengucapkan perkataan “ah!” kepada mereka tidak dibolehkan, apalagi mengucapkan kata-kata atau memperlakukan mereka dengan lebih kasar daripada itu.

Memuliakan ibu bapa merupakan perkara berkaitan tauhid dan keimanan selepas larangan daripada mempersekuatkan Allah s.w.t. Ayat di atas merupakan satu perintah yang amat penting kepada mereka yang mengaku beriman kepada Allah s.w.t. Ikatan kekeluargaan terletak pada kedudukan kedua selepas ikatan akidah. Berbuat kepada kedua ibu bapa juga merupakan satu ibadah kepada Allah s.w.t⁸³.

⁸² Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 3, h. 34

⁸³ Sayyid Quṭb (1973), *op.cit.*, j. 4, h. 2221

ii. Amanah dan Bertanggungjawab

Keadaan masyarakat kini yang semakin tipis sifat amanah dan tanggungjawab sama ada sebagai ibu bapa, anak, pemimpin, suami isteri dan sebagainya menyebabkan kemakmuran hidup di dunia semakin pudar. Bagi mengembalikan masyarakat yang bertanggungjawab, tidak dapat tidak usaha mendidik generasi akan datang dengan akhlak tersebut amat diperlukan semenjak usia mereka masih kecil. Allah s.w.t berfirman agar orang-orang beriman bersifat amanah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَنُوا لَا تَخْوِنُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ tv

Maksudnya : “Wahai orang-orang ang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”

(al-Anfāl [8] : ayat 27)

Amanah dalam ayat di atas adalah amalan-amalan dan kewajipan-kewajipan yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t melarang orang-orang beriman meninggalkan perintahNya dan sunnah rasulNya, dan melakukan maksiat terhadapNya.⁸⁴ Ini bermakna setiap individu perlu mematuhi suruhanNya dan rasulNya seperti yang terdapat di dalam al-Qur’ān dan al-sunnah meliputi tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah, ibu bapa, anak, pemimpin, anggota masyarakat dan sebagainya. Ibu bapa umpamanya mesti menjalankan tanggungjawab mereka dengan menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian, mendidik anak-anak dengan didikan Islam, memberi kasih sayang dan sebagainya. Mengkhianati Allah dan rasulNya bermakna

⁸⁴ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 2, h. 276

mengkhianati diri sendiri⁸⁵. Sifat amanah ini perlu diajar kepada setiap individu sejak kecil agar ia menjadi tabiat yang sebatи dalam diri.

iii. Adab berbicara

Kehidupan seharian manusia tidak lepas dari berbicara dengan pelbagai lapisan masyarakat merangkumi kanak-kanak, remaja, dewasa, dan golongan tua. Walaupun ia kelihatan seperti perkara kecil, namun daripada perkataan yang keluar dari mulut boleh mencetuskan pergaduhan mahupun merapatkan persaudaraan. Oleh kerana kepentingan percakapan, Allah s.w.t telah menggariskan akhlak ketika berbicara sebagaimana ayat yang berikut :

وَأْقِدِّ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ 

Maksudnya : *Dan sederhanalah kamu dalam berjalan⁸⁶ dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai.*

(Luqmān [31] : ayat 19)

Allah s.w.t melarang manusia bercakap secara berlebihan dan menjerit-jerit sedangkan ia tidak memberi sebarang faedah. KebencianNya terhadap sikap demikian digambarkan dengan mencela individu-individu yang meninggikan suara mereka

⁸⁵ *Ibid.*, j. 2, h. 276

⁸⁶ Maksudnya : Ketika kamu berjalan, janganlah terlampaui cepat dan jangan pula terlalu lambat. Lihat : Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an (1990), *op.cit.*, h. 655

menyerupai suara buruk himar.⁸⁷ Sesungguhnya Islam amat mementingkan adab sopan dan akhlak yang tinggi. Cara berjalan dan bercakap pun mendapat perhatian di dalam al-Qur'an al-Karīm. Cara berjalan yang betul akan memancarkan ketinggian peribadi seseorang mukmin. Manakala percakapan yang lemah-lembut, tidak tenjerit-jerit dan berkata perkataan yang baik akan melembutkan hati manusia yang mendengarnya dan sudah tentulah lebih mudah untuk mendengar kata-kata para pendidik atau pendakwah untuk melakukan perkara ma'ruf dan meninggalkan perkara mungkar.

Di ruangan yang terbatas ini, tiga akhlak ini sahaja yang dapat disentuh. Namun sudah jelas dan terang bahawa telah termaktub di al-Qur'an al-Karīm bahawa pendidikan akhlak merupakan perkara yang amat penting dan menjadi satu kemestian kepada setiap mukmin untuk mengamalkannya. Maka terbeban ke atas setiap ibubapa dan anggota masyarakat untuk mendidik generasi muda dengan akhlak yang mulia dan budi pekerti yang terpuji sebagaimana yang telah disarankan di dalam al-Qur'an al-Karīm.

1.2.4 Pendidikan Fizikal

Keadaan fizikal yang sihat dan akan membentuk minda yang cerdas yang dapat menjana pemikiran agar menjadi manusia yang berguna kepada orang lain. Kekuatan fizikal amat diperlukan bagi beribadah kepada Allah, menuntut ilmu, mahupun berjihad di jalanNya. Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang keperluan fizikal seorang Islam tidak kira lelaki mahupun perempuan. Walaupun ayat-ayat tersebut

⁸⁷ Isma'il bin Kathir (1990), *op.cit.*, j. 3, h. 417

tidak menyatakan secara khusus untuk kanak-kanak, namun menjadi tanggungjawab orang dewasa bagi memastikan kanak-kanak mendapat keperluan fizikal yang bersesuaian dengan mereka. Di dalam menyempurnakan pendidikan fizikal ini, ada beberapa aspek yang perlu dipenuhi oleh ibu bapa khasnya dan para pendidik amnya, iaitu :

i. Keperluan makan & minum

Makanan dan minuman yang diambil untuk membesar dan membina badan yang kuat dan sihat bersumber mestilah dari sumber yang halal. Firman Allah Taala :

يَأَيُّهَا الْنَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُونَتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ



Maksudnya : “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan. Kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

(al-Baqarah [2] : ayat 168)

Lafaz يَأَيُّهَا الْنَّاسُ adalah lafaz umum⁸⁸ yang menunjukkan bahwa suruhan

Allah ini ditujukan kepada semua manusia tanpa mengira jantina, usia, bangsa maupun agama. Justeru ibu bapa dan para pendidik yang menjadi tempat kanak-kanak

⁸⁸ Abū Ḥayyān al-Andalūṣī (1993), *op.cit.*, j. 2, h. 127

bergantung, perlulah menyediakan makanan yang halal. Perkara yang halal adalah perkara yang lazat yang memberi manfaat, manakala perkara yang haram adalah perkara yang ditegah.⁸⁹ Makanan yang halal merupakan makanan halal yang diberitahu oleh Rasulullah s.a.w dan makanan yang berkhasiat.⁹⁰ Makanan yang halal menjadi benteng kepada anak-anak daripada terjebak dengan amalan-amalan syaitan.⁹¹

ii. Keperluan terhadap pakaian

Pakaian yang menepati syara' dan sesuai untuk melakukan aktiviti serta melindungi tubuh badan daripada kesejukan, kepanasan, serta kecederaan adalah amat penting dalam proses tumbesaran seorang kanak-kanak. Allah s.w.t telah memberi nikmat yang tidak terhingga kepada manusia :

يَبْنَىٰ إِادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِى سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ
ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya : “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan, dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur) ”.

(al-A'raf [7] : ayat 26)

⁸⁹ *Ibid.*, j. 2, h. 126

⁹⁰ Ibn Jarīr al-Ṭabarī (2000), *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah, j. 3, h. 300

⁹¹ Ismā‘il bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 1, h. 177

Allah telah memberi dua nikmat pakaian iaitu pakaian untuk menurup aurat dan pakaian untuk perhiasan.⁹² Pakaian, perhiasan, harta, kehidupan dan kecantikan⁹³ yang diberikan oleh Allah s.w.t perlulah digunakan dengan baik. Maka, menjadi tugas penting ibu bapa dan para pendidik untuk memastikan kanak-kanak diberi keperluan pakaian yang selesa dan bersih agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan baik.

iii. Keperluan tempat tinggal

Tempat tinggal atau rumah merupakan tempat berlindung daripada panas dan hujan, tempat untuk berehat untuk mengumpul kembali kekuatan, tempat untuk beribadat kepadaNya serta menjadi tempat bermulanya pendidikan bagi mencetus kejayaan kanak-kanak di dunia dan di akhirat.⁹⁴ Kawasan persekitaran perlu dalam keadaan yang bersih dan selamat bagi memastikan kanak-kanak tidak berada dalam situasi bahaya.

iv. Keperluan perkembangan fizikal

Allah s.w.t menggalakkan manusia berjalan agar dapat mempelajari pelbagai perkara di dalam dunia ini. Malah Allah mengajar manusia untuk berjalan dengan betul tanpa menunjukkan sikap yang angkuh dan menghentak-hentak kaki dengan keras.

⁹² ‘Abd Allah bin Ahmad al-Nasafi (tt), *op.cit.*, j. 1, h. 365

⁹³ Ibn Jarīr al-Ṭabārī (2000), *op.cit.*, j. 12, h. 366

⁹⁴ Lihat surah ke 16, al-Nahl, ayat 80

Berjalan merupakan salah satu keperluan bagi kesihatan fizikal dan mental.⁹⁵ Tanggungjawab para pendidik adalah dengan menyampaikan didikan Allah kepada kanak-kanak dengan melatih fizikal mereka dengan cara yang betul. Nabi Yusuf a.s ketika kanak-kanak juga bermain bersama adik beradiknya. Firman Allah s.w.t :

أَرْسِلْهُ مَعَنَا غَدَّا يَرْتَعُ وَيَلْعَبُ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya : “Biarkan Dia pergi bersama-sama kami esok, supaya ia bersuka ria makan minum dan bermain-main dengan bebasnya. Dan sesungguhnya kami akan menjaganya dengan sebaik-baiknya”.

(Yusuf [12] : ayat 12)

Bermain-main sememangnya sesuai dengan jiwa kanak-kanak di samping bagi melatih perkembangan fizikal yang sihat. Bermain bukanlah suatu perkara yang ditegah.⁹⁶ Pelbagai permainan boleh dipraktikkan seperti berburu, memancing, memanah, berlumba, berlari dan sebagainya.⁹⁷ Perkembangan fizikal kanak-kanan perlu dilatih meliputi pergerakan motor kasar seperti memanjat, berlari dan lain-lain mahupun motor halus seperti memegang pensel, mengikat tali kasut dan sebagainya. Perkembangan fizikal boleh dilatih melalui pelbagai cara seperti melukis dan mewarna, bermain⁹⁸ dan seumpamanya.

Tanpa tubuh badan yang sihat, kanak-kanak tidak dapat membesar dengan baik dan mempelajari tentang kehidupan dunia yang terdapat di dalamnya pelbagai tipu daya. Kanak-kanak yang tidak sihat tidak dapat menakkul dan menilai perkara yang baik dan

⁹⁵ Lihat surah ke 34, Saba’, ayat 18

⁹⁶ Al-Shawkānī (1995), *op.cit.*, j. 8, h. 4

⁹⁷ ‘Abd Allah bin Muhammad al-Nasafī (tt), *op.cit.*, j. 2, h. 57

⁹⁸ Norhasliza Yusoff (Nov. 2008), “Kenali Perkembangan Si Kecil”, *Pa&Ma*, Nov. 2008, Shah Alam : Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., h. 61

buruk yang pasti akan mempengaruhi sikap mereka apabila menginjak dewasa. Jelas di sini bahawa pendidikan fizikal merupakan aspek yang penting di dalam usaha untuk menjayakan kewajipan-kewajipan yang ditetapkan kepada mereka apabila mencapai usia dewasa.

1.2.5 Pendidikan Intelektual

Perkara yang membezakan manusia dengan haiwan ialah manusia dikurniakan akal. Bagi memnuhi keperluan akal, Islam begitu mementingkan ilmu pengetahuan. Wahyu pertama yang diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w yang terkandung dalam surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5, menyeru supaya setiap umat Islam membaca dan belajar bagi menambah pengetahuan masing-masing. Dengan ilmu pengetahuan, segala amalan yang dilakukan dapat dihayati dan dikaji dengan baik. Ia memberi kesan kepada kehidupan yang baik sama ada di dunia atau di akhirat. Tanpa ilmu, segala amalan yang dilakukan menjadi adat kebiasaan dan sekadar ikut-ikutan. Perkara ini juga jelas termaktub di dalam surah al-Zumar :

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya : “Katakanlah : ‘Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?’ Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran”.

(al-Zumar [39] : ayat 9)

Maknanya ialah wahai Rasul, katakanlah kepada kaummu : “Adakah sama mereka yang mengetahui perkara-perkara ketaatan kepada Tuhan, yang akan memberikan mereka pahala, dan perkara-perkara kemaksiatan, yang akan ditimpakan ke atas mereka balasan dosa dengan orang yang tidak mengetahui perkara-perkara tersebut?”.⁹⁹ Orang yang berilmu tidak sama dengan orang yang jahil sebagaimana orang yang taat kepada perintah Allah tidak sama dengan orang yang melakukan maksiat.¹⁰⁰

Sebagai contoh, perlakuan mencium tangan orang yang lebih dewasa bagi menunjukkan rasa hormat. Pada dasarnya, rasa hormat itu sebenarnya ditujukan kepada orang yang lebih berilmu, berakhhlak mulia dan wajar dihormati. Perlakuan tersebut bukan digunakan untuk sesiapa sahaja yang lebih tua termasuk mereka yang melakukan maksiat seperti berzina, minum arak, berjudi dan sebagainya. Namun, realiti kanak-kanak pada hari ini tidak memahami konsep tersebut kerana tidak diajar dan diberi pengetahuan tentang perkara tersebut. Justeru, mereka bersalaman dan mencium tangan semua orang-orang dewasa sebagai ikut-ikutan atau adat resam sahaja. Perbuatan tersebut yang boleh memberikan pahala pada asalnya, akhirnya tidak mendatangkan sebarang manfaat.

1.2.6 Pendidikan Emosi

Bukan setakat pendidikan aqidah, akhlak, fizikal dan intelektual semata-mata, di dalam al-Qur'an al-Karim juga termaktub pendidikan berkenaan emosi manusia. Umpamanya ayat al-Qur'an yang memaparkan nasihat Luqman kepada anaknya :

⁹⁹ al-Marāghī (1996), *op.cit.*, j. 8, h. 248
¹⁰⁰ 'Abd Allah bin Muḥammad al-Nasafī (tt), *op.cit.*, j. 3, h. 225

يَبْرُئَ أَقْمِرُ الْصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ

عَزْمُ الْأَمْوَارِ

IV

Maksudnya : “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah dari pada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya”.

(Luqman [31] : ayat 17

Luqman menasihati anaknya supaya bersabar di atas segala ujian yang menimpa dirinya samada ujian kesenangan atau ujian kesusahan¹⁰¹. Sesungguhnya mempunyai jiwa yang kuat dan utuh serta kemantapan emosi untuk menempuh segala ujian yang melanda bukan merupakan yang senang. Lantaran kerana itulah ia digelar ‘azm al-umūr iaitu sebesar-besarnya perkara kerana baginya ada manfaat yang besar samada di dunia atau akhirat¹⁰².

Kanak-kanak boleh mengalami perubahan sikap apabila merasa berhadapan dengan sesuatu emosi. Sebagai contoh, kanak-kanak berubah menjadi agresif, bermusuhan dan sukar dikendalikan apabila merasa kecewa. Justeru, ibu bapa dan para penjaga mestilah menyelami dan memahami perasaan kanak-kanak dan seterusnya mendidik mereka menangani emosi tersebut seperti bersabar, bertanggungjawab, perasaan kasih sayang dan sebagainya.¹⁰³

¹⁰¹ Sayyid Quṭb (1973), *op.cit.*, j. 5, h. 2890

¹⁰² al-Marāghī (1996), *op.cit.*, j. 7, h. 309

¹⁰³ Norhasliza Yusoff (2008), “Menangani Anak Bermasalah”, *Pa&Ma*, Mei 2008, Shah Alam : Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., h. 63

Ibu bapa dan guru mesti mendidik kanak-kanak tentang erti kasih sayang, kepada siapa kasih sayang perlu dicurahkan, bagaimana menunjukkan kasih sayang, dan sebagainya. Didikan tersebut perlulah bersesuaian dengan tahap kemampuan intelektual dan keperibadian kanak-kanak.¹⁰⁴ Sekiranya kanak-kanak tidak diajar menangani emosi dengan baik, mereka akan membesar menjadi seorang yang seringkali meluahkan emosi dengan cara yang tidak betul.

1.2.7 Pendidikan Sosial

Kehidupan manusia sentiasa berhubung antara satu sama lain. Tidak dapat tidak, bagi melangsungkan jalinan perhubungan yang baik dan menepati kehendak syari'ah Islam, pendidikan sosial tidak boleh dipinggirkan sama sekali. Ia bukan sahaja meliputi hubungan kemasyarakatan malah merangkumi hubungan jantina. Al-Qur'an menggalakkan hidup bermasyarakat, berkenal-kenalan dan berbuat baik sesama anggota masyarakat serta sentiasa menghubungkan tali silaturrahim. Antara firman Allah yang menggalakkan hidup bermasyarakat adalah seperti ayat al-Qur'an yang berikut :

﴿ وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا ۖ وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ ۗ وَالْمَسِكِينِ ۗ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ ۗ وَالْجَارِ الْجُنُبِ ۗ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ ۗ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالاً فَخُورًا ۚ ﴾

¹⁰⁴ Ahmad Khalil (2001), *op.cit.*, h. 97

Maksudnya : “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong takbur dan membangga-banggakan diri.”

(Al-Nisā’ [4] : ayat 36)

Ayat di atas menerangkan keperluan berbuat baik dengan masyarakat sekitar. Para pendidik perlu mengajar kanak-kanak cara bergaul dengan masyarakat. Berbuat baik dengan ibu bapa dengan cara mengeluarkan perkataan baik ketika bercakap dengan mereka, melayan mereka dengan baik dan membantu mereka apabila mereka memerlukan. Begitu juga dengan adik beradik, saudara mara, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga, orang yang dalam kesusahan mahupun pembantu rumah.¹⁰⁵

Dalam menjalankan aktiviti bermasyarakat mahupun aktiviti-aktiviti lain seperti jual beli dan sebagainya, Islam telah menggariskan cara-cara yang betul agar tidak berlaku pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, fitnah, dan pelbagai kepincangan dalam hidup bermasyarakat. Justeru, firman Allah di bawah amat bertepatan menjadi asas kepada pergaulan sosial :

قُلْ لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُوْا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى هُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ

بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya : “Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka.

¹⁰⁵ ‘Abd Allah bin Muhammad al-Nasafi (tt), *op.cit.*, j. 1, h. 277

Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan.”

(al-Nūr [24] : ayat 30)

Dari usia awal, kanak-kanak perlu diasuh dan dilatih tentang batasan-batasan aurat dan pergaulan antara lelaki dan perempuan¹⁰⁶ agar mereka tidak terdedah dengan perbuatan-perbuatan menghampiri zina apabila tiba masa remaja dan meningkat dewasa kelak. Usaha ini dapat menjauhkan diri dari kotoran dan noda dosa¹⁰⁷, membersihkan hati dan menjaga agama¹⁰⁸. Anak-anak seawal usia lima tahun perlu dididik dengan perasaan malu¹⁰⁹, memperkenalkan batasan aurat¹¹⁰, mendidik mereka meminta izin sebelum memasuki kamar ibu bapa¹¹¹ mahupun rumah orang lain¹¹², dan memisahkan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan¹¹³. Semua panduan ini terkandung dalam al-Qur'an dan hadis.

¹⁰⁶ ‘Abd Allah bin Muḥammad al-Nasafī (tt), *op.cit.*, j. 2, h. 411

¹⁰⁷ *Ibid.*, j. 2, h. 411

¹⁰⁸ Abī al-Fida’ Ismā’il Ibn Kathīr (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz*, Dār Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī’, j. 6, h. 43

¹⁰⁹ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb al-Imān”*, no. hadis 35, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 2, h. 4

¹¹⁰ Lihat surah ke 24, An-Nūr, ayat 31

¹¹¹ Lihat surah ke 24, An-Nūr, ayat 58

¹¹² Lihat surah ke 24, An-Nūr, ayat 27

¹¹³ Abū Dawud Sulaimān ibn Ash’ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī DaWud “Kitāb al-Ṣalāh”*, no. hadith 495, Beirut : Dar Ibn Hazam, h. 84

1.3 Kaedah-kaedah Pendidikan Menurut al-Qur'ān

Kedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa¹¹⁴. Pengertian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah dalam mendidik diri manusia sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa. Sebagai hamba Allah s.w.t, al-Qur'an as-Sunnah mesti dijadikan asas dalam membentuk kaedah-kaedah pendidikan bagi kanak-kanak. Sekiranya di teliti dengan mendalam, di dalam ayat-ayat al-Qur'an terkandung hikmah dan pengajaran berkaitan kaedah-kaedah pendidikan. Allah mendidik manusia melalui kalamNya. Ada yang berbentuk sindiran, teguran secara langsung dengan cara keras mahupun lembut, pertanyaan, janji-janji balasan baik dan buruk, serta pelbagai cara lagi.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْتِقَى هَيْ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ١٢٥

Maksudnya : “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muḥammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

(al-Nahl [16] : ayat 125)

Setiap cara mendidik hendaklah dilakukan menurut keperluan situasi dan keadaan setiap individu. Bagi individu yang perlu kepada perbaikan, ia mesti dilakukan dengan

¹¹⁴ Noresah binti Baharom, ed. (2007), **Kamus Dewan Edisi Keempat**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 653

wajah yang tenang, lemah lembut, belas, dan tutur kata yang baik.¹¹⁵ *Al-Hikmah* di dalam ayat di atas, menurut penulis *Tafsir al-Jalālayn*, ialah al-Qur'an itu sendiri.¹¹⁶ Bersesuaian dengan tajuk disertasi ini, skop perbincangan di dalam bahagian ini menjurus kepada kaedah-kaedah pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an.

1.3.1 Kaedah Pendidikan Secara Langsung Dalam al-Qur'an

Di dalam al-Qur'an terdapat pelbagai ayat-ayat yang boleh dijadikan asas dalam mendidik kanak-kanak mahupun orang dewasa. Ada sebilangan ayat yang memberi fokus secara langsung tentang pendidikan kanak-kanak, dan banyak ayat al-Qur'an yang tidak membicarakan secara jelas tentang pendidikan kanak-kanak, namun boleh dijadikan landasan dalam mencari kaedah terbaik untuk mendidik anak menjadi hamba Allah yang bertakwa.

Maksud kaedah pendidikan awal kanak-kanak secara langsung dalam al-Qur'an di dalam bahagian ini adalah, ayat-ayat al-Qur'an yang dikaji dan dikemukakan oleh pengkaji menyebut secara jelas tentang hubungan pendidik dengan anak-anak. Antara ayat-ayat al-Qur'an tersebut adalah ayat-ayat yang berkaitan dengan kaedah pendidikan melalui :

- 1) Contoh tauladan
- 2) Balasan baik dan buruk

¹¹⁵ Ismā'īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 2, h. 544

¹¹⁶ Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (1954), *Tafsīr al-Jalālayn li al-Qur'ān al-'Azīz*, Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīhi, j. 1, h. 251

3) Nasihat dan bimbingan

1.3.1.1 Pendidikan Melalui Contoh Tauladan

Pendidikan melalui contoh tauladan adalah cara yang berkesan dan banyak manfaatnya dalam membentuk peribadi kanak-kanak. Ia menjadi satu aspek yang amat penting bagi memastikan pembentukan peribadi seorang kanak-kanak. Sekiranya pendidik merupakan orang yang benar dan boleh dipercayai maka benarlah kanak-kanak tersebut, dan sekiranya pendidik merupakan orang yang khianat maka kanak-kanak tersebut juga akan terbiasa dengan sifat sedemikian.¹¹⁷

Walaupun kanak-kanak pada fitrahnya suci dan bersih, namun mereka tidak dapat menerima dan mentafsirkan maklumat tentang kebaikan yang diajarkan kepada mereka ke dalam kehidupan sehari-hari mereka, selagi tidak melihat pendidiknya mengamalkan kebaikan tersebut. Persoalan tentang insan yang perlu kanak-kanak contohi bukan menjadi isu kerana insan utama yang mereka perlu contohi, tidak lain dan tidak bukan adalah nabi Muhammad s.a.w, seterusnya insan yang paling hampir dengan mereka iaitu ibu bapa mereka, barulah dituruti oleh para guru dan rakan taulan.

a) Rasulullah Merupakan Model Terbaik

Jelas di dalam al-Qur'an mahupun hadis bahawa Rasulullah s.a.w merupakan individu yang memiliki peribadi yang mulia. Individu istimewa inilah yang sepatutnya

¹¹⁷ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān (tt), *op.cit.*, h. 633

menjadi model paling utama dalam mendidik kanak-kanak mahupun orang dewasa.

Tegas Allah s.w.t di dalam al-Qur'ān :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٦﴾

Maksudnya : “*Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.*”

(al-Qalam [68] : ayat 4)

al-‘Awfi berkata daripada Ibn ‘Abbās bahawa akhlak yang amat mulia di dalam ayat di atas bermaksud *dīn* yang mulia iaitu Islam. Manakala ‘Atiyah menyatakan ia adalah adab di dalam al-Qur’ān.¹¹⁸ Ini bermaksud bahawa Rasulullah s.a.w memiliki akhlak sepetimana yang Allah perintahkan di dalam al-Qur’ān.¹¹⁹ Baginda telah mengamalkan segala yang diperintah oleh Allah s.w.t. Justeru, bagi mencontohi peribadi Rasulullah s.a.w, lihat sahaja kandungan al-Qur’ān dan hadis. Apabila kedua-dua perkara tersebut telah diamalkan bermakna akhlak Rasulullah s.a.w dan Islam telah diamalkan.

عن سعد بن هشام قال: {سألت عائشة فقلت: أخبرني عن خلق رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقالت: كان خلقه القرآن} ¹²⁰

Maksudnya : “*Sa'd bin Hasyim bertanya kepada ‘Ā'isyah r.a : ‘Beritahu padaku tentang akhlak Rasulullah s.a.w.’ Maka beliau menjawab : ‘Akhlak baginda adalah al-Qur’ān’.*”

Rasulullah s.a.w diiktiraf oleh Allah sebagai insan yang memiliki akhlak yang mulia kerana sememangnya pada diri baginda terkumpul semua akhlak-akhlak mulia. Hal

¹¹⁸ Ismā'īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 363. Lihat juga : Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Qurtubī (2002), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, Kaherah : Dār al-Hadīth, j. 9 , h. 444

¹¹⁹ al-Shawkānī(1994), *op.cit.*, j. 5, h. 266

¹²⁰ Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad “Kitāb Hadīth al-Sayyidah ‘Ā'isyah r.a”*, no. hadith 24139, j. 51, h. 296

ini bersesuaian dengan tugas baginda sebagai penyempurna atau pendidik akhlak manusia sejagat. Sabda Rasulullah s.a.w :

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَنْتَمْ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ¹²¹

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah mengutuskan aku bagi menyempurnakan akhlak soleh (dalam hadis lain disebut akhlak mulia –)“ (مكارم الأخلاق –)

Rasulullah s.a.w merupakan contoh terbaik dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi ibadah, akhlak, keluarga, negara, ketenteraan, masyarakat umum, dan sebagainya. Rasulullah s.a.w digelar al-Amin oleh masyarakat jahiliyah sejak baginda belum dilantik sebagai rasul.¹²² Hal ini jelas membuktikan keindahan akhlak Rasulullah s.a.w sehingga dapat mempengaruhi masyarakat umum sama ada beragama Islam atau tidak.

Keindahan akhlak Rasulullah s.a.w ini perlu diceritakan dan dipertontonkan kepada kanak-kanak agar mereka tahu bahawa wujudnya seorang personaliti yang amat mulia dan indah peribadinya berbanding penyanyi mahupun pelakon pujaan mereka. Malah lebih hebat dari hero kanak-kanak seperti ultraman, power rangers dan lain-lain, kerana hero umat Islam ini, bukan sahaja mampu mengalahkan penjahat tetapi juga dapat mengubah insan jahat menjadi baik. Realiti pada hari ini yang begitu mengagungkan dan membesar para artis perlu dikikis dan dikurangkan paparannya. Kisah para nabi dan

¹²¹ Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad “Kitāb Musnad Abī Hurairah r.a”*, no. hadith 8595, j. 18, h. 137

¹²² ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān (tt), *op.cit.*, h. 123

rasul serta individu-individu yang mencontohi peribadi mereka sepatutnya menjadi tontonan masyarakat amnya dan kanak-kanak-kanak khasnya.¹²³

b) Ibu bapa Mithali

Bagaimana mungkin anak-anak kita mencontohi Rasulullah s.a.w sedangkan baginda tidak hidup bersama kita? Justeru, bagi memperkenalkan sifat Rasulullah s.a.w kepada anak-anak, seharusnya sifat-sifat tersebut diamalkan terlebih dahulu oleh kedua ibu bapa khasnya dan masyarakat sekitar umumnya.

Kedudukan ibu bapa yang paling rapat dengan kanak-kanak menjadi model terbaik untuk membentuk dan mendidik kanak-kanak dengan sifat seorang Islam. Setelah anak-anak menjangkau usia empat tahun dan dihantar ke pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak, guru pula memainkan peranan penting dalam mempamerkan contoh peribadi mulia. Firman Allah s.w.t dalam kitab suci al-Qur'an :

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعُوهُمْ دُرِّيَّهُمْ بِإِيمَانٍ الْحَقِّنَا بِهِمْ ذُرِّيَّهُمْ وَمَا أَلْتَهُمْ مِنْ شَيْءٍ
كُلُّ أَمْرٍ يٰ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ^{۱۲۴}

Maksudnya : “Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga), dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka, tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”

(al-Tūr [52] : ayat 21)

¹²³ Mohd Fadzilah Kamsah & Rahmat Ismail (1996), **Kecemerlangan Mendidik Anak**, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 45

Ibn ‘Abbās dan Ibn Jarīr menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa keduduan anak-anak orang-orang mukmin yang turut beriman mengikuti kedua ibu bapa mereka adalah sama dengan keduduan (masuk syurga bersama¹²⁴) ibu bapa mereka. Namun, ia tidak bermaksud kemulian anak-anak sama dengan ibu bapa mereka dari sudut ketaqwaan dan amalan.¹²⁵ Dengan sifat kelebihan, kemuliaan, ihsan dan kelembutan terhadap makhlukNya, Allah meletakkan ibu bapa dan anak-anak yang beriman dalam satu darjat.¹²⁶ Ini menunjukkan wujudnya ikatan yang kuat dan teguh antara anak dan ibu bapa. Justeru, ibu bapa terlebih dahulu perlu memiliki keimanan yang kukuh agar anak-anak mengikuti langkah dan pekerti mereka.

“Bila ibu bapa tebal ilmu dan iman, maka terbentuklah mereka dengan peribadi mulia, jika di sebaliknya, maka celalah peribadi mereka..... Aksi memberikan kesan yang lebih daripada perkataan. Jika si ayah itu hanya tukang suruh namun dia sendiri tidak melakukannya, bolehkah anak-anak mengikut suruhannya dalam penghayatan agama?”¹²⁷

Ibu bapa yang prihatin dengan perkembangan dan pendidikan anak-anak mestilah menjadi individu yang paling baik percakapannya,¹²⁸ iaitu individu yang mengakui ketuhanan Allah dan berterusan beriman kepadaNya, mematuhi segala suruhan dan larangan Allah, kemudian menyeru orang lain melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukannya (pengakuan keimanan dan kepatuhan kepada Allah). Keadaan dan kedudukan mereka di sisi Allah tidak sama dengan orang yang berbuat maksiat.¹²⁹ Mereka bukanlah individu yang mengajak kepada kebaikan tetapi mereka sendiri tidak

¹²⁴ al-Bayḍāwī (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, j. 2, h. 425

¹²⁵ Abū Ḥayyān al-Andalūṣī (1993), *Tafsīr al-Baṭr al-Muḥīṭ*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, j. 8, h. 146. Lihat juga : Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*, Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī wa Aulādīhī, j. 27, h. 24

¹²⁶ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 217

¹²⁷ Rozietta Shaary (2007), “Asas Sebuah Keluarga Mukmin”, *Pa&Ma*, bil. 80, Mei 2007, h. 178, 179

¹²⁸ Lihat surah ke 41, al-Fusṣilāt, ayat 33 & 34

¹²⁹ al-Ṭabarī (1968), *op.cit.*, j. 24, h. 117

mengerjakannya, dan bukan juga orang yang menegah kemungkaran sedang mereka melakukannya.¹³⁰

Dalam melaksanakan perkara tersebut, menurut Ibn ‘Abbās, Allah memerintahkan agar orang-orang beriman bersabar ketika marah, berlemah lembut dan memaafkan ketika berhadapan dengan orang yang melakukan kesilapan. Seandainya mereka melakukan demikian, Allah akan menjauhkan mereka daripada syaitan dan menundukkan musuh mereka menjadi seperti sahabat karib.¹³¹ Seandainya perkara tersebut diamalkan dalam usaha mendidik anak-anak, nescaya anak-anak akan rapat dengan ibu bapa dan lebih mudah dididik dan dibentuk menjadi anak yang soleh. Ia merupakan faedah dan hasil daripada usaha menolak kejahanan dengan menggunakan kebaikan¹³².

Kedua-dua perkara dalam firman Allah dari surah al-Fuṣṣilāt dan al-Ṭūr di atas merupakan perkara asas yang perlu ada dalam diri kedua ibu bapa. Keimanan dan berkata dengan sebaik-baik perkataan perlu diterapkan dalam diri setiap individu muslim semenjak belum berumah tangga agar sifat-sifat tersebut sebatи dalam diri dan menjadi ikutan dan contoh buat anak-anak.

Ibu bapa yang inginkan anak-anaknya berperibadi dengan sifat *maḥmūdah* atau terpuji mestilah menunjukkan contoh-contoh yang baik dengan melakukan kebajikan serta menjauhkan diri dari melakukan perkara-perkara *madhmūmah*. Hal ini kerana tidak mungkin anak-anak yang melihat kedua ibu bapanya berbohong, dapat belajar berkata

¹³⁰ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 89

¹³¹ al-Ṭabarī (1990), *op.cit.*, j. 24, h. 74. Lihat juga : al-Qurṭubī (2002), *op.cit.*, j. 9, h. 306. Lihat juga : Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 90

¹³² al-Shawkānī (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 98

benar. Begitu juga dengan perkara-perkara lain yang didengar, dilihat, dan dirasai oleh anak-anak. Anak-anak yang terdidik dengan cara yang baik akan terbiasa dengan budi pekerti dan peribadi yang mulia.¹³³

Di dalam al-Qur'an, surah Luqmān, ayat 12 hingga 19, telah diceritakan kisah seorang bapa yang memberi nasihat kepada anak-anaknya agar menjadi hamba Allah yang soleh. Pelbagai nasihat beliau yang amat penting untuk kehidupan di dunia dan di akhirat, antaranya agar anak-anaknya tidak menyekutukan Allah, bersyukur dengan segala kurniaannya, mentaati ibu bapa dalam perkara bukan maksiat, dan sebagainya. Luqman merupakan seorang lelaki yang dikurniakan oleh Allah kepadanya kebijaksanaan dan kepetahan tutur kata¹³⁴. Dengan kedudukan beliau yang tinggi ilmu dan keimanan, beliau menjadi contoh kepada anak-anaknya. Beliau terlebih dahulu mengamalkan apa yang diwasiatkan kepada anak-anaknya. Dengan ketinggian peribadi tersebut, Allah meninggikan darjatnya dengan merekodkan nasihat beliau kepada anak-anak di dalam al-Qur'an supaya menjadi contoh buat generasi demi generasi hingga ke hari akhirat. Keperibadian Luqman ini sepatutnya dicontohi dan ditiru oleh ibu bapa generasi kontemporari.

c) Pergaulan Mempengaruhi Kehidupan

Contoh yang baik dari kedua ibu bapa sahaja memang tidak mencukupi¹³⁵ kerana kehidupan anak-anak bukan hanya di rumah. Mereka pergi ke pusat pendidikan awal

¹³³ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān (tt), *op.cit.*, h. 660. Lihat juga : Abdullah Nasih Ulwan (1989), *op.cit.*, j. 2, h. 174

¹³⁴ al-Ṭabarī (1968), *op.cit.*, j. 24, h. 119

¹³⁵ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān (tt), *op.cit.*, h. 660

sejak berusia empat tahun. Ada juga di antara anak-anak yang dihantar ke taman asuhan kanak-kanak sejak berusia tiga bulan. Situasi ini mendedahkan kanak-kanak dengan pengaruh luar yang terdiri daripada rakan sebaya, guru, dan masyarakat sekeliling. Pemilihan guru, rakan mahupun masyarakat yang silap boleh merosakkan peribadi orang dewasa apatah lagi kanak-kanak. Kanak-kanak di tadika misalnya, mudah mengeluarkan perkataan-perkataan tercela kerana meniru dan mengikut kawan atau guru mereka sendiri. Justeru, pemilihan masyarakat sekitar yang betul dapat membantu pembentukan peribadi kanak-kanak. Bukti, Allah s.w.t berfirman dalam al-Qur'an :-

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنِ إِذَا سَمِعُتُمْ إِيمَانَ اللَّهِ يُكَفِّرُهَا وَيُسْتَهْزِئُهَا فَلَا تَقْعُدُوهُنَّا مَعْهُمْ حَتَّىٰ تَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ حَتَّىٰ إِنَّكُمْ إِذَا مِثْلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَفَّارِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya : “Dan sesungguhnya Allah telahpun menurunkan kepada kamu (perintahNya) di dalam Kitab (Al-Quran), iaitu, apabila kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka sehingga mereka masuk kepada memperkatakan soal yang lain. Kerana sesungguhnya (jika kamu melakukan yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan menghimpunkan sekalian orang munafik dan orang kafir di dalam neraka jahannam.”

(al-Nisā’ [4] : ayat 140)

Ayat di atas merupakan dalil agar menjauhi orang-orang yang berbuat maksiat sekiranya jelas kemungkarannya mereka. Ini kerana sesiapa yang tidak menjauhi mereka, dia seolah-olah reda dengan kemungkarannya tersebut.¹³⁶ Mereka dikategorikan sebagai orang-

¹³⁶ Abī ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmād al-Qurtubī (1993), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, j. 3, h. 268. Lihat juga : al-Andalūsī (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 390

orang yang bersekongkol atau bersubahat dengan ahli-ahli maksiat tersebut.¹³⁷ Maka perbuatan tersebut juga merupakan satu dosa.¹³⁸ Perkara di atas ditujukan untuk individu yang duduk bersama ahli maksiat. Individu tersebut belum pun membuat maksiat. Apakah lagi kalau individu tersebut turut serta membuat maksiat, sudah pasti dia tergolong dalam golongan tersebut dan mendapat balasan yang sama dari Allah s.w.t. Ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya bergaul dengan golongan yang baik. Kebaikan dan keburukan seseorang individu akan mempengaruhi individu yang lain kerana sifat semula jadi manusia mudah meniru atau mengikut perbuatan orang yang disekelilingnya. Rasulullah s.a.w sendiri diperintahkan oleh Allah agar mencontohi nabi-nabi terdahulu sebagaimana firman Allah s.w.t berikut :

أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهُدَىٰهُمْ أَقْتَدَهُ قُلْ لَا أَسْعَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ
للعلمين

Maksudnya : “Mereka (nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka; katakanlah: “Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (al-Quran yang ku sampaikan) itu. Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk alam seluruhnya.”

(Al-An‘ām [6] : ayat 90)

Allah telah memberi petunjuk kepada para nabi terdahulu dengan akhlak mulia. Mereka memiliki sifat sabar, bertanggungjawab, redha, qana’ah dan sebagainya. Mereka juga mentauhidkan Allah dan suci dari syirik.¹³⁹ Justeru, Allah memerintahkan nabi

¹³⁷ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 1, h. 505

¹³⁸ al-Qurtubī (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 268. Lihat juga : Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 1, h 505. Lihat juga : ‘Abd Allah bin Aḥmad al-Nasafī (tt), *Tafsīr al-Nasafī*, Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, j. 1, h. 257

¹³⁹ al-Andalūṣī (1993), *op.cit.*, j. 4, h. 180

Muhammad s.a.w. mengikuti akhlak para nabi tersebut.¹⁴⁰ Perkataan أَوْلَئِكُ dalam ayat

di atas merujuk kepada kaum yang berserah kepada kekuasaan Allah iaitu para nabi terdahulu dan bukannya orang-orang yang kafir.¹⁴¹ Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa amat perlu memilih untuk bersahabat dengan orang yang baik dan menjauhkan diri dari menjadi pengikut orang yang melakukan kemungkaran. Tidak ada di dalam Islam memilih untuk berada di tengah-tengah antara keimanan dan kekufuran. Galakan dan suruhan ini bukan sahaja diberikan kepada Nabi Muhammad s.a.w, bahkan kepada umat Islam seluruhnya yang sering kali terpedaya dengan tipu helah hawa nafsu dan syaitan. Kelemahan tersebut perlu di atasi dengan mengikuti jejak-jejak orang soleh yang memiliki akhlak mulia. Bahkan Nabi s.a.w bersabda¹⁴² :

إِنَّمَا مُثُلُ الْجَلِيلِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيلِ السُّوءِ كَحَامِلِ الْمَسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ. فَحَامِلُ الْمَسْكِ إِنَّمَا أَنْ يُحْذِيْكَ وَإِنَّمَا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ وَإِنَّمَا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً. وَنَافِخُ الْكَبِيرِ إِنَّمَا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ وَإِنَّمَا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً.

Maksudnya : “Sesungguhnya perumpamaan berkawan dengan orang yang soleh dan berkawan dengan orang yang jahat adalah seperti seseorang yang membawa minyak wangi dan seseorang yang meniup dapur tukang besi. Orang yang membawa minyak wangi, mungkin beliau akan memberikannya kepadamu atau mungkin kamu akan membeli darinya dan mungkin kamu akan mendapat bau yang harum darinya. Manakala orang yang meniup dapur tukang besi, mungkin beliau akan membakar pakaianmu dan mungkin kamu akan mendapat bau yang tidak elok”

¹⁴⁰ Maksud ikutan di atas adalah khusus dalam aspek keimanan dan ketauhidan kepada Allah serta perkara *uṣūl al-dīn*. Ia tidak merangkumi aspek syariat yang telah dimansuhkan. Lihat : Ismā‘īl al-Burūsuwī (1330 H), *Rūḥ al-Bayan*, Matba‘ah ‘Uthmāniyah, j. 3, h. 26. Lihat juga : al-Andalūsī (1993), *op.cit.*, j. 4, h. 180.

Lihat juga : Abū al-Su‘ūd al-‘Imādī (1994), *Tafsīr Abī al-Su‘ūd*, Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, j. 3, h. 160

¹⁴¹ al-Tabārī (1968), *op.cit.*, j. 7, h. 265

¹⁴² Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb”*, no. hadis 2628, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 16, h. 179

Anak-anak kecil khasnya, yang sedang menimba pengalaman hidup, perlu digalakkan mencontohi anggota masyarakat lain, sama ada orang dewasa atau rakan sebaya, yang memiliki sifat terpuji. Ibu bapa berperanan besar dalam memilih pusat pendidikan yang menyediakan persekitaran yang dapat mendidik kanak-kanak menjadi insan mulia. Para guru pula perlu berusaha menyediakan persekitaran yang mengamalkan akhlak mulia dan mendidik pelajar untuk saling bantu membantu dalam perkara kebaikan, seterusnya menghindarkan sikap-sikap negatif yang dilarang oleh Islam. Di samping itu, kanak-kanak mesti digalakkan dan dibimbang agar bijak memilih kawan yang berakhhlak mulia dan beramal soleh.

1.3.1.2 Pendidikan Melalui Pembalasan Baik dan Buruk

Dalam usaha mengamalkan ajaran Islam mahupun menjalani kehidupan sehari-hari, setiap manusia amnya, dan kanak-kanak khususnya, secara semula jadi memerlukan motivasi sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Motivasi ini amat penting dalam mendidik emosi agar menjadi lebih teguh dan tidak goyah serta mudah terpengaruh dengan godaan-godaan syaitan dan hawa nafsu. Motivasi dari sudut positif dapat diperolehi melalui galakan, dorongan dan ganjaran, manakala dari sudut negatif pula boleh didapati daripada sindiran, ancaman dan hukuman, sama ada ia diperolehi dari Allah mahupun dari masyarakat sekitar.

a) Galakan, Dorongan dan Ganjaran

Kanak-kanak memerlukan dorongan, semangat dan pendedahan persekitaran sihat yang membantunya mempunyai daya kreativiti yang luas. Dengan didikan dan asuhan yang baik, potensi diri mereka akan berkembang mencapai suatu tahap yang memberangsangkan. Rasa ingin tahu pada kanak-kanak adalah lebih tinggi. Maka rasa ingin tahu tersebut perlu disalurkan ke arah yang betul dengan cara yang betul supaya mereka tidak menjadi individu yang mudah berputus asa.

Allah s.w.t sendiri mendorong dan menggalakkan makhluknya beramal dengan perkara-perkara yang baik, menunaikan tanggungjawab mereka dan menuruti segala perintahnya dengan menghabarkan ganjaran-ganjaran yang bakal mereka perolehi setelah bermujahadah. Begitu banyak ayat-ayat al-Qur'an yang memberi galakan kepada umat manusia berupa balasan-balasan yang telah dan bakal diterima oleh orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Secara umum, Allah s.w.t menjanjikan balasan baik terhadap hamba-hambaNya yang beriman, bertakwa dan beramal soleh. Perkara tersebut berulang kali disebut di dalam al-Qur'an seperti dalam surah az-Zumar ayat 20 dan surah an-Nur ayat 38. Ini membuktikan bahawa kaedah galakan, dorongan dan ganjaran merupakan kaedah asas yang bersesuaian dengan jiwa dan fitrah manusia tanpa mengira usia.

Firman Allah s.w.t di dalam surah Yusuf, ayat 97 dan 98 jelas menggambarkan bahawa apabila anak melakukan kebaikan, maka ibu bapa boleh memberikan ganjaran dalam sebarang bentuk yang difikirkan sesuai. Bapa nabi Yusuf bersedia memohon

keampunan daripada Allah untuk adik beradik Nabi Yusuf yang lain setelah mereka melakukan insaf terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan :-

قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا حَاطِئِينَ ﴿٩٧﴾ قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّيْ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٩٨﴾

Maksudnya : "Mereka berkata : "Wahai ayah kami! Mintalah ampun bagi kami akan dosa-dosa kami. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah". (97) Nabi Yaakub berkata : "Aku akan meminta ampun bagi kamu dari Tuhanmu. Sesungguhnya Dia lah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".(98)"

(Yusuf [12] : ayat 97 & 98)

Ayat ini menjadi dalil bahawa harus bagi manusia menzahirkan kegembiraan setelah hilangnya kesusahan atau kesengsaraan.¹⁴³ Kegembiraan itu boleh dilahirkan dalam pelbagai bentuk seperti doa, kata-kata pujian, jamuan makan dan sebagainya yang bersesuaian dengan situasi semasa serta tidak melanggar syariat. Contohnya, seorang anak berusaha dengan segala kepayahan untuk menahan dirinya dari melakukan perkara yang dilarang oleh ibu bapanya seperti bergaduh, mahupun berusaha melaksanakan perkara yang disukai ibu bapanya seperti membantu ibu bapanya mengemas rumah. Maka, kesusahan dan kesungguhan mereka perlulah diraikan bersesuaian dengan kemampuan ibu bapa dan usaha yang telah kanak-kanak tersebut lakukan.

Jika ibu bapa tidak memberi dorongan positif, kanak-kanak akan menjadi orang yang kurang kreatif dalam hidupnya. Dorongan yang sentiasa diberi akan memberi rasa

¹⁴³ Wahbah al-Zuhailī (1998), *Tafsīr al-Munīr*, Damsyiq : Dār al-Fikr, jld 13, hlm. 66

keyakinan pada diri bahawa dia boleh lakukan sesuatu yang diinginkan.¹⁴⁴ Pujian, penghargaan, hadiah dan sebagainya boleh meningkatkan kemungkinan dan kebarangkalian seseorang kanak-kanak mengulangi sesuatu perbuatan atau sikap mereka.¹⁴⁵ Justeru, bagi memupuk sesuatu sikap dan sifat, minat belajar dan berakhhlak mulia umpamanya, agar ia berpanjangan, kanak-kanak perlu digalakkan dan didorong melakukannya dengan pelbagai pujian, perhargaan mahupun hadiah.

Namun demikian, puji-pujian dan hadiah perlulah bersesuaian dengan situasi, tidak berlebih-lebihan dan perlu seimbang antara kanak-kanak. Ibu bapa dan para pendidik tidak boleh bersikap pilih kasih dalam memberi dorongan, galakan dan ganjaran. Rasulullah s.a.w mengajar umatnya memberi puji-pujian dan hadiah dengan beberapa panduan seperti di dalam hadis-hadis yang tersebut di bawah :

النعمان بن بشير رضي الله عنه وهو على المنبر يقول : أعطاني أبي عطية، فقالت عمرة بنت رواحة : لا أرضي حتى تشهد رسول الله، فأتى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال : إني أعطيت ابني من عمرة بنت رواحة عطية، فأمرتني أنأشهدك يا رسول الله، قال : أعطيت سائر ولدك مثل هدا؟ قال : لا، قال : فاتقوا الله واعدلوا بين أولادكم، قال : فرجع فرد عطيته.¹⁴⁶

Maksudnya : “Nu’man bin Basyir r.a sedang di atas mimbar berkata : Bapa saya member sesuatu pemberian kepada saya. ‘Amrah binti Rawahah (ibu Nu’man) berkata : Saya tidak suka sebelum engkau memperlihatkannya kepada Rasulullah s.a.w. Lalu Basyir pergi bertemu Rasulullah dan berkata : Saya memberikan sesuatu pemberian kepada anak saya dari ‘Amrah binti Rawahah, tetapi beliau menyuruh saya memperlihatkannya kepada tuan, ya Rasulullah. Sabda baginda s.a.w : Adakah engkau memberi semua anak engkau seperti ini? Jawabnya : Tidak. Sabda baginda s.a.w : Takutlah kepada Allah dan berlaku adillah di antara anak-anakmu. Kata Nu’man : Dia kembali dan membatalkan pemberiannya itu.”

¹⁴⁴ Norhasliza Yusoff (2007), “5 Langkah Mudah Belajar”, *Pa&Ma*, bil. 78, Mac 2007, h. 62

¹⁴⁵ Mok Soon Sang (2004), *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Sekolah Rendah)*, Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 118

¹⁴⁶ Al-Hafiz Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī (1998), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī “Kitāb al-Hibbah wa Faḍūhā wa al-Taḥrīd ‘Alaihā”*, no. hadis 2587, Kaherah : Dār al-Ḥadīth, j. 5, h. 242

Berlaku adil di dalam hadis di atas bukanlah bermaksud perlu memberi hadiah yang sama kepada semua anak-anak didikan. Namun, ia lebih merupakan peringatan agar para pendidik bersederhana dalam memberi hadiah dan tidak berlaku pilih kasih. Sikap, perbuatan dan tingkah laku seseorang kanak-kanak pasti berbeza dengan kanak-kanak lain. Justeru, para pendidik perlu menggunakan kebijaksanaan masing-masing dalam menentukan perbuatan dan situasi yang sesuai untuk diberi hadiah. Kebijaksanaan pendidik akan menjauhkan perasaan jauh hati kanak-kanak lain, malah mereka akan terdorong untuk berkelakuan baik dan mendapatkan hadiah tersebut pada masa yang lain.

سمع النبي صلى الله عليه وسلم رجلاً يشي على رجلٍ ويطريه في المدح ف قال لقد أهلكتم أو
قطعتم ظهر الرجل¹⁴⁷

Maksudnya : “Rasulullah s.a.w telah mendengar seorang lelaki sedang memuji seorang lelaki secara berlebih-lebihan, lalu Rasulullah s.a.w segera bersabda: ‘Sesungguhnya kamu telah menghancurkan atau memotong belakang seorang lelaki’.”

Puji-pujian yang berlebihan boleh menghancurkan diri seseorang sebagaimana yang disebutkan oleh baginda s.a.w dalam hadis di atas, tidak kira usia individu tersebut. Kanak-kanak mungkin membesar menjadi seorang yang angkuh sekiranya pendidik salah cara dalam memuji mereka. Keangkuhan boleh merosakkan masa depan mereka sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak. Para pendidik perlu memiliki pengetahuan untuk memberi galakan, dorongan dan ganjaran pada individu dan dituasi yang tetap agar tindakan mereka dapat memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak tersebut.

¹⁴⁷ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Saḥīḥ Muslim “Kitāb al-Zuhd wa al-Raqāiq”*, no. hadis 35, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 18, h. 121

b) Hukuman, Sindiran dan Ancaman

Ancaman dan hukumun bertujuan untuk menghentikan sesuatu perbuatan dan tingkah laku yang tidak diingini. Kisah antara bapa Nabi Yusuf dan adik beradik Nabi Yusuf yang lain di dalam surah Yusuf memperlihatkan bagaimana seorang bapa memberi ancaman kepada anak-anaknya untuk mendidik mereka. Firman Allah s.w.t :-

قَالَ لَنْ أُرِسِّلُهُ مَعَكُمْ حَتَّىٰ تُؤْتُونَ مَوْثِقًا مِّنْ أَنَّ اللَّهَ لَتَأْتِنِي بِهِ إِلَّا أَنْ تُخَاطِطَ بِكُمْ
فَلَمَّا آتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ قَالَ اللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ
۱۲

Maksudnya : "Bapa mereka berkata:" Aku tidak sekali-kali akan melepaskan dia (Bunyamin) pergi bersama-sama kamu, sehingga kamu memberi kepadaku satu perjanjian yang teguh (bersumpah) dengan nama Allah, bahawa kamu akan membawanya kembali kepadaku dengan selamat, kecuali jika kamu semua dikepong dan dikalahkan oleh musuh". Maka ketika mereka memberikan perjanjian yang teguh (bersumpah) kepadaNya, berkatalah ia : "Allah jualah yang menjadi saksi dan pengawas atas apa yang kita semua katakan itu". "

(Yusuf [12] : ayat 66)

Ayat di atas merupakan asas kepada keharusan mengenakan denda dan jaminan apabila berlaku sesuatu perkara.¹⁴⁸ Adik beradik Nabi Yusuf perlu bersumpah dengan nama Allah sebelum membawa Bunyamin bersama mereka. Hal ini merupakan denda bagi mereka kerana telah melakukan kesalahan suatu ketika dahulu sehingga mereka tidak lagi dipercayai. Sebelum melakukan denda dan ancaman sedemikian, bapa Nabi Yusuf terlebih dahulu memberi alasan dan penerangan tentang sikap buruk adik-beradik Nabi Yusuf yang menyebabkan mereka tidak dipercayai, dengan harapan agar sikap tersebut tidak diulangi. Alasan tersebut terkandung dalam ayat al-Qur'an di bawah :-

¹⁴⁸ 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (1966), *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, j. 5, h. 225. Lihat juga : Wahbah al-Zuhailī (1998), *op.cit*, j. 13, h. 23

قَالَ هَلْ ءَامِنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا أَمِنْتُكُمْ عَلَىٰ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ فَإِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ حَفِظًا وَهُوَ

أَرْحَمُ الرَّحْمَةِ

Maksudnya : "Bapa mereka berkata: "(Jika Aku lepaskan dia pergi bersama-sama kamu), aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu menjaganya melainkan seperti kepercayaanku kepada kamu menjaga saudaranya dahulu (yang telah kamu hampakan. Oleh itu aku hanya menaruh kepercayaan kepada Allah), kerana Allah jualah penjaga yang sebaik-baiknya, dan Dia lah jua yang Maha Mengasihani dari sesiapa sahaja yang menaruh belas kasihan"."

(Yusuf [12] : ayat 64)

Adik beradik Nabi Yusuf tidak dipercayai kerana perbuatan mereka yang mengabaikan Nabi Yusuf suatu ketika dahulu sedangkan mereka juga telah berjanji untuk menjaga Nabi Yusuf ketika mereka membawanya bersama untuk bermain dan bersiar-siar.¹⁴⁹ Bapa Nabi Yusuf merasa amat sedih atas kehilangan Nabi Yusuf suatu ketika dahulu kerana kecuaian adik beradik Nabi Yusuf. Justeru, apabila adik bearadik Nabi Yusuf ingin membawa Bunyamin (adik Nabi Yusuf), dan berjanji untuk menjaganya, maka bapa Nabi Yusuf amat bimbang, lalu meminta mereka bersumpah dengan nama Allah terlebih dahulu, supaya peristiwa lama tidak berulang kembali.¹⁵⁰

Ayat di atas menjadi contoh didikan yang telah dilaksanakan oleh seorang bapa yang amat prihatin kepada anak-anaknya sama ada mereka bersikap baik mahupun buruk. Kaedah ini perlu dijadikan panduan dan contoh kepada para pendidik dalam mendidik kanak-kanak menjadi manusia yang beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia.

¹⁴⁹ Abī Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas‘ūd al-Baghawī (tt), *Ma‘ālim al-Tanzīl*, Riyad : Dār Tayyibah, j. 4, h. 256. Lihat juga : Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1995), *Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Fikr, jl. 8, h. 14

¹⁵⁰ Wahbah Zuhaily (1998), *op.cit.*, j. 13, h.. 22

Ancaman dan hukuman bukanlah sesuatu yang disukai oleh para pendidik dan kanak-kanak sendiri.¹⁵¹ Walau bagaimanapun, sedikit hukuman yang dikenakan pada waktu-waktu tertentu banyak manfaatnya kerana sesetengah perlakuan kanak-kanak yang dibiarkan sahaja boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain.¹⁵² Hukuman yang dilaksanakan untuk kanak-kanak perlulah sesuatu hukuman yang setimpal dan dapat memberi pengajaran.

Para pendidik perlu bertindak bijak dan berhati-hati ketika mengenakan hukuman kepada kanak-kanak supaya ia bersesuaian dengan kecerdikan, kemampuan dan kecenderungan kanak-kanak tersebut.¹⁵³ Perkara yang amat penting sebelum melaksanakan sesuatu hukuman adalah menjelaskan kepada kanak-kanak sebab hukuman tersebut dikenakan ke atas mereka dan bagaimakah tingkahlaku atau sikap yang baik dan betul yang diingini, sebagaimana cara yang ditunjukkan oleh Allah di dalam ayat-ayat di atas. Hukuman perlu dijalankan dengan berperingkat-peringkat iaitu memulakannya dengan yang ringan kemudian berpindah kepada yang lebih berat. Rasulullah s.a.w ada mengajar umatnya cara menghukum kanak-kanak seperti sabda baginda¹⁵⁴ :

Maksudnya : “*Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berusia 7 tahun dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak bersolat) ketika mereka berusia 10 tahun*”

¹⁵¹ Sharifah Alwiah Alsagoff (1983), *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*, Kuala Lumpur : Heinemann Asia, h. 76

¹⁵² *Ibid.*, h. 78

¹⁵³ Aishah Hassan (1988), *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 255

¹⁵⁴ Abū Dawud (1998), *op.cit* , no. hadith 495, h. 84

Hukuman berbentuk pukulan sebagai salah satu kaedah pendidikan merupakan pilihan terakhir di dalam Islam selepas menasihati, memberi tunjuk ajar dan tidak mempedulikan kanak-kanak untuk seketika¹⁵⁵ sekiranya mereka melakukan sesuatu perkara yang salah. Para pendidik tidak digalakkan menggunakan kaedah yang hukuman yang keras sekiranya terdapat cara lain yang lebih lembut bagi mendidik seorang kanak-kanak.¹⁵⁶ Berdasarkan hadis di atas juga dapat difahami bahawa proses pendidikan kepada seseorang kanak-kanak memakan masa yang lama dan mungkin bertahun-tahun sebelum boleh dijatuhkan hukuman sekiranya kanak-kanak tersebut tidak mengubah tingkah laku mereka.

Allah Maha Mengetahui tentang diri manusia dan setiap perkara yang dilakukan oleh manusia sama ada ketaatan ataupun keingkaran kepadaNya, menjaga manusia hingga membalas segala perbuatan manusia sama ada di dunia atau di akhirat kelak.¹⁵⁷ Bukti-bukti kekuasaan Allah ini perlu diperlihatkan dan disemai dalam diri kanak-kanak agar mereka bukan hanya bertingkah laku baik di hadapan ibu bapa atau penjaga, malah sentiasa menyedari bahawa setiap pergerakan mereka ada Allah yang melihat dan akan dibalas kelak. Ancaman tentang pembalasan Allah boleh dilihat sejak di dunia lagi seperti berlakunya kejadian-kejadian alam yang tersirat pelbagai hikmah. Kejadian-kejadian alam ini boleh dijadikan pengajaran kepada kanak-kanak sebagai salah satu cara pendidikan melalui ancaman dan hukuman. Namun demikian, perlu difahami bahawa proses ini mestilah sesuai dengan perkembangan emosi dan potensi seseorang kanak-kanak.

¹⁵⁵ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān (tt) *op.cit.*, j. 2, h. 766

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 766

¹⁵⁷ Al-Tabari (2000), *op.cit.*, j. 6, h. 477

1.3.1.3 Pendidikan Melalui Nasihat dan Bimbingan

Bimbingan yang ikhlas serta nasihat yang berkesan, sekiranya diberikan kepada jiwa yang bersih, hati yang jujur, akal yang waras dan memahami, maka ia akan mudah diterima dan memberikan kesan kepada jiwa tersebut.¹⁵⁸ Apatah lagi nasihat tersebut ditujukan kepada jiwa kanak-kanak yang masih kecil, yang dilahirkan mengikut fitrah yang suci dan bersih yang belum dicemari dengan dosa.¹⁵⁹ Pendekatan ini bertepatan dengan pelbagai nasihat dan pengajaran yang terdapat di dalam al-Qur'an seperti nasihat Luqman al-Hakim terhadap anak-anaknya¹⁶⁰. Ia juga merupakan sifat orang-orang yang disebut oleh Allah di dalam ayat berikut :

ثُمَّ كَانَ مِنَ الظَّالِمِينَ ءاْمَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبَرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ

Maksudnya : “Selain dari (tidak mengerjakan amal-amal) itu, ia (tidak pula) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang”.

(al-Balad [90] : ayat 17)

Antara sifat-sifat orang-orang yang beriman dan beramal soleh¹⁶¹ ialah mereka saling menasihati antara satu sama lain dengan sabar dan penuh kasih sayang untuk mentaati Allah s.w.t, menjauhi maksiat dan sabar menghadapi dugaanNya.¹⁶² Mereka mengasihi kanak-kanak dan mengetahui hak orang-orang yang lebih tua.¹⁶³

¹⁵⁸ ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān (tt), *op.cit.*, h. 686 & 687

¹⁵⁹ Aishah Hassan (1988), *op.cit.*, j. 2, h. 103

¹⁶⁰ Lihat surah ke 31, Luqman, ayat 12 - 19

¹⁶¹ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4. h. 467

¹⁶² al-Shawkānī (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 442. Lihat juga : al-Nasafī (tt), *op.cit.*, j. 4, hlm. 359

¹⁶³ Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 4. h. 468

Rasulullah s.a.w menjadikan kaedah nasihat dan bimbingan sebagai kaedah yang paling banyak digunakan sepanjang perjalanan dakwah baginda.¹⁶⁴ Dalam satu hadis diriwayatkan bahawa baginda s.a.w membimbing umat Islam tentang adab ketika makan dengan sabda baginda¹⁶⁵ :

إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ طَعَامًا فَلَا يَمْسِحَ يَدَهُ حَتَّىٰ يَلْعَقَهَا أَوْ يَلْعَقُهَا

Maksudnya : “Apabila seseorang di antara kamu memakan makanan, maka janganlah kamu mengelap tangannya sebelum menjilatnya (untuk membersihkan sisa makanan) atau menyuruh orang menjilatnya.”

Baginda amat mementingkan nasihat dan bimbingan, walau di mana jua dan dalam sebarang situasi baginda berada. Baginda memberi nasihat ketika diminta memberi nasihat atau pun ketika tidak diminta. Cara baginda s.a.w perlu dicontohi oleh semua para pendidik bagi memastikan kanak-kanak sentiasa tidak terlepas dari perhatian para pendidik. Malang sekali sekiranya kanak-kanak yang tidak sentiasa dinasihati dan dibimbing kelak akan dimarahi dan dihukumi kerana melakukan kesilapan. Sedangkan para pendidik tidak menyedari bahawa kesilapan tersebut bermula dari mereka kerana gagal menasihati dan membimbing kanak-kanak tersebut.

Seorang ibu dan bapa tidak pernah berbohong, tetapi anak-anak mungkin berbohong bagi menutupi kekurangan pada dirinya, rumahnya atau ibu bapanya. Seorang ibu dan bapa tidak pernah bersikap kasar, tetapi anak-anak kadang-kadang menarik ekor kucing dan memulas telinga kucing. Justeru, kanak-kanak perlu dinasihat dengan lembut

¹⁶⁴ ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwān (tt), *op.cit.*, j. 2, h. 700

¹⁶⁵ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Saḥīḥ Muslim “Kitāb al-Asyribah”*, no. hadis 2031, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 13, h. 203

dan penuh kasih sayang tetapi berkesan yang membolehkan kanak-kanak berperibadi soleh dan tetap dengan akhlak mulia.¹⁶⁶

Kaedah nasihat dan bimbingan bukanlah satu kaedah yang baru, malah telah digunakan oleh umat-umat terdahulu sebelum umat Nabi Muhammad s.a.w, sebagaimana yang diceritakan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an dalam surah Yusuf ayat 5. Dalam ayat tersebut, Nabi Yaakub a.s, bapa kepada Nabi Yusuf a.s menasihatkan baginda agar tidak menceritakan mimpiannya kepada adik-beradiknya yang lain. Nasihat dan bimbingan dari bapa Nabi Yusuf a.s adalah bertujuan menghindarkan Nabi Yusuf a.s dari sebarang perkara buruk yang tidak diingini. Seorang bapa yang cintakan anaknya tidak sekali kali menginginkan si anak terjerumus ke dalam kedukaan, apatah lagi masuk ke dalam golongan mereka yang disiksa oleh Allah s.w.t. Juteru, nasihat dan bimbingan amat penting dalam mendidik anak menjadi insan soleh.

1.3.2 Kaedah Pendidikan Secara Tidak Langsung Dalam al-Qur'an

Ayat-ayat al-Qur'an mengandungi pelbagai hikmah yang boleh diteliti dan dikaji untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam bahagian ini, kaedah-kaedah pendidikan secara tidak langsung dalam al-Qur'an membawa maksud ayat-ayat al-Qur'an yang tidak jelas membentangkan perkara-perkara berkaitan pendidikan kanak-kanak, namun, pengkaji berpendapat bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang dipilih mempunyai asas yang kukuh dan sesuai untuk dijadikan sebahagian daripada

¹⁶⁶ Muhammad Qutb (1984), *op.cit.*, h. 335

kaedah pendidikan awal kanak-kanak. Walaubagaimanapun, terdapat ayat-ayat al-Qur'an lain yang mempunyai maksud yang hampir serupa mahupun yang lebih umum yang boleh digunakan sebagai kaedah pendidikan bersesuaian dengan sesuatu situasi. Antara ayat-ayat yang akan dikupas oleh pengkaji adalah ayat-ayat berkaitan dengan kaedah pendidikan melalui :

- 1) Penceritaan
- 2) Perbandingan dan perumpamaan
- 3) Amalan dan praktikal
- 4) Pemerhatian dan pengawasan

1.3.2.1 Pendidikan Melalui Penceritaan

Selain daripada peribadi dan akhlak Rasulullah s.a.w, Allah s.w.t telah mengisahkan di dalam al-Qur'an kisah-kisah umat terdahulu sama ada yang taat kepada perintahNya mahupun yang mengingkariNya. Kisah-kisah tersebut sepatutnya dijadikan contoh tauladan dalam kehidupan manusia keseluruhannya terutamanya anak-anak. Anak-anak perlu disajikan dengan kisah-kisah di dalam al-Qur'an, bukannya hanya tertumpu kepada kisah-kisah khayalan seperti Cinderella, Snow White, Sleeping Beauty, dan sebagainya.

Melalui kaedah bercerita, sesuatu mesej dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan kepada kanak-kanak dengan lebih berkesan. Penggunaan peralatan, ekspresi wajah dan variasi suara mengikut kesesuaian cerita dapat menarik minat kanak-

kanak untuk mendengar dan menghayati cerita-cerita tersebut. Islam menyedari sifat semula jadi manusia yang suka mendengar cerita dan pengaruhnya yang besar terhadap perasaan. Oleh itu, Islam mengeksplorasi cerita itu menjadi salah satu teknik pendidikan.¹⁶⁷ Teknik tersebut diajar oleh Allah s.w.t melalui firmanNya :

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْءَانَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ
قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: “Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling baik dengan mewahyukan al-Qur'an ini kepadamu, dan sesungguhnya kamu sebelum (Kami mewahyukan) nya adalah termasuk orang-orang yang belum Mengetahui.”

(Yusuf [12] : ayat 3)

Allah mensifatkan kisah Nabi Yusuf a.s sebagai kisah yang terbaik di dalam al-Qur'an kerana di dalamnya terkandung pengajaran, pengetahuan dan faedah-faedah bagi kemaslahatan agama dan dunia, dari aspek pemerintahan dan pentadbiran, muslihat wanita, kesabaran menghadapi tentangan musuh, dan pelbagai faedah-faedah lain.¹⁶⁸ Kisah ini bukan hanya sebagai penglipur lara atau mendapat pengajaran pembalasan baik dan buruk semata-mata. Ia menggalakkan umat Islam berfikir dan mengembangkan imaginasi untuk bertindak dengan bijak bagi memakmurkan bumi Allah s.w.t. Hal ini membuktikan bahawa Allah mendidik manusia berfikir daripada kisah-kisah yang difirmankanNya. Justeru, kaedah ini amat penting untuk mengembangkan daya imaginasi kanak-kanak.

¹⁶⁷ Muhammad Qutb (1984), Terj : Drs. Salman Harun, **Sistem Pendidikan Islam**, Bandung : PT Alma'arif, h. 348

¹⁶⁸ al-Burūsawī (1330 H), *op.cit.*, j. 4, h. 209

Selain daripada kisah-kisah yang baik atau gembira, Allah juga menceritakan tentang kisah-kisah duka atau balasan-balasan buruk terhadap umat-umat terdahulu sebelum umat Nabi Muhammad saw. Kisah tersebut diceritakan bukan sekadar menghiasi al-Qur'an atau melengkapkan al-Qur'an semata-mata. Ia mempunyai pelbagai tujuan seperti yang diterangkan Allah di dalam ayat berikut :

وَكُلًاً ضَرَبْنَا لَهُ الْأَمْثَالَ وَكُلًاً تَبَرَّنَا تَتَبَيِّرَا

Maksudnya : “Dan masing-masing, telah Kami berikan kepadanya contoh tauladan yang mendatangkan iktibar, dan masing-masing telah Kami hancurkan sehancurnya.”

(al-Furqan [25] : ayat 39)

Allah telah menceritakan tentang kisah-kisah umat terdahulu¹⁶⁹ serta azab-azab dunia,¹⁷⁰ kepada kaum ‘Ad, Thamud¹⁷¹ dan lain-lain, sebagai hujjah, iktibar, pengajaran, peringatan¹⁷² dan amaran. Namun kisah-kisah tersebut tidak memberikan kesan kepada mereka.¹⁷³ Mereka tidak dibinasakan melainkan setelah mereka menolak ajaran dan peringatan yang disampaikan kepada mereka¹⁷⁴ dan mereka mendustakan para nabi mereka¹⁷⁵.

Rasulullah s.a.w sendiri menjadikan kedah penceritaan sebagai satu kaedah bagi menyampaikan dakwah dan ilmu pengetahuan kepada para sahabat baginda. Baginda

¹⁶⁹ al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 19, h. 13. Lihat juga : Abū al-Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 219

¹⁷⁰ Abū al-Layth al-Samarqandī (1993), *Tafsīr al-Samarqandī al-Musamma Baḥr al-'Ulūm*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, j. 2, h. 461

¹⁷¹ Abū al-Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 219

¹⁷² al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 19, h. 13

¹⁷³ Abū al-Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 219

¹⁷⁴ al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 19, h. 13

¹⁷⁵ al-Andalūṣī (1993), *op.cit.*, j. 6, h. 458

menceritakan tentang cerita umat-umat dan nabi-nabi terdahulu¹⁷⁶, kisah-kisah tauladan¹⁷⁷, kisah dajal¹⁷⁸ dan kisah-kisah baginda sendiri¹⁷⁹ untuk dijadikan pedoman kepada umat baginda hingga akhir zaman.

Pelbagai cerita umat-umat terdahulu yang ingkar kepada Allah dan rasulNya serta melakukan pelbagai maksiat, terdapat di dalam al-Qur'an. Antaranya tentang keingkaran pengikut Nabi Nuh dalam surah al-A'raf, Yunus, Hud, Ibrahim, al-Mu'minun, al-Furqan dan lain-lain, kemungkaran Fir'aun dalam surah al-A'raf, Hud, Taha, al-Mu'minun, al-Shu'ara', al-Qasas dan lain-lain, dan pelbagai lagi kisah umat-umat terdahulu sama ada yang mendapat limpahan rahmat dan keredaan Allah atau yang memperolehi kemurkaan dan azab dari Allah. Kisah-kisah tersebut perlu dijadikan iktibar dan pengajaran buat semua umat Islam. Ia perlu diselami dan dihayati sejak usia kanak-kanak agar kesilapan umat-umat terdahulu tidak diulangi.

1.3.2.2 Melalui Perbandingan dan Perumpamaan

Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang bercorak perumpamaan. Ayat-ayat tersebut bukan sahaja indah dari sudut seni bahasanya, malah mempunyai nilai pengajaran yang tinggi. Melalui ayat-ayat tersebut, sesuatu perkara lebih mudah difahami. Manusia lebih suka membandingkan persoalan abstrak dengan perkara-perkara

¹⁷⁶ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb al-Fadā’il”*, no. hadis 2380, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 15, h. 139

¹⁷⁷ *Ibid.* “*Kitāb al-Taubah*”, no. hadis 2766, j. 17, h. 88

¹⁷⁸ *Ibid.* “*Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah*”, no. hadis 2938, j. 18, h. 67

¹⁷⁹ *Ibid.* “*Kitāb al-Īmān*”, no. hadis 164, j. 2, h. 205

yang realiti.¹⁸⁰ Melalui firman Allah s.w.t yang berikut, pelbagai pengajaran dapat diperolehi :

يَتَأْيِهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَآسَتَمِعُوا لَهُ ۝ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ تَخْلُقُوا ذِبَابًا ۝ وَلَوِ آجْتَمَعُوا لَهُ ۝ وَإِنْ يَسْلُبُوهُمُ الْذِبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنِقِذُوهُ مِنْهُ ۝ ضَعْفٌ
الْطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ

Maksudnya : “Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).”

(al-Hajj [22] : ayat 73)

Ayat di atas merupakan perumpamaan yang Allah buat untuk manusia yang menyekutukanNya dengan berhala dan sesuatu yang lain. Perumpamaan tersebut bagi menggambarkan keadaan mereka yang amat lemah. Kelemahan tersebut disamakan dengan ketidakmampuan mereka mencipta seekor lalat sekalipun walaupun mereka semua berkumpul dan berusaha bersama-sama untuk berbuat demikian. Sedangkan lalat itu merupakan selemah-lemah makhluk Allah.¹⁸¹ Orang-orang yang menyekutukan Allah

¹⁸⁰ ‘Abd al-Rahmān al-Nīhlawī, *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyah wa Asālibuhā fī al-Bayt wa al-Madrāsa wa al-Mujtama’*, h. 249. Lihat juga : Abdurrahman an-Nahlawi (1995), *Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*, Jakarta : Gema Insani Press, h. 245

¹⁸¹ Lemah di dalam ayat tersebut merujuk kepada orang yang menyembah patung atau berhala yang lemah (yang mereka mohon agar membantu mereka), tidak mampu mencipta hatta seekor lalat sekalipun. Lihat : Ismā’īl bin Kathīr (1990), *op.cit.*, j. 3. h. 222, 223

tersebut ramai, sedangkan lalat tersebut seekor sahaja. Tetapi mereka tetap tidak mampu.¹⁸²

Perumpamaan yang telah Allah kemukakan daripada firmanNya tersebut dapat memberi gambaran dengan lebih jelas tentang manusia yang menyekutukan Allah. Cara ini amat sesuai bagi mendidik kanak-kanak tentang sesuatu perkara, kerana pengetahuan dan jangkauan mereka yang terhad.

Rasulullah s.a.w turut menggunakan kedah perumpamaan dan perbandingan agar umatnya mudah memahami dan membayangkan sesuatu perkara. Sabda baginda s.a.w :

مُثَلُ الْبَيْتِ الَّذِي يَذْكُرُ اللَّهُ فِيهِ وَالْبَيْتِ الَّذِي لَا يَذْكُرُ اللَّهُ فِيهِ مُثَلُ الْحَيٍّ وَالْمَيِّتِ¹⁸³

Maksudnya : “*Perumpamaan rumah yang disebutkan nama Allah di dalamnya dengan rumah yang tidak disebutkan padanya nama Allah ialah seperti orang yang hidup dengan orang yang mati.*”

Menurut al-Nawawi dalam Syarah Sahih Muslim, hadis ini menunjukkan keharusan membuat perumpamaan¹⁸⁴. Sekiranya diteliti, dalam hadis di atas terdapat dua perkara iaitu yang pertama, perbandingan antara rumah yang disebutkan nama Allah di dalamnya dengan rumah yang tidak disebutkan nama Allah. Manakala perkara kedua ialah perumpamaan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w untuk menggambarkan rumah yang disebutkan nama Allah di dalamnya dengan rumah yang tidak disebutkan nama Allah. Gambaran ini adalah bagi memudahkan umat Islam memahami betapa tinggi nilai sebuah rumah yang disebut nama Allah di dalamnya.

¹⁸² al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 15, h. 203

¹⁸³ Abī Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb Ṣolāt al-Musāfirīn wa Qasruhā”*, no. hadis 779, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 6, h. 70

¹⁸⁴ *Ibid.*, j. 6, h. 71

Pengetahuan yang terhad pada diri kanak-kanak perlu diperkembangkan dengan baik melalui perumpamaan dan perbandingan supaya kanak-kanak dapat memahami sesuatu perkara yang di luar jangkauan pemikiran mereka. Contohnya, dalam memahami kewujudan Allah. Kanak-kanak pasti sukar memahami perkara tersebut. Justeru, ia boleh diumpamakan dengan rasa sedap sesuatu makanan. Rasa sedap itu wujud, namun tidak dapat dilihat dengan mata dan tidak dapat ditunjuk tempat letaknya rasa sedap tersebut. Penerangan yang lebih jelas dengan menggunakan perbandingan seperti yang tersebut, membolehkan kanak-kanak memahami tentang kewujudan Allah dan seterusnya mudah mempelajari dan menerima perkara-perkara *sam ‘iyāt*.

1.3.2.3 Pendidikan yang Beransur-ansur dan Berperingkat-peringkat

Pembelajaran berlaku secara berperingkat-peringkat. Pembelajaran merupakan satu proses memperolehi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai baru. Penakkulan dan pemikiran memproses rangsangan akan menggerakkan anggota untuk mempraktikkan dan menghasilkan perubahan tingkah laku. Bahkan pendidikan tidak terhenti setakat perubahan tingkah laku. Ia berterusan dengan pengawasan dan pemerhatian para pendidik. Seandainya perubahan tersebut merupakan perubahan negatif, para pendidik perlu membimbing ke arah yang sepatutnya. Maka proses pendidikan tersebut akan berulang dan terus berulang dari usia bayi hingga akhir hayat.

a) Amalan dan Praktikal

Mendidik anak-anak dengan nasihat semata-mata tidak memadai. Kanak-kanak tidak memahami apa yang diperkatakan oleh orang tua tanpa melihat praktikalnya dan mencubanya. Mereka tidak faham bahawa memegang benda panas itu merupakan sesuatu yang menyakitkan sehingga mereka merasainya sendiri. Malah Allah telah memberi amaran kepada orang-orang beriman yang memperkatakan sesuatu tetapi mereka tidak mengamalkannya. Firman Allah s.w.t :

كَبُرْ مَقْتَنَا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya : “Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melukannya”.

(al-Şaf [61] : ayat 3)

Ayat di atas membuktikan betapa besar kebencian Allah¹⁸⁵ kepada orang yang hanya pandai membicarakan berkenaan sesuatu perkara, mengarahkan atau menyuruh orang lain melakukan sesuatu perkara, namun dia sendiri tidak melakukannya. Contohnya, sekiranya para pendidik tidak memiliki sikap yang baik, bagaimana kanak-kanak boleh melakukan kebaikan sedangkan mereka tidak pernah melihat ibu bapa dan guru mereka berbuat baik dengan orang lain. Keadaan sedemikian yang semakin menular kontemporari menyebabkan masyarakat semakin rosak dan semakin jauh dari rahmat Allah.

¹⁸⁵ al-Nasafi (tt), *op.cit.*, j. 3, h. 426

Dalam melaksanakan ibadah seperti suruhan Allah s.w.t di dalam ayat di bawah, kanak-kanak perlu dididik tentang cara-cara untuk melaksanakan ibadah tersebut :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَنْذُرُوكُمْ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرَّكِعَيْنَ

Maksudnya : “*Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*”

(al-Baqarah [2] : ayat 43)

Didikan bukan hanya terhenti setakat suruhan untuk mengerjakan ibadah semata-mata, mereka mesti melaksanakan ibadah secara praktikal. Cara asas dalam mendidik anak iaitu memberi pengajaran dan mengulangi pengajaran dan perbuatan amat sesuai dengan peribadi dan kemampuan kanak-kanak.¹⁸⁶ Contohnya, pendidik mestilah mengajar cara menunaikan solat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan solat, mengulangi pengajaran tersebut dan mengingatkan kanak-kanak dengan penuh perhatian dan kesabaran. Mereka hendaklah selalu mengajak kanak-kanak solat berjemaah sama ada di rumah ataupun di masjid sehingga solat menjadi amalan dan kebiasaan harian kanak-kanak. Malah Rasulullah s.a.w menggalakkan para sahabat mendidik ahli keluarga mereka dan mempraktikkan ibadah bersama-sama ahli keluarga sebagaimana yang tercatat dalam sebuah hadis :

:

¹⁸⁶ Aishah Hassan (1988), *op.cit.*, j. 2, h. 87

Maksudnya : “*Dari Malik bin al-Huwairis r.a katanya: Kami datang menemui Rasulullah s.a.w, pada waktu itu kami masih sama-sama muda dan usia kami tidak banyak perbezaanya. Kami tinggal bersama baginda selama dua puluh malam. Rasulullah s.a.w adalah seorang yang sangat pemurah dan lembut sekali. Baginda menyangkakan bahawa aku sedang berselisih paham dengan keluargaku sehingga baginda bertanya kepadaku keadaan keluarga yang aku tinggalkan. Maka aku menceritakan kepada baginda mengenai keluargaku. Kemudian baginda bersabda : ‘Pulanglah kepada keluargamu dan tinggallah bersama mereka. Ajarlah mereka dan perintahkanlah mereka apabila tiba waktu sembahyang. Hendaklah salah seorang daripada kamu melaungkan azan dan hendaklah orang yang paling tua dari kalangan kamu menjadi imam’.*”

Dalam pelbagai aspek kehidupan, Rasulullah s.a.w menjadi contoh yang terbaik kepada para sahabat. Baginda bukan sahaja memberi nasihat semata-mata. Keperibadian baginda yang melakukan ibadah, berakhlik mulia dan teguh keimanan menarik perhatian para sahabat malah musuh yang melihatnya. Dalam satu hadis diriwayatkan bahawa :

Maksudnya : “*Anas bin Malik berjalan melalui beberapa orang bayi dan memberi salam ke atas mereka lalu berkata : Nabi Muhammad s.a.w melakukan sedemikian*”

Jelaslah bahawa sesuatu perlakuan dan perbuatan itu lebih mudah untuk diikuti dan dicontohi oleh setiap orang tidak mengira usia walaupun ia merupakan perkara yang kecil. Justeru, bagi memperolehi hasil pendidikan yang lebih baik, kanak-kanak perlu diberi peluang untuk merasai pengalaman dan berusaha mempraktikkan perkara yang

¹⁸⁷ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb al-Masājid wa Mawāḍī’ al-Solāh”*, no. hadis 674, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 5, h. 171

¹⁸⁸ Muhammad b. Ismā’il Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī (1979), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ “Kitāb al-Isti’zān”*, no. hadith 6247, Kaherah : Maktabah al-Salafiah, j. 4, h. 140

dipelajari terutamanya perkara-perkara yang positif atau yang bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Hadîth.

b) Pemerhatian dan Pengawasan

Setelah sesuatu didikan diterapkan dalam diri kanak-kanak, suatu kemestian yang tidak boleh dielakkan ialah memerhati dan mengawasi perjalanan hidup kanak-kanak hingga mereka meningkat dewasa. Antara kesalahan para ibu bapa ialah mendidik anak-anak mereka dengan baik namun mereka lupa untuk memerhati dan mengawasi sejauh mana pendidikan tersebut berkesan dan dipraktikkan oleh anak-anak kerana kesibukan mencari nafkah. Kelalaian ini menyebabkan kanak-kanak membesar tanpa teguran atas kesilapan ketika mempraktikkan apa yang mereka pelajari. Tanpa teguran, mereka menganggap apa yang dilakukan adalah betul, wajar dan perlu.

Allah s.w.t sendiri sentiasa memerhatikan tingkah laku hambanya. Antara sifat-sifat Allah yang disebut di dalam al-Qur'an ialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat. Dia mengawasi dan menyaksikan segala perlakuan hamba-hambaNya. Setiap perlakuan hamba-hambaNya akan dibalas sama ada di dunia atau di akhirat kelak.

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتَّلِوْ مِنْهُ مِنْ قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ
شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ وَمَا يَعْزِبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالٍ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ
وَلَا أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

Maksudnya : "Dan tidaklah Engkau (Wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah Engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari al-Qur'an dan tidaklah kamu (Wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu

mengerjakannya. dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang terang nyata.”

(Yunus [10] : ayat 61)

Dalam usaha mendidik kanak-kanak berakhhlak mulia, ibu bapa dan guru perlu memerhati dan mengawal tingkah laku serta pergaulan kanak-kanak. Apabila para pendidik memerhatikan akhlak yang tidak disukai dan perlu dihindari, mereka wajib menegur dan menjelaskan kepada kanak-kanak akibat dan bahaya-bahaya yang menyusul serta memberi amaran kepada mereka agar jangan mengulangi sikap tersebut.¹⁸⁹

Kaedah pendidikan ini turut digunakan oleh Rasulullah s.a.w ketika mendidik para sahabat baginda tanpa mengira usia. Baginda memerhati dan mengambil peduli perbuatan sahabat dan menegur mereka sekiranya terdapat kekurangan atau kesalahan.

Dalam satu hadis diriwayatkan bahawa¹⁹⁰ :

عمر بن أبي سلمة قال : كنت في حجر رسول الله صلى الله عليه وسلم وكانت يدي تطيس في الصحفة فقال لي : يا غلام سم الله وكل بيمنيك وكل مما يليك

Maksudnya : “Umar bin Abu Salamah r.a berkata : Aku pernah berada di bawah penjagaan Rasulullah s.a.w. Ketika waktu makan, tanganku terhulur hendak menjangkau talam, lalu Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku: Wahai anak muda! Bacalah Basmalah, makanlah dengan tangan kanan dan mulakan dengan makanan yang terdekat denganmu.”

¹⁸⁹ Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 200

¹⁹⁰ Abī Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawāwī (tt), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim “Kitāb al-Asyirbah”*, no. hadis 2022, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j. 13, h. 193

Contohnya seperti kajian yang dilakukan oleh Dr. Mohd Fadzilah Kamsah, antara salah satu kesilapan ibu bapa dalam mendidik anak ialah kurang mengawasi pendedahan kepada televisyen dan video :

“Kajian menunjukkan bahawa televisyen dan video telah memberikan kesan yang mendalam dalam diri anak-anak. Justeru itu pendedahan kepada televisyen dan video memerlukan pengawasan yang rapi daripada ibu bapa. Ini akan memudahkan ibu bapa memberi penerangan dan penjelasan mengenai isu-isu yang kurang sesuai ditonton oleh anak-anak”¹⁹¹

Anak-anak yang bebas tanpa pengawasan para pendidik mudah terpengaruh dengan perkara-perkara negatif dan mengambil cara hidup yang salah tanpa mereka sedari. Maka, para pendidik dan orang dewasa berperanan besar dalam menegur dan membentuk kanak-kanak ini menjadi manusia beriman, berakhhlak mulia dan beramal soleh. Biarlah dianggap menjaga tepi kain orang daripada membiarkan kanak-kanak dibawa arus menuju kepada kemurkaan Allah.

1.4 Kesimpulan

Setelah diteliti beberapa ayat-ayat al-Qur'an, jelaslah bahawa terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menjadi sumber utama pendidikan awal kanak-kanak. Sama ada al-Qur'an itu sendiri sebagai pendidik kepada jiwa manusia, mahupun cara-cara ayat al-Qur'an tersebut dibentangkan seperti galakan, ancaman, penceritaan dan sebagainya boleh menjadi panduan dalam mendidik umat islam dari satu generasi hingga generasi seterusnya hinggalah ke hari akhirat. Umat Islam sendiri telah dijanjikan bahawa tidak akan sesat dalam kehidupan di dunia ini selagi berpegang pada al-Qur'an dan al-Sunnah.

¹⁹¹ Fadzilah Kamsah & Rahmat Ismail (1996), *op.cit.*, h. 45

BAB KEDUA

**PUSAT PENDIDIKAN PRA
SEKOLAH DI BANDAR
TRIANG**



BAB KEDUA

PUSAT PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

DI BANDAR TRIANG

Pusat pendidikan pra sekolah di Bandar Triang berkembang dengan pesat bagi memenuhi keperluan pendidikan awal kanak-kanak yang memiliki latar belakang keluarga, bangsa dan agama yang berbeza. Ada pusat pendidikan yang terbuka kepada semua bangsa dan agama dan ada juga yang khusus untuk kanak-kanak beragama Islam mahupun pengkhususan dibuat untuk kanak-kanak berbangsa Cina.

Sesuai dengan tajuk kajian ini, Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, Pahang, pengkaji menghadkan skop kajian di empat buah pusat pendidikan pra sekolah di sekitar Bandar Triang iaitu TABIKA KEMAS Bandar Triang, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, PASTI al-Insan dan Pra Sekolah SK Sri Buntar. Terdapat dua lagi pusat pendidikan pra sekolah di sekitar Bandar Triang, namun ia dikhususkan untuk kanak-kanak berbangsa Cina.

2.1 LATAR BELAKANG PUSAT PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI BANDAR TRIANG

Bandar Triang pada peringkat awal merupakan bandar yang didominasi oleh penduduk berbangsa Cina. Institusi pendidikan awal kanak-kanak bagi kanak-kanak Cina telah wujud dan berkembang dengan pesat sebelum tumbuhnya institusi pendidikan awal kanak-kanak bagi bangsa-bangsa lain. Bagi menampung keperluan pembelajaran kanak-kanak Melayu khasnya, TABIKA KEMAS Bandar Triang dibina pada 1981 hasil usaha Allahyarham datuk penghulu Hussin bin Kadir. Setelah Kampung Sri Buntar dibina di pinggir Bandar Triang dengan beberapa unit rumah kos murah, penduduk berbangsa Melayu bertambah. Bagi memenuhi keperluan pendidikan awal kanak-kanak bagi kanak-kanak berbangsa Melayu khasnya, jawatankuasa Kampung Sri Buntar berusaha menubuhkan sebuah lagi TABIKA KEMAS pada tahun 1988 iaitu TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar. Puan Rosnani Abdul Rahman yang sebelum ini bertugas sebagai sebagai pembantu di TABIKA KEMAS Bandar Triang telah dihantar berkursus dan dilantik menjadi guru TABIKA KEMAS Bandar Triang bermula dari awal penubuhannya sehingga kini.¹⁹²

Keprihatinan dan keinginan ibu bapa terhadap pengajaran dan pembelajaran yang menekankan aspek agama mendesak beberapa ahli jawatankuasa PAS kawasan Triang mengusahakan sebuah pusat asuhan tunas-tunas Islam atau PASTI pada tahun 1998. PASTI al-Insan memulakan operasi di bangunan kecil di dalam kawasan masjid Triang

¹⁹² Rosnani Abdul Rahman, Guru TABIKA KEMAS Kampung sri Buntar, Temubual pada 30 Julai 2007

dan kemudiannya berpindah ke sebuah rumah teres setingkat di Taman Triang Maju.¹⁹³ Pembinaan taman perumahan dan pejabat-pejabat kerajaan di sekitar bandar Triang meningkatkan lagi jumlah penduduknya. Kepesatan ini juga setanding dengan kepesatan pertumbuhan pusat pendidikan pra sekolah. Bagi menampung keperluan pendidikan awal kanak-kanak, Pra Sekolah Sek Keb Sri Buntar ditubuhkan pada tahun 2002 dengan kapasiti terhad kepada 25 orang murid dari pelbagai bangsa.¹⁹⁴ Malah, ketiga-tiga pusat pendidikan pra sekolah yang dibina sebelum itu turut dibuka kepada kanak-kanak dari pelbagai bangsa.

2.1.1 TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar

Kedudukan TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar adalah bersebelahan dengan Perpustakaan Desa Sri Buntar dan berada di antara Taman Triang Maju dan Kampung Sri Buntar. Para pelajar di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar rata-ratanya tinggal di kedua-dua taman perumahan tersebut. Para pelajar TABIKA dikehendaki memakai uniform TABIKA KEMAS yang telah disediakan di pasaran di seluruh Malaysia pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Manakala pada hari Selasa dan Khamis, para pelajar dikehendaki memakai pakaian sukan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan TABIKA KEMAS kawasan Bera. Pelajar lelaki dikehendaki berambut pendek, manakala pelajar perempuan dikehendaki berambut tidak melepas bahu atau mengikat rambut dengan kemas.

¹⁹³ Zah Muda, Guru PASTI al-Insan, Temubual pada 26 Julai 2007

¹⁹⁴ Noor Huzaina Abdul Majid, Guru Pra Sekolah SK Sri Buntar, Temubual pada 19 Julai 2007

Bilangan pelajar di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar pada tahun 2007 ialah seramai 24 orang meliputi 15 orang pelajar berusia 5 tahun dan 9 orang pelajar berusia 6 tahun. Pihak TABIKA tidak menerima kemasukan pelajar berusia 4 tahun.

TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar ditubuhkan bagi mencapai objektifnya tersendiri iaitu menyediakan taman bimbingan kanak-kanak yang strategik, bersih, indah dan menarik serta selamat untuk semua pihak. Dengan berpegang kepada motto ‘Sentiasa Cemerlang’, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar mempunyai misi untuk menjadi TABIKA yang berkualiti dengan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi merangsang perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh. Manakala visinya pula ialah untuk menjadi TABIKA yang cemerlang dalam semua bidang serta melahirkan kanak-kanak yang gemilang untuk negara Malaysia yang terbilang.¹⁹⁵

Bagi memperkemaskan lagi perjalanan dan pengurusan TABIKA serta memastikan khidmat yang diberi menepati misi dan visi yang telah digarap, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar telah menetapkan piagam yang tersendiri meliputi perkara berikut :-

1. Menyediakan kemudahan tempat, peralatan dan persekitaran yang sihat, bersih, selamat, ceria dan selesa
2. Merancang dan melaksana pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan berterusan

¹⁹⁵ TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar (2007), **Ceria, Cergas dan Cerdik**, Triang : TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar

3. Memastikan setiap individu kanak-kanak boleh membaca, menulis dan mengira seimbang dengan pengukuhan amalan nilai-nilai murni
4. Menyediakan makanan tambahan yang seimbang bagi meningkatkan tahap kesihatan, pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.
5. Memupuk minat, kreativiti dan meningkatkan kecemerlangan potensi individu melalui aktiviti ko kurikulum
6. Memberi peluang ibu bapa meningkatkan ilmu dan kemahiran keibubapaan sebagai pendidik utama di rumah.

2.1.1.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan TABIKA

Dasar pendidikan Negara yang mengutamakan pembangunan pendidikan kepada warganegaranya tanpa mengira sempadan umur telah memberikan kesedaran kepada segolongan pimpinan masyarakat tempatan Kampung Sri Buntar mengadakan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK @ TABIKA) pada pertengahan tahun 1998. Inisiatif awal diambil oleh En. Talib bin Ismail selaku pengurus badan kebajikan Kampung Sri Buntar waktu itu, telah menghubungi Pentadbiran KEMAS Parlimen Temerloh bagi mendapatkan pandangan dan panduan mewujudkan sebuah kelas taman bimbingan kanak-kanak di Kampung Sri Buntar.

Hasil perbincangan dan permuafakatan serta kajian kanak-kanak, maka pada awal tahun 1989 TABIKA ini dapat direalisasikan dengan penempatan pertama di ruang

penghujung tapak kedai yang didirikan oleh kerajaan. Kedai tersebut sekarang ini dikenali sebagai Perpustakaan Desa Kampung Sri Buntar.

Puan Rosnani binti Abdul Rahman telah diamanahkan membimbing seramai 18 orang kanak-kanak di sekitar kawasan ini. Mereka belajar dalam ruangan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang serba kekurangan dan daif, serta persekitaran yang tidak selesa, semak dan sempit.¹⁹⁶

YB Encik Mok San Hong (ADUN Triang ketika itu) telah bermurah hati meluluskan peruntukan sebanyak RM 1 000.00 untuk bekalan 3 meja tulis besar dan 20 buah kerusi serta almari menyimpan barang keperluan. Kini, hujung bangunan tersebut telah dibaik pulih serta dinaik taraf menjadi Dewan Orang Ramai Kampung Sri Buntar.

Pada tahun 1990, YB Dato' Sabbaruddin Chik (Ahli Parlimen Temerloh ketika itu), telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 4 000.00 untuk mendirikan bangunan baru. Di samping itu, pihak Jabatan KEMAS negeri Pahang memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM 1 500.00. Bangunan itu didirikan dengan menggunakan bahan kayu, dinding sekerat batu, dan jaring BRC sebagai sistem pengudaraan serta atap zink tanpa siling.

Bermula dari situlah penambahan dan ubah suai serta baik pulih dibuat sedikit demi sedikit dengan peruntukan daripada YB Ahli Parlimen dan Jabatan Kemas sehingga kepada keadaan seperti yang ada sekarang ini.¹⁹⁷

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 1

¹⁹⁷ *Ibid.*, h. 2

2.1.1.2 Jawatankuasa Tadbir TABIKA

Seperti lazimnya, untuk merancang dan memantau kemajuan sesebuah organisasi mahupun institusi pendidikan, satu badan atau jawatankuasa tadbir perlu dibentuk. TABIKA ini telah mula membentuk jawatankuasa yang pertama pada awal tahun 1989 dan diteruskan sehingga sekarang. Setiap kali mesyuarat agung TABIKA, jawatankuasa ditentukan berdasarkan struktur berikut¹⁹⁸ :-

1. Seorang pengerusi
2. Seorang timbalan pengerusi
3. Seorang setiausaha
4. Seorang bendahari
5. Tujuh orang jawatankuasa
6. Dua orang pemeriksa kira-kira
7. Seorang ex-officio

Untuk melibatkan kepimpinan tempatan, telah dipersetujui agar diwujudkan jawatan ex-officio di dalam jawatankuasa TABIKA. Ia dikhaskan kepada Pengerusi Badan Kebajikan Kampung Sri Buntar, seterusnya kepada Ketua Kampung Sri Buntar.¹⁹⁹ Jawatankuasa ini telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan dan perubahan positif terhadap keadaan fizikal TABIKA yang asalnya begitu daif. Mereka bekerjasama menjadikan TABIKA sebagai tempat belajar yang selesa dan kondusif dengan pelbagai usaha seperti membuat bahan bantu mengajar, mengecat bagi menceriakan lagi suasana

¹⁹⁸ *Ibid.*, h. 3

¹⁹⁹ *Ibid.*, h. 4

TABIKA, membina mini zoo dan kebun sayuran, mengendalikan program-program yang melibatkan kanak-kanak TABIKA, dan sebagainya.

2.1.1.3 Tenaga Pengajar TABIKA

TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar sejak awal lagi mendapat tenaga pengajar terlatih dari Institut Latihan KEMAS, Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur yang telah memberikan pendidikan kepada kanak-kanak TABIKA mengikut komponen-komponen pendidikan pra sekolah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan.²⁰⁰ Ketika kajian ini dijalankan terdapat seorang guru yang bertanggungjawab mendidik para pelajar dan seorang pembantu yang ditugaskan menyediakan makanan dan menjaga kebersihan persekitaran TABIKA.

2.1.1.4 Aktiviti TABIKA

TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar telah merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti antaranya²⁰¹ :-

- Mesyuarat agung – 3 Mac 2007 (Ahad)
- Mesyuarat jawatankuasa – 14 Mac 2007 & 4 April 2007
- Gotong-royong perdana – 7 April 2007

²⁰⁰ *Ibid.*, h. 4

²⁰¹ *Ibid.*, h. 4

- Pertandingan mewarna – 5 Mei 2007
- Sukaneka – 5 Mei 2007
- Lawatan sambil belajar ke Melaka – 6 Mei 2007
- Hari potensi – 21 hingga 23 Ogos 2007 (peringkat kebangsaan)
- Sambutan hari lahir
- Majlis pra graduasi

TABIKA ini juga telah menyertai program yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO) di kawasan Triang²⁰² ini antaranya Program Kesihatan dan Pergigian kepada kanak-kanak di TABIKA pada 16 Febuari 2007 dan 3 Ogos 2007²⁰³.

2.1.2 TABIKA KEMAS Bandar Triang

TABIKA KEMAS Bandar Triang terletak di tengah-tengah bandar Triang berhampiran dengan Poliklinik Triang. Bangunan yang diduduki sekarang merupakan bangunan tetap TABIKA yang mula diguna pakai sejak pertengahan 2006. TABIKA KEMAS Bandar Triang memulakan sesi pengajian pada jam 8 pagi pada setiap hari bekerja. Sesi pengajaran dan pembelajaran tamat pada jam 11.30 pagi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Pada hari Selasa dan Khamis kelas akan tamat pada jam 12.30 tengahari. Pada tahun 2007, bilangan murid yang dibimbing di TABIKA ini adalah terdiri

²⁰² *Ibid.*, h. 4

²⁰³ TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar (2007), *Ahli Jawatankuasa Cemerlang Tahun 2007*, Triang : TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, h. 12

daripada 11 orang murid berusia 6 tahun, 7 orang murid 5 tahun dan 5 orang murid 4 tahun. Tenaga kerja pula terdiri daripada seorang pembantu masyarakat (guru) dan seorang pembantu TABIKA yang menguruskan tentang kebersihan TABIKA dan menyediakan makanan serta minuman untuk murid-murid.

Murid-murid berpakaian sopan dan kemas dengan seragam TABIKA KEMAS berwarna biru yang telah diselaraskan di seluruh Malaysia pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Manakala pada hari Selasa dan Khamis, murid dikehendaki memakai pakaian jasmani berupa t-shirt berkollar berwarna kuning dan seluar trek. Bagi murid perempuan, kebebasan diberikan untuk bertudung atau tidak.²⁰⁴

Dalam menjalankan fungsi sebagai sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak, TABIKA KEMAS Bandar Triang berpegang kepada falsafah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) iaitu²⁰⁵ :-

“Falsafah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) ialah bagi meningkatkan kecemerlangan potensi individu kanak-kanak prasekolah secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak ditingkatkan dengan pemupukan dan pengukuhan kepada amalan nilai-nilai murni melalui usaha-usaha dan program yang terancang, berstruktur dan berterusan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan pewaris cemerlang negara yang dibimbing dan dididik dalam suasana dan persekitaran yang sihat, bersih, ceria dan selamat di samping kerjasama erat dengan ibu bapa.”

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan prasekolah di TABIKA KEMAS Bandar Triang adalah bermatlamat untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif

²⁰⁴ Naimah Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

²⁰⁵ Naimah binti Abd Wahab (2007), **Profil TABIKA KEMAS Bandar Triang**, Triang : TABIKA KEMAS Bandar Triang, h. 1

sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Selain daripada itu, pendidikan prasekolah mempunyai objektif tersendiri, antaranya adalah bagi membolehkan murid-murid²⁰⁶ :-

1. Mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik
2. Menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk komunikasi
3. Menggunakan Bahasa Inggeris dalam interaksi seharian selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua
4. Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam
5. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan
6. Mempunyai kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah
7. Mempunyai kematangan emosi dan kemahiran sosial
8. Mempunyai kecerdasan dan kemahiran fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik
9. Mempunyai daya kreativiti dan estetika untuk menghargai keindahan alam dan warisan budaya

Falsafah, matlamat dan objektif pendidikan pra sekolah di atas adalah garis panduan yang digunakan oleh tenaga pengajar agar pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di TABIKA terarah dan tidak berlaku mengikut kehendak hati para guru.

²⁰⁶ Naimah Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

2.1.2.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan TABIKA

Pada awal tahun 80-an, tiada pusat pendidikan awal kanak-kanak di Bandar Triang bagi menampung keperluan pendidikan awal. Justeru, kerajaan mengambil inisiatif untuk membina sebuah TABIKA KEMAS bagi memastikan kanak-kanak di Bandar Triang tidak ketinggalan dalam pembangunan ilmu yang pesat.²⁰⁷ TABIKA KEMAS Bandar Triang diasas dan ditubuhkan pada tahun 1981 dengan menumpang di Kompleks Penghulu Bandar Triang.²⁰⁸ Guru pertama yang mengajar di TABIKA KEMAS adalah Puan Rasidah binti Othman yang telah bertukar ke Kuantan.²⁰⁹ Ketiadaan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang lain bagi menampung keperluan pendidikan kanak-kanak, dengan permintaan yang mencecah 40 orang dalam satu masa, membolehkan TABIKA KEMAS Bandar Triang membuka dua kelas di bawah kendalian dua orang pemaju masyarakat, pada permulaannya.²¹⁰

Peredaran masa telah membawa kepada perkembangan pendidikan awal kanak-kanak dengan penubuhan TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, PASTI dan Pra Sekolah. Permintaan terhadap TABIKA KEMAS Bandar Triang juga berkurangan, membolehkan hanya satu kelas yang dapat menampung seramai 25 orang sahaja dibuka.

TABIKA KEMAS Bandar Triang kemudiannya berpindah sementara ke lot kedai nombor 4, Jalan Bunga Raya dari September 2004 hingga 31 Mei 2006. Bermula 1 Jun

²⁰⁷ *Ibid.*

²⁰⁸ Naimah binti Abd Wahab (2007), *op.cit.*, h. 1

²⁰⁹ Rosnani binti Abdul Rahman, Guru TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, Temubual pada 30 Julai 2007. Lihat juga : Naimah binti Abd Wahab (2007), *op.cit.*, h. 2

²¹⁰ Naimah binti Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

2006, TABIKA KEMAS Bandar Triang mula berpindah dan beroperasi di bangunan sendiri di Taman Cheng Siew.²¹¹

Di TABIKA Bandar Triang ini, kemudahan asasnya lengkap kerana ia adalah bangunan baru. Antara kemudahan yang ada adalah seperti berikut :-

- Bekalan elektrik
- Bekalan air
- Tandas
- Ruang makan
- Ruang dapur
- Ruang belajar
- Bilik guru
- Pagar

Dengan kemudahan yang telah disediakan dapatlah pelajar-pelajar di sini belajar dengan sempurna.²¹²

2.1.2.2 Tenaga Pengajar TABIKA

Sepertimana TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, para pendidik yang ditugaskan di TABIKA KEMAS Bandar Triang juga merupakan tenaga pengajar yang

²¹¹ Naimah binti Abd Wahab (2007), *op.cit.*, h. 1

²¹² Naimah binti Abd Wahab (2007), *op.cit.*, h. 7

terlatih dari Institut Latihan KEMAS, Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Mereka juga sentiasa mengikuti kursus-kursus tambahan seperti kursus berbahasa Inggeris sama ada ia dianjurkan oleh pihak KEMAS sendiri atau oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun oleh pihak-pihak swasta. Sejak ditubuhkan, seramai lima orang guru telah menabur bakti di TABIKA KEMAS Bandar Triang termasuk Puan Naimah binti Abdul Wahab iaitu tenaga pengajar yang sedang mengajar di TABIKA KEMAS Bandar Triang sejak tahun 2003 hingga kini.

2.1.2.3 Aktiviti yang Telah Dijalankan di TABIKA

Selain aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merupakan aktiviti wajib dan rutin harian, pelbagai aktiviti sampingan telah dirancang oleh jawatankuasa TABIKA. Aktiviti-aktiviti tersebut ada yang hanya melibatkan murid-murid sekolah dan ada juga yang turut melibatkan ahli jawatankuasa dan para ibu bapa. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah²¹³ :-

- 29 Disember 2006 – Pendaftaran pelajar baru
- 3 Januari 2007 – Sekolah bermula dengan majlis suai kenal
- 29 Januari 2007 – Mesyuarat jawatankuasa
- 10 Februari 2007 – Gotong royong
- 21 Februari 2007 – Mesyuarat agong
- Mac 2007 – Kempen menabung dengan Bank Pertanian

²¹³ Naimah binti Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

- 10 Mac 2007 – Bengkel ibu-ibu
- 16 April 2007 – Mesyuarat jawatankuasa
- 20 April 2007 – Lawatan ke Balai Bomba & Penyelamat Triang
- 21 April 2007 – Pemilihan kanak-kanak cemerlang
- Mei 2007 – Latihan futsal dan galah panjang
- 22 Mei 2007 – Mesyuarat jawatankuasa
- 26 Mei 2007 – Hari potensi peringkat parlimen
- 16 Jun 2007 – Pertandingan mewarna anjuran Proton
- Sambutan hari lahir setiap murid

2.1.3 PASTI al-Insan

Ketika kajian ini dilakukan, jumlah pelajar di PASTI al-Insan mencapai 46 orang pelajar merangkumi 5 orang kanak-kanak berusia 4 tahun, 15 orang kanak-kanak berusia 5 tahun dan yang selebihnya, 26 orang berusia 6 tahun termasuk seorang kanak-kanak bukan Islam. Kemasukan untuk kanak-kanak bukan Islam dibuka oleh pihak PASTI al-Insan kerana terdapat permintaan. Biasanya, kanak-kanak bukan Islam yang mendaftar di PASTI al-Insan ialah dari keturunan India. Hal ini adalah kerana bangsa India di sekitar Bandar Triang tidak memiliki pusat pendidikan awal kanak-kanak yang khusus untuk anak-anak mereka. Kanak-kanak bukan Islam dikecualikan dari menghafaz ayat-ayat suci al-Qur'an doa, zikir serta selawat.²¹⁴

²¹⁴ Zah Muda, Guru PASTI al-Insan, Temubual pada 26 Julai 2007

Pakaian kanak-kanak yang mengikuti sistem pendidikan di PASTI al-Insan mahupun di PASTI yang lain mestilah menutup aurat dan bersih. Bagi kanak-kanak lelaki, mereka dikehendaki memakai baju melayu dan seluar panjang warna hijau pucuk pisang, serta kopiah putih. Manakala bagi kanak-kanak perempuan, pakaian mereka adalah mini jubah dan seluar panjang warna hijau pucuk pisang serta tudung putih. Semua pelajar PASTI al-Insan mesti memakai kasut dan stokin putih. Namun demikian, pelajar bukan Islam diberi pilihan sama ada memakai atau tidak memakai kopiah atau tudung.

Waktu persekolahan PASTI al-Insan ialah dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.30 pagi. Setelah waktu persekolahan tamat, kelas bacaan al-Qur'an dibuka kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mengikuti kelas tersebut.²¹⁵

PASTI al-Insan seperti pusat pendidikan awal kanak-kanak yang lain, menjalankan aktiviti bagi memenuhi visi dan misi yang tersendiri. Visi PASTI ialah melahirkan insan soleh di Malaysia melalui pendidikan pra sekolah sebagai elemen terpenting. Manakala misi PASTI ialah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, pengurusan serta kuantiti PASTI di Malaysia bagi menjadikan PASTI pilihan utama kepada masyarakat yang cintakan pendidikan Islam.

Bagi memenuhi visi dan misi tersebut, beberapa objektif digariskan sebagai panduan dan matlamat jangka pendek yang perlu dicapai oleh setiap Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (PASTI). Objektif tersebut adalah seperti berikut²¹⁶ :-

²¹⁵ *Ibid.*

²¹⁶ Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam, <http://pastiwp.wordpress.com/misi-visi/>, 15 Ogos 2008

1. Menyediakan proses pendidikan awal yang berorientasikan sistem pendidikan Islam ke arah melahirkan anak yang soleh, berilmu dan beramal.
2. Mendidik jiwa dan akal kanak-kanak dengan didikan Islam bersumberkan ajaran al-Qur'an dan hadis.
3. Membimbing kanak-kanak supaya menghayati ibadah, akhlak dan cenderong melakukan makruf serta meninggalkan mungkar.
4. Melatih kanak-kanak membaca, menghafaz dan menghayati al-Qur'an , doa dan zikir.
5. Memberi pengetahuan kepada kanak-kanak asas-asas bahasa, matematik dan komunikasi ke arah kebolehan membaca, mengira, menulis dan menghafal.

2.1.3.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan PASTI²¹⁷

PASTI al- Insan ditubuhkan bagi mengimbangi tadika yang ada di sekitar Triang yang mana pengajaran berasaskan agam tidak terdapat di Bandar Triang pada ketika itu. Pada bulan November 1998, perancangan untuk menuju PASTI di Bandar Triang telah dirancang dan beberapa orang anggota Muslimat PAS dihantar untuk berkursus. PASTI al- Insan telah ditubuhkan pada 2 Januari 1999. Ketika itu PAS kawasan Bera belum ditubuhkan. Justeru, PASTI al-Insan ditubuhkan di bawah Dewan Pemuda PAS Kawasan Temerloh.

²¹⁷ Zah Muda, Guru Pasti al-Insan, Temubual pada 26 Julai 2007

Pada awal penubuhannya PASTI al-Insan beroperasi di Bangunan Belia Muafakat Bandar Triang yang terletak bersebelahan dengan Masjid Jame' Triang. Seramai 18 orang murid terdiri dari murid berusia 4, 5, dan 6 tahun mula belajar ketika PASTI mula dibuka dengan 2 tenaga pengajar. Sehingga ke saat ini PASTI al-Insan telah beroperasi selama 10 tahun dengan pelajar yang semakin bertambah. Bangunan PASTI al-Insan juga telah berpindah ke Taman Triang Maju sejak 4 tahun lalu (2004) bagi menampung pelajar yang semakin ramai dan memberi keselesaan kepada pelajar dan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan.

2.1.3.2 Jawatankuasa Tadbir PASTI²¹⁸

Pada awal penubuhannya, PASTI al-Insan telah melantik organisasi yang menguruskan PASTI al-Insan yang terdiri daripada :

Pengerusi : Ustaz Johar Aziz

Naib Pengerusi : En. Alias Mad Ali

En. Mohd Mansor

Setiausaha : En. Roslan bin Kechik

Bendahari : Pn. Araini Elhana Burhan

²¹⁸ *Ibid.*

Ahli Jawatankuasa : En. Idris b. Kasim

En. Yusri b. Itam

En. W. Abdullah W. Jusoh

En. Zulazli b. Zulkifti

2.1.3.3 Tenaga Pengajar PASTI

Ketika kajian ini dijalankan, terdapat dua orang tenaga pengajar yang bertanggungjawab mengajar murid yang berusia 5 dan 6 tahun. Manakala murid 4 tahun dijaga, dikawal dan dididik oleh seorang pembantu. PASTI mempunyai guru-guru yang sememangnya sentiasa di bentuk melalui tarbiyyah jamaah seperti usrah, tamrin dan majlis-majlis ilmu bagi memantapkan ilmu, iman dan amal murabbi sendiri. PASTI sentiasa mengadakan kursus-kursus profesionalisma perguruan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Cabaran pendidikan yang sentiasa berubah dan mencabar didepani oleh PASTI dengan sewajarnya.²¹⁹

²¹⁹ Pusat Asuhan Tunas Islam, <http://pastiwp.wordpress.com/2007/05/24/pasti-pra-sekolah-pilihan/>, 15 Ogos 2008

2.1.3.4 Aktiviti-aktiviti PASTI

Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam atau PASTI memiliki rangkaian pusat pendidikan awal kanak-kanak yang terdapat di seluruh pelusuk Malaysia. Justeru, aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga melibatkan pelbagai peringkat daripada peringkat tadika hingga ke peringkat kebangsaan. Sebagai salah sebuah rangkaian PASTI, PASTI al-Insan juga terlibat dengan pelbagai aktiviti yang telah dirancang diperingkat pusat. Namun demikian, PASTI al- Insan sendiri ada merancang aktiviti tertentu di peringkat PASTI al-Insan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah²²⁰ :-

- Sukan bola sepak dan bola jaring mini di peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan.
- Peperiksaan yang selaras dan dijalankan serentak di seluruh negara
- Pertandingan mewarna anjuran pelbagai pihak seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat
- Lawatan
- Sukan tahunan peringkat PASTI daerah Bera
- Sambutan Hari Raya
- Sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Ma'al Hijrah dan lain-lain

²²⁰ Zah Muda, Guru Pasti al-Insan, Temubual pada 26 Julai 2007

2.1.4 Pra Sekolah Sek Keb Sri Buntar

Pra Sekolah SK Sri Buntar terletak di aras bawah Blok B di dalam kawasan Sekolah Kebangsaan Sri Buntar. SK Sri Buntar terletak di pinggir bandar Triang dengan dikelilingi oleh kawasan perumahan yang majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu. Antara kawasan perumahan yang berhampiran ialah Kampung Sri Buntar, Taman Sri Buntar, Taman Triang Maju, dan Taman Triang Makmur.

Pra Sekolah SK Sri Buntar memulakan operasi harian pada jam 7.30 pagi bagi setiap hari Isnin dan menamatkan proses pengajaran dan pembelajaran harian pada jam 11.30 pagi pada setiap hari Isnin hingga Jumaat. Manakala pada hari Selasa hingga Jumaat, sesi persekolahan bermula pada jam 8.00 pagi. Sesi persekolahan bermula lebih awal pada hari Isnin kerana para pelajar dikehendaki menyertai perhimpunan mingguan bersama-sama pelajar-pelajar lain di peringkat sekolah rendah. Pada tahun 2007, pelajar yang mendapat pendidikan di kelas Pra Sekolah berjumlah 24 orang yang terdiri daripada 20 orang pelajar berusia 6 tahun dan 4 orang pelajar berusia 5 tahun.²²¹

Pakaian seragam yang perlu dipakai oleh para pelajar ketika hadir ke sekolah ketika sesi persekolahan ialah t-shirt berkollar dan seluar trek yang telah ditetapkan dan disediakan oleh pihak sekolah. Pelajar mesti sentiasa kemas dengan memasukkan t-shirt ke dalam seluar (tight-in), berambut pendek bagi pelajar lelaki, berambut paras bahu bagi pelajar perempuan, mengikat rambut dengan kemas bagi pelajar perempuan yang berambut panjang dan memakai tudung berupa skaf bagi pelajar yang ingin bertudung.²²²

²²¹ Noor Huzaina Abdul Majid, Guru Pra Sekolah SK Sri Buntar, Temubual pada 19 Julai 2007

²²² *Ibid.*

Walaupun kelas pra sekolah mempunyai aktiviti dan sesi pengajaran dan pembelajaran tersendiri, namun ia masih terikat dengan hala tuju, misi, visi dan piagam yang telah ditetapkan oleh pentadbir Sekolah Kebangsaan Sri Buntar. SK Sri Buntar telah merangka halatuju tersendiri dalam pelbagai aspek merangkumi aspek-aspek berikut²²³ :-

- Pengurusan dan Pentadbiran – Mengurus ke arah kecemerlangan, berbudaya cekap, berdaya saing, amanah dan bermuafakat
- Hal Ehwal Murid – Memastikan semua pelajar dalam keadaan selamat, bersih, sihat, sempurna dan ‘0’ disiplin.
- Kokurikulum – Dapat melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang sukan dan kokurikulum peringkat daerah dan negeri serta membantu kurikulum dalam pertandingan kokuria
- Bina Insan – Dapat melahirkan murid yang bersopan santun, berbudi pekerti, mematuhi agama, undang-undang dan negara
- Keceriaan – Menjadikan warga sekolah dan persekitaran sentiasa dalam keadaan ceria, sihat, selamat dan berkualiti serta mencapai matlamat sekolah dalam taman.

Manakala visi SK Sri Buntar pula ialah Sekolah Kebangsaan Sri Buntar akan menjadi cemerlang dalam semua aspek.²²⁴ Bagi menjayakan visi tersebut, sekolah mempunyai misi tersendiri iaitu memberikan pendidikan yang berkualiti untuk membina insan cemerlang selaras dengan wawasan negara.²²⁵

²²³ SK Sri Buntar (2006), **Buku Panduan Persekolahan**, Triang : SK Sri Buntar, h. 1 - 3

²²⁴ *Ibid.*, h. 16

²²⁵ *Ibid.*, h. 15

Bagi melancarkan lagi operasi dan memastikan semua pihak yang berurusan dengan pihak sekolah mendapat layanan yang sewajarnya, pihak pentadbiran sekolah telah menetapkan piagam pelanggan bahawa warga SK Sri Buntar komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan seperti berikut²²⁶ :-

1. Murid

- Memberi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti kepada setiap murid secara adil dan saksama
- Memastikan semua murid yang mendatar di sekolah mendapat tempat sesuai dan kemudahan-kemudahan yang setimpal
- Pada hari pertama pelajar sudah mendapat buku teks mengikut kelayakan
- Memastikan semua pelajar tahap 2 mendapat peluang menyertai kegiatan kurikulum
- Memastikan murid rasa selamat

2. Guru dan Kakitangan

- Setiap guru dan kakitangan sekolah menerima latihan dalam bidang masing-masing sekurang-kurangnya 5 kali setahun
- Memastikan setiap guru dan kakitangan dilayan secara adil dan saksama
- Mendapat segala kemudahan mengikut keperluan

3. Ibu bapa / Penjaga

²²⁶ *Ibid.*, h. 17

- Memastikan ibu bapa / penjaga yang berurusan di kaunter mendapat layanan mesra dan diselesaikan dalam masa 15 minit
 - Tiada halangan birokrasi untuk bertemu guru besar
4. Share Holder
- Memastikan setiap arahan dan permohonan dari PPD / JPN / KPM mendapat tindakan dalam tempoh 3 hari
 - Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi sila berjumpa terus guru besar atau hubungi melalui talian 09-2556620
 - E-mel : sksbt.net.com


2.1.4.1 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Pra Sekolah

Penubuhan kelas pra sekolah di SK Sri Buntar tidak beriringan atau serentak dengan pembukaan Sekolah Kebangsaan Sri Buntar pada tahun 1992. Kelas pra sekolah dibuka bermula tahun 2002 selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia dan keperluan pendidikan awal kanak-kanak yang meningkat di bandar Triang.²²⁷

²²⁷ Noor Huzaina Abdul Majid, Guru Pra Sekolah SK Sri Buntar, Temubual pada 19 Julai 2007

2.1.4.2 Jawatankuasa Tadbir Pra Sekolah²²⁸

Pra sekolah SK Sri Buntar berada di bawah sistem pentadbiran dan pengurusan SK Sri Buntar sebagaimana berikut :



2.1.4.3 Tenaga Pengajar Pra Sekolah

Tenaga pengajar kelas pra sekolah terdiri dari dua orang guru. Seorang daripadanya memiliki pengkhususan dalam pendidikan awal kanak-kanak manakala seorang lagi merupakan ustazah yang dikhaskan mengajar pendidikan Islam sama ada untuk kelas pra sekolah mahupun kelas sekolah rendah. Sebelum ditugaskan mengajar kelas pra sekolah, ustazah terlebih dahulu dihantar berkursus berkaitan dengan

²²⁸ *Ibid.*

pendidikan awal kanak-kanak kerana orientasi yang berbeza antara pendidikan pra sekolah dan pendidikan sekolah rendah.

Tenaga-tenaga pengajar merupakan tenaga pengajar terlatih yang memiliki diploma pendidikan dalam bidang masing-masing. Di samping itu, tenaga-tenaga pengajar sentiasa dihantar berkursus dibawah anjuran pihak Kementerian Pendidikan bagi mendedahkan perkara-perkara baru kepada tenaga pengajar dan memantapkan lagi ilmu bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan lebih berkesan.²²⁹

2.1.4.4 Aktiviti-aktiviti Pra Sekolah

Pra Sekolah SK Sri Buntar merupakan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang aktif. Selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran harian, pelajar-pelajar pra sekolah juga terlibat dengan pelbagai aktiviti yang mendedahkan lagi pelajar dengan dunia dan alam sebenar serta meningkatkan lagi keyakinan diri pelajar. Antara aktiviti yang melibatkan pelajar pada tahun 2007 ialah²³⁰ :-

- Karnival Pra Sekolah
- Lawatan Sambil Belajar ke Melaka
- Hari Sukan Sekolah
- Pertandingan mewarna anjuran Masjid Jame' Triang

²²⁹ *Ibid.*

²³⁰ *Ibid.*

- Membuat kolaj merdeka
- Persembahan sempena perhimpunan mingguan sekolah
- Persembahan ketika acara rasmi sekolah

2.2 KURIKULUM

Sebelum pembentangan dilanjutkan, kurikulum setiap pusat pendidikan pra sekolah yang dikaji perlu diteliti agar dapat melihat aspek-aspek pendidikan yang terdapat dalam kurikulum tersebut dan sejauh mana ia bertepatan dengan aspek pendidikan menurut al-Qur'an.

2.2.1 Kurikulum TABIKA KEMAS Bandar Triang, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar dan Pra Sekolah SK Sri Buntar

Kurikulum TABIKA KEMAS Bandar Triang, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar dan Pra Sekolah SK Sri Buntar adalah berdasarkan Kurikulum Kebangsaan Prasekolah yang telah digubal dan ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.²³¹ Ia merangkumi enam komponen meliputi bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, pendidikan kerohanian dan moral, perkembangan sosioemosi, perkembangan fizikal, serta kreativiti dan estetika.

²³¹ *Ibid.*

Dalam aspek bahasa dan komunikasi, penekanan diberi kepada Bahasa Melayu sebagai pengantar di samping Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Penggunaan bahasa diterapkan melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.²³² Perkembangan kognitif pula meliputi pengetahuan sains dan matematik.²³³

Manakala pendidikan kerohanian melibatkan pembentukan aqidah, amalan syariah, adab dan akhlak Islam, asas bahasa al-Qur'an iaitu Bahasa Arab, hafazan surah-surah pendek dari juzu' 'Amma, serta penulisan jawi.²³⁴ Perkembangan sosioemosi dibentuk melalui penerapan emosi positif merangkumi keyakinan diri, semangat untuk berdikari dan positif terhadap pembelajaran.²³⁵

Perkembangan motor kasar dan motor halus serta penerapan nilai-nilai kesihatan dan keselamatan merupakan antara aspek pendidikan dalam komponen perkembangan fizikal.²³⁶ Dalam komponen kreativiti dan estetika, pendidikan diberi melalui persekitaran dan keindahan alam, likusan dan kraf, muzik, nyanyian dan pergerakan kreatif, drama dan puisi serta warisan budaya.²³⁷

Asas kurikulum tersebut diaplikasikan mengikut tema-tema yang telah dipersetujui sama ada diperingkat kementerian atau peringkat daerah. Antara tema-tema yang digunakan ialah diri saya, keluarga saya, rumah saya, TABIKA saya, makanan, minuman, sayur-sayuran, buah-buahan, haiwan, serangga, tumbuh-tumbuhan, kenderaan,

²³² Kementerian Pelajaran Malaysia, ***Huraian Kurikulum Pra Sekolah Kebangsaan***, Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 15

²³³ *Ibid.*, h. 103

²³⁴ *Ibid.*, h. 145

²³⁵ *Ibid.*, h. 201

²³⁶ *Ibid.*, h. 219

²³⁷ *Ibid.*, h. 239

pekerjaan, suukan instusi kemudahan awam, permainan, masa, keselamatan jalan raya, pekerjaan, pakaian, perayaan, rumah ibadat dan alam semula jadi. Namun demikian, tema-tema tersebut boleh diubah oleh guru mengikut kesesuaian situasi semasa.

2.2.2 Kurikulum PASTI al-Insan

Kurikulum Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam (PASTI) merupakan satu kurikulum pra-sekolah yang dibina khusus untuk pengajian kanak-kanak berumur 4-6 Tahun berdasarkan Pendidikan Negara (FPN), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan PASTI (FPP) yang melibatkan anak-anak PASTI dan guru. Kurikulum PASTI merangkumi 5 konsep asas iaitu membaca, menulis, mengira, menghafaz dan mengamal.²³⁸

1) Kandungan dan Fungsi Kurikulum PASTI²³⁹

Kurikulum PASTI adalah mengikut susunan kandungan yang diajar secara tersusun dan sistematik bagi memenuhi serta mencapai matlamat Tarbiyyah Islamiyyah. Pada dasarnya, kurikulum ini adalah pancaran konsep Insaniyyah dari *Manhaj al-Hayah al-Rabbāni* yang berpaksikan Iman, Islam dan Ihsan. Fungsinya ialah bagi mengawal dan memelihara fitrah manusia supaya potensi-potensi rohaniah, aqliah dan jasmaniyyah tidak dirosakkan oleh pengaruh aim sekeliling yang merendahkan kualiti iman manusia. Selain

²³⁸ Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Dungun,
<http://tunasislam.blogspot.com/2008/02/kurikulum-pasti.html>, 15 Ogos 2008.

²³⁹ *Ibid.*

itu, kurikulum PASTI juga berfungsi untuk memperkembangkan fitrah serta potensi-potensi kemanusiaan selaras dengan kehendak matlamat Pendidikan Islam.

2) Rujukan Kurikulum PASTI²⁴⁰

Rujukan Kurikulum ialah al-Qur'an, sirah Rasulullah s.w.t, sirah para sahabat r.a. dan sejarah peradaban serta tamadun Islam. Kesemua rujukan mengutarakan kepentingan kepada pengangan tauhid, fiqh, dan sirah di samping pengajian bahasa-bahasa, ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kehidupan manusia dan riadah.

3) Objektif Am PASTI²⁴¹

- a) Untuk menyediakan wadah/uslub pendidikan yang menguntungkan masyarakat dan ummah secara umumnya.
- b) Sebagai tapak semaiyan yang menjadi tunjang kekuatan dan pertahanan ummah yang akan membela agama, bangsa dan negara.
- c) Untuk membina generasi yang peka dan kukuh dari segi iman, syakhsiah, akal dan jasmaniah.
- d) Bagi melahirkan generasi yang mampu melaksanakan budaya Islam dalam semua kehidupan individu masyarakat dan negara.

²⁴⁰ *Ibid.*

²⁴¹ *Ibid.*

4) Objektif Khas PASTI²⁴²

- a) Untuk membina generasi yang berasaskan kepada iman, Islam dan ihsan dalam kehidupan dan penghidupan mereka serta segala keperihalannya.
- b) Bagi menyediakan rangsangan-ransangan bercorak Islam sesuai dengan perkembangan rohaniah, aqliah dan jasmaniah murid-murid secara konsisten dan intensif.
- c) Untuk mengenali kehidupan Islam dan membezakan dengan kehidupan jahiliyah sesuai dengan peringkat kematangan mereka mengamalkan cara hidup Islam dan menjauhkan diri dari cara hidup jahiliyah dengan mengerjakan ibadah, mengasah daya fikir, budaya kerja, kemahiran kerja dalam menghayati kebesaran, kekuasaan dan kekayaan Ilahi.
- d) Untuk memberikan didikan mengenai kemahiran berkomunikasi dalam kehidupan harian secara Islam.
- e) Untuk memberikan didikan dan asuhan dalam menguasai cara hidup Islam yang berpandukan iman, Islam dan ihsan untuk mencapai keredaan Ilahi.

5) Rekabentuk Kurikulum PASTI²⁴³

Oleh kerana Kurikulum Pendidikan Islam berpaksikan kepada tauhid (ketuhanan) dan matlamatnya untuk membina *syakhšiah Islāmiah* yang mencernakan dua ciri kemanusiaan yang sangat penting iaitu kehambaan diri kepada Allah ('ibādah Allah) semata-mata dan kelayakan diri sebagai *khalīfah Allah fī al-arḍ*, maka untuk mencapai

²⁴² *Ibid.*

²⁴³ *Ibid.*

matlamat ini memerlukan pelaksanaan yang berkesan. Ini bermakna dengan sendirinya proses pendidikan melibatkan pengajaran dan pembelajaran serta pengasuhan teori-teori pendidikan semasa (educational theories) bagi melaksana dan menjayakan program-program pendidikan. Walau bagaimanapun kaedah-kaedah dan teknik-teknik pendidikan semasa yang tidak bertentangan dengan Islam yang boleh membantu kepada pelaksanaan pendidikan Islam dimanfaatkan dengan sebaik-baik

Pembentukan Kurikulum PASTI mengambil-kira turutan (sequences) dan perseimbangan (equilibrium) bagi memastikan model ini berkesan dan mencapai hadafnya (objektifnya). Sebagaimana yang dinyatakan bahawa teras utama pendidikan PASTI ialah ketuhanan, maka semua aspek, konsep, pendekatan serta perkaitannya dengan semua mata pelajaran menjurus kepada mencapai keredaan Allah SWT. Kurikulum ini akan menentukan hala tuju dan corak hidup anak-anak didik PASTI yang akan berdepan dengan cabaran semasa sebagai garis pemisah kehidupan yang haq atau batil, baik dan jahat, berbahagia atau celaka.

Asas pegangan yang kukuh serta fitrah semulajadi yang terarah ini akan mempengaruhi dan mewarnai tindakan serta perilaku anak-anak PASTI. Norma-norma kehidupan yang baik dan amalan-amalan soleh yang diterima di PASTI menerusi kurikulum yang diikuti akan menjadi kebanggaan individu dan masyarakat. Seterusnya generasi yang terdidik dengan sistem pendidikan Islam ini akan menyumbang ke arah kemakmuran dan kesejahteraan negara dengan iltizam dan komitmen yang tinggi untuk memenuhi aspirasi negara. Keberkesanan dan kemantapan kurikulum PASTI ini akan dapat direalisasikan menerusi dua elemen penting iaitu penggunaan bahasa sebagai

wasilah (pengantar) dan wahyu sebagai sumber ilmu yang sebenarnya. Justeru, pengajaran dan pendidikan al-Qur'an serta al-sunnah hendaklah diserapkan dalam semua mata pelajaran serta digabung-jalinkan dengan penyerapan ilmu bantu-ilmu bantu yang lain.

6) Struktur Kurikulum PASTI²⁴⁴

Kurikulum PASTI dirangka menerusi empat bidang yang saling berkaitan pelaksanaanya. Keempat-empat bidang itu ialah;

- a) Ilmu Fardu Ain
- b) Ilmu Fardu Kifayah
- c) Ilmu Alat
- d) Sumber Ilmu

Maklumat-maklumat yang terkandung dalam keempat-empat bidang tersebut diperincikan lagi menerusi mata pelajaran yang diajar. Isi kandungan mata pelajaran pula adalah merupakan cirri utama ke arah pencapaian hadaf-hadaf yang telah ditetapkan. Isi pelajaran adalah disusun dan dibentuk dalam ruang lingkup (scope) yang lengkap bagi memenuhi semua bahan yang dipelajari, ciri-ciri semulajadi (fitrah) mengikut turutan, bersepada serta mempunyai perkaitan (interrelationship) dan realistik berasaskan sumber dan masa yang diperuntukkan.

²⁴⁴ *Ibid.*

9) Mata pelajaran yang diajar di PASTI²⁴⁵

- a) Al-Qur'an
- b) Al-Tauhid
- c) Al-Fiqh
- d) Al-Sirah
- e) Al-Akhlaq Wal Adab
- f) Asas Bahasa dan Tulisan (Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan tulisan Jawi)
- g) Al-Tibb (Kesihatan)
- h) Pendidikan Sosial dan Pembangunan Insan
- i) Alam dan Manusia
- j) Ilmu Hisab /Asas Matematik
- k) Riadah /Pendidikan Jasmani
- l) Teknologi Maklumat (Pengenalan Asas Komputer)

10) Pendekatan Pengajaran PASTI

Pada peringkat asas pra-sekolah PASTI ini, mata pelajaran tidak diajar secara tersendiri (terpisah-pisah) tetapi diajar dengan cara penyerapan menerusi gabung-jalin melalui kemahiran membaca dan menulis. Oleh itu, semua mata pelajaran yang diajar akan dipastikan²⁴⁶ :-

1. Saling berkaitan di antara sesuatu mata pelajaran itu dengan mata pelajaran Tauhid

²⁴⁵ Zah Muda, Guru PASTI al-Insan, Temubual pada 26 Julai 2007

²⁴⁶ *Ibid.*

2. Gabung-jalin antara mata pelajaran-mata pelajaran seperti bahasa dengan kegiatan membaca dan menulis serta menghafal.
3. Penyerapan suatu pelajaran yang lain seperti sirah dan al-Qur'an yang diserapkan ke dalam pelajaran Bahasa, Tauhid, Ilmu Hisab, Kesihatan, Alam dan Manusia dan seumpamanya.

2.3 Kesimpulan

Setiap pusat pendidikan awal kanak-kanak memiliki dasar dan kurikulum yang tertentu bersesuaian dengan latar belakang penduduk atau keperluan pendidikan di kawasan tersebut. Dasar yang telah digariskan menjadi satu garis panduan kepada para guru bagi menyesuaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan situasi sosial setempat.

BAB KETIGA

**PELAKSANAAN
PENDIDIKAN AWAL KANAK-
KANAK DI BEBERAPA
PUSAT PENDIDIKAN PRA
SEKOLAH DI BANDAR
TRIANG**



BAB KETIGA

PELAKSANAAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

MENURUT AL-QUR'AN DI PUSAT PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

DI BANDAR TRIANG, PAHANG

Setelah mengkaji pendekatan al-Qur'an terhadap pendidikan awal kanak-kanak, pengkaji mengkaji pula tentang pelaksanaan pendekatan tersebut di pusat-pusat pendidikan pra sekolah di sekitar Bandar Triang, Pahang. Kajian tertumpu kepada empat buah pusat pendidikan iaitu TABIKA KEMAS Bandar Triang, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, Pra Sekolah SK Sri Buntar dan PASTI al-Insan.

Pengenalan tentang keempat-empat pusat pendidikan tersebut telah dibentangkan dalam bab terdahulu. Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan dapatan kajian dari sudut pelaksanaan aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan berdasarkan al-Qur'an.

3.1 Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak

3.1.1 Pelaksanaan Pendidikan di TABIKA KEMAS Bandar Triang

Temubual dan observasi telah diadakan di TABIKA KEMAS Bandar Triang bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan al-Qur'an. Observasi yang telah dilakukan pada 10, 11, 12 dan 13 Julai 2007, bermula jam lapan pagi hingga dua belas setengah tengahari, melibatkan Pemaju Masyarakat

KEMAS sebagai guru TABIKA dan dua puluh tiga orang murid sebagai respondan. Murid-murid TABIKA tersebut terdiri daripada sebelas orang murid berusia enam tahun, tujuh orang berusia lima tahun dan lima orang berusia empat tahun.

Temubual dengan Puan Naimah binti Abd Wahab yang bertugas sebagai pemaju masyarakat KEMAS (guru TABIKA) pula telah dilakukan pada 13 Julai 2007 sekitar jam sebelas empat puluh pagi hingga dua belas dua puluh tengahari.

3.1.1.1 Aspek-aspek Pendidikan

Aspek-aspek pendidikan yang dilaksanakan di TABIKA KEMAS Bandar Triang adalah berdasarkan komponen yang telah ditetapkan dalam Kurikulum Kebangsaan Prasekolah meliputi aspek pendidikan bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, pendidikan kerohanian dan moral, perkembangan sosioemosi, perkembangan fizikal, serta kreativiti dan estetika. Ditinjau secara umum, aspek-aspek pendidikan yang dilaksanakan di TABIKA KEMAS Bandar Triang merangkumi hampir keseluruhan aspek pendidikan berdasarkan al-Qur'an yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam bab pertama. Sebagai rekod, aspek pendidikan menurut al-Qur'an meliputi pendidikan aqidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelektual, emosi, dan pendidikan sosial.

Meninjau pelaksanaannya di TABIKA KEMAS Bandar Triang secara lebih mendalam, kajian yang telah dilakukan melalui temubual dan observasi mendapatkan bahawa pendidikan aqidah ada diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui pengenalan rukun iman terutamanya berkaitan dengan kepercayaan kepada Allah.

Pendidikan aqidah dimasukkan secara tidak langsung melalui pembelajaran bertema yang telah dijadualkan pada setiap minggu di samping terdapat slot khas untuk pendidikan Islam. Dalam slot tersebut guru akan menerangkan berkaitan rukun iman dengan lebih mendalam. Ketika bermain atau melakukan aktiviti luar, guru mengaitkan kejadian alam seperti cuaca, tumbuhan dan binatang dengan kekuasaan Allah. Guru juga ada menyentuh tentang pembalasan baik kepada orang yang berbuat baik dan buruk kepada orang yang membuat kejahatan. Nama-nama rasul turut diperkenalkan kepada murid-murid melalui nasyid.²⁴⁷

Dari aspek pendidikan ibadah pula, terdapat pelbagai alat bantu mengajar seperti replika ka'bah, sejadah, kain sembahyang, songkok, dan tempat mengambil wudu'. Guru memperkenalkan kepada para pelajar rukun-rukun Islam dan cara-cara pelaksanannya. Di samping itu, guru turut menggunakan alat bantu mengajar ketika menerangkan tentang rukun-rukun Islam seperti penggunaan replika ka'bah ketika menerangkan tentang ibadah haji. Pengkaji sempat melihat pembelajaran berkaitan solat lima waktu. Guru mengarahkan para pelajar menggerakkan tubuh badan mengikut arahan guru. Menurut guru TABIKA, pergerakan ketika solat diajar terlebih dahulu supaya murid-murid dapat mengikut ibu bapa mereka menunaikan solat walaupun belum pandai membaca bacaan dalam solat.²⁴⁸ Manakala bacaan di dalam solat diajar sedikit demi sedikit. Doa-doa asas seperti doa belajar, doa untuk kedua ibu bapa, doa sebelum makan, dan doa sebelum minum turut diajar dan diamalkan sepanjang waktu berada di TABIKA. Guru turut mengajar murid surah-surah lazim seperti surah al-Fatiyah, al-Nas, al-Falaq, dan al-

²⁴⁷ Naimah Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

²⁴⁸ *Ibid.*

Ikhlas. Bahasa al-Qur'an iaitu Bahasa Arab juga diperkenalkan melalui pendedahan perkataan-perkataan asas seperti nombor, nama bulan dan sebagainya kepada murid-murid.²⁴⁹

Guru menerapkan akhlak mulia kepada murid-murid sejak awal tahun persekolahan. Guru membimbing murid-murid yang melakukan kesilapan agar meminta maaf.²⁵⁰ Murid-murid dididik dengan adab makan agar membasuh tangan sebelum dan selepas makan, makan dengan tertib, dan membaca doa sebelum dan selepas makan. Murid-murid juga diajar dengan akhlak bertolak ansur dan saling tolong menolong ketika bermain mahupun ketika belajar. Dari pengamatan pengkaji, murid-murid di TABIKA KEMAS Bandar Triang sentiasa diingatkan agar tidak bergaduh dengan frasa 'no fighting'. Murid-murid diingatkan bahawa sekolah adalah tempat belajar dan bukannya tempat bertumbuk.²⁵¹

Murid-murid mendapat didikan fizikal yang baik melalui senaman pada setiap pagi sebelum kelas bermula. Pada hari Selasa dan Khamis, murid-murid diberi peluang memperkembangkan keupayaan fizikal dengan permainan luar kelas. Pelbagai kemudahan disediakan seperti bola, padang, jaring, buaian, gelongsor dan sebagainya. Pada hari-hari lain, senaman ringan hanya dilakukan di dalam kelas. Pihak KEMAS ada melaksanakan program Hari Potensi, yang mana pertandingan melibatkan keupayaan fizikal dijalankan dua tahun sekali melibatkan pelbagai acara sukan seperti bola jaring, futsal, rounders dan sebagainya, serta aktiviti pertahanan diri seperti silat, taekwando dan

²⁴⁹ *Ibid.*

²⁵⁰ *Ibid.*

²⁵¹ *Ibid.*

lain-lain.²⁵² Melalui acara-acara ini, murid-murid dapat mengembangkan motor kasar dan potensi fizikal mereka seterusnya memiliki badan yang sihat serta otak yang cergas. Perkembangan motor halus dilaksanakan melalui aktiviti kreatif melibatkan kemahiran mengoyak kertas, menampal, mengikat tali dan sebagainya. Pengkaji dapat melihat murid-murid berusaha membuat kolaj berbentuk ikan. Pemakanan yang sihat amat dititik beratkan melalui penyediaan makanan sendiri dan menu yang berkhasiat merangkumi buah-buahan serta sayur-sayuran. Dari sudut keselamatan, murid-murid telah dibawa melawati Jabatan Bomba dan Penyelamat Triang bagi mendedahkan mereka dengan aspek-aspek menjaga keselamatan dan menangani situasi cemas atau merbahaya.²⁵³

Intelektual murid dikembangkan dengan baik melalui penguasaan bahasa terutama Bahasa Melayu yang tinggi sama ada dari sudut lisan, bacaan maupun penulisan. Guru menggunakan sistem ejaan ketika mengajar murid membaca. Pendedahan terhadap Bahasa Inggeris juga dilakukan melalui penggunaan arahan-arahan mudah dalam Bahasa Inggeris seperti ‘sit properly’, ‘no fighting’, ‘listen here’, ‘spell’, dan lain-lain. Pembelajaran matematik melalui penerangan dan latihan di samping penggunaan cakera padat (compact disc) bagi menarik minat para murid. Mata pelajaran sains turut diselitkan secara tidak langsung. Bagi mengembangkan imaginasi dan kreativiti murid, pelbagai permainan disediakan termasuk doh, tali dan manik, puzzle, lego, dan pelbagai mainan lagi.

Guru menggunakan topeng muka yang menggambarkan wajah sedih, gembira, marah, terkejut, ketawa dan sebagainya dan menceritakan situasi-situasi tersebut kepada

²⁵² Naimah Abd Wahab (2007), *Profil TABIKA KEMAS Bandar Triang*, h. 10

²⁵³ Naimah Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

kanak-kanak. Pendidikan emosi juga ditonjolkan melalui cerita-cerita. Guru menceritakan sesuatu kisah disertai memek muka dan suara yang dilengkapi dengan emosi sesuai dengan watak di dalam cerita tersebut.²⁵⁴ Murid-murid yang menangis ketika datang ke sekolah dididik agar menangani emosi mereka sendiri. Guru tidak memanjakan mana-mana murid dengan belaian dan layanan yang berlebihan. Layanan yang berlebihan boleh menyebabkan murid lain berasa iri hati dan menimbulkan emosi yang kurang senang.²⁵⁵

Dari sudut hubungan sosial, hubungan antara jantina tidak begitu ditekankan lagi. Namun, guru tetap berusaha memperlihatkan perbezaan tersebut melalui pengasingan kedudukan murid lelaki dan perempuan dalam barisan, tempat duduk, dan tandas. Guru juga ada menerangkan tentang hubungan antara lelaki dan perempuan apabila meningkat dewasa.²⁵⁶ Sifat kepimpinan diterapkan oleh guru dengan cara melantik ketua bagi mengetuai bacaan doa dan juga mengeja perkataan di papan putih. Semangat patriotik pula ditanam melalui nyanyian lagu Negaraku dan lagu KEMAS semasa perbarisan.

3.1.1.2 Kaedah-kaedah Pendidikan

Mendidik murid-murid yang berusia empat hingga enam tahun di dalam satu bilik darjah memerlukan kesabaran dan kreativiti yang tinggi. Justeru, guru menggunakan pelbagai cara bagi menarik minat murid-murid hadir ke TABIKA dan seterusnya mengikuti sistem pengajaran dan pembelajaran yang telah dirangka.

²⁵⁴ *Ibid.*

²⁵⁵ *Ibid.*

²⁵⁶ *Ibid.*

Guru menggunakan cara mencontohi rakan-rakan dalam beberapa aspek seperti mencontohi sikap mendengar kata guru, belajar dengan tekun, membuat kerja dengan baik, makan dengan tertib, dan akhlak-akhlak mulia yang lain. Kadangkala guru berinteraksi dengan murid dengan menceritakan sikap kedua ibu bapa mereka dan menggalakkan murid-murid mencontohi sikap yang baik seperti membantu kerja-kerja rumah. Murid-murid juga digalakkan mencontohi perlakuan baik dari sesiapa sahaja. Contohnya, guru memperkatakan tentang watak yang adalah dalam rancangan “Mutiara Hati” yang disiarkan di TV3 pada jam 5.30 petang hingga 6.30 petang. Guru menggalakkan murid-murid mencontohi watak-watak baik dalam cerita tersebut seperti berusaha, berdoa, bertawakkal dan sebagainya, dan menjauhi sikap jahat watak-watak yang lain.²⁵⁷

Pendekatan pendidikan melalui penceritaan diselitkan melalui kaedah tema dengan mengemukakan cerita-cerita pendek sebahagian dari pengalaman hidup seharian. Guru juga sering mencerikam kisah-kisah tauladan sama ada kisah dari al-Qur'an, kisah para nabi, mahupun kisah-kisah alam sekeliling. Pengkaji sempat melihat guru menceritakan kisah Nabi Daud a.s dan kisah kupu-kupu. Selepas menceritakan kisah-kisah tersebut, guru membuat kesimpulan dan mengemukakan pengajaran dari kisah tersebut. Kaedah penceritaan bukan hanya berlaku di sebelah pihak sahaja. Murid-murid juga diberi peluang untuk menceritakan kehidupan masing-masing dan membuat penilaian sama ada ia baik atau tidak.

²⁵⁷ Naimah Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual pada 13 Julai 2007

Kaedah pendidikan menggunakan pembalasan baik dan buruk digunakan oleh guru dengan menerangkan kepada murid bahawa perlakuan jahat akan dibalas dengan balasan buruk iaitu dimasukkan ke neraka, manakala perbuatan baik akan dibalas baik dengan dimasukkan ke dalam syurga. Hanya hukuman ringan seperti berdiri kaki sebelah dikenakan kepada murid yang tidak mendengar kata guru. Guru juga ada mengancam murid yang tidak menyiapkan kerja tidak boleh balik. Namun, ia sekadar ancaman dan hukuman tersebut tidak dilaksanakan. Guru tidak menggunakan kaedah sindiran kerana menurut beliau, murid-murid tidak memahami sindiran tersebut.²⁵⁸ Guru tidak mengetepikan murid yang melakukan sesuatu kerja dengan baik atau berakhhlak mulia. Murid tersebut dipuji dan diberi tepukan hasil usaha yang baik.

Bagi kaedah perbandingan dan perumpamaan, guru ada membandingkan hasil kerja murid-murid dengan rakan-rakan yang lain. Contohnya pertandingan mewarna, guru membandingkan cara mewarna dengan rakan-rakan lain. Rakan mereka mendapat hadiah kerana mewarna dengan cantik. Sekiranya mereka ingin mendapat hadiah, mewarnalah secantik rakan tersebut.²⁵⁹

Pendidikan dengan cara berperingkat-peringkat merupakan kaedah yang sentiasa digunakan iaitu dengan cara membimbing, menasihati, mempraktikkan, memerhati dan mengawasi dalam apa juu aktiviti. Sebagai contoh, guru memperkenalkan tentang permainan tradisional. Murid-murid mengemukakan idea masing-masing tentang permainan-permainan tradisional yang mereka ketahui dan cara-cara bermain dengan bimbingan guru. Guru kemudiannya mengajak murid-murid bermain permainan tersebut

²⁵⁸ *Ibid.*

²⁵⁹ *Ibid.*

seperti teng teng dan congkak. Guru mengawasi dan memerhati murid-murid melakukan aktiviti tersebut beserta bimbingan agar murid bermain dengan betul. Begitu juga dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lain.

3.1.2 Pelaksanaan di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar

Bagi mengenal pasti sejauh mana aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan berdasarkan al-Qur'an dilaksanakan di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, pengkaji menjalankan observasi terhadap perjalanan pengajaran dan pembelajaran di pusat pendidikan tersebut bermula jam lapan pagi hingga dua belas setengah tengahari pada 3, 4, 5 dan 9 Julai 2007. Respondan terdiri daripada seorang pemaju masyarakat (selepas ini akan disebut sebagai guru), seorang pembantu khas, dan dua puluh lima orang murid merangkumi sembilan orang murid berusia enam tahun dan lima belas orang murid berusia lima tahun.

Pengkaji juga membuat satu sesi temubual dengan guru TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, Puan Rosnani binti Abdul Rahman, pada 30 Julai 2007, bagi mendapatkan data yang lebih tepat. Pengkaji tidak melibatkan murid-murid sebagai respondan dalam sesi temu bual tersebut kerana usia mereka tidak mencapai tahap sebagai penyumbang data yang sahih.

3.1.2.1 Aspek-aspek Pendidikan

Hasil pemerhatian, pengkaji mendapati pendidikan aqidah ada diajar oleh guru merangkumi rukun-rukun iman. Rukun-rukun iman diperkenalkan kepada murid-murid dalam slot khas pendidikan Islam. Namun demikian, ada juga pembentukan aqidah yang dilaksanakan secara tidak langsung terutamanya yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Allah dan pembalasan dosa dan pahala terhadap segala perbuatan. Guru ada menyebut sesuatu perbuatan yang baik atau buruk akan mendapat pembalasan daripada Allah. Contohnya, ‘Allah tahu siapa yang cakap bohong. Allah tak suka siapa yang cakap bohong. Orang yang cakap bohong akan mendapat dosa’.

Dari aspek pendidikan ibadah pula, terdapat pelbagai alat bantu mengajar seperti sejadah, kain sembahyang, songkok, dan tempat mengambil wudu’. Guru memperkenalkan kepada para pelajar rukun-rukun Islam dan cara-cara pelaksanannya. Kadangkala, guru mengulangkaji menyebut rukun-rukun Islam ketika waktu selingan seperti sebelum mengambil makanan dan ketika berbaris sebelum balik. Ada antara ibadah asas tersebut yang dilaksanakan praktikalnya. Pengkaji sempat melihat pembelajaran berkaitan cara berwudu’ dan solat lima waktu. Guru mengarahkan para pelajar menggerakkan tubuh badan mengikut gambar kanak-kanak sedang bersolat yang terdapat dalam carta. Guru juga membimbing murid cara-cara yang betul mengambil wudu’. Doa-doa asas seperti doa belajar, doa untuk kedua ibu bapa, doa sebelum makan, dan doa sebelum minum turut diajar dan diamalkan sepanjang waktu berada di TABIKA. Guru turut mengajar murid surah-surah lazim seperti surah al-Fatihah, al-Nas, al-Falaq, dan al-Ikhlas.

Akhhlak para pelajar dari sudut perbualan, pembelajaran, ketika makan, bermain, hubungan dengan guru, dan lain-lain berada ditahap yang tinggi hasil dari usaha penerapan disiplin dan pendidikan akhlak oleh guru. Guru menerapkan akhlak yang tinggi sejak awal tahun persekolahan dengan cara membimbing murid dengan akhlak yang mulia, mengancam dan menghukum sekiranya murid tidak mendengar kata-kata guru. Bagi mendidik murid berbicara dengan bahasa yang sopan dan tidak menggunakan perkataan yang kesat seperti ‘bodoh’ dan ‘babi’, guru menghukum murid yang mengeluarkan perkataan kesat tersebut dengan cara murid tersebut mesti keluar dari kelas dan mencari ‘bodoh’ atau ‘babi’ sehingga jumpa dan menunjukkan perkara tersebut kepada guru. Apabila seorang daripada rakan mereka dihukum sedemikian kerana perbuatan mengeluarkan kata-kata kesat, murid-murid yang lain mendapat pengajaran dan tidak berani bertindak sedemikian.

Ketika belajar, murid-murid menumpukan perhatian kepada pembelajaran dan tidak bermain-main. Disiplin ini diterapkan oleh guru melalui kepatuhan kepada masa. Masa belajar hanyalah untuk belajar, dan masa bermain, murid-murid dibenarkan bermain. Murid-murid dididik dengan adab makan agar makan dengan tertib, tidak bercakap ketika makan dan membaca doa sebelum dan selepas makan. Murid-murid juga diajar dengan akhlak bertolak ansur dan saling tolong menolong ketika bermain mahupun ketika belajar. Dari pengamatan pengkaji, hasil didikan guru, muri-murid di TABIKA KEMAS Bandar Kampung Sri Buntar tidak bergaduh sama ada ketika bermain bersama-sama atau ketika belajar. Murid-murid pandai, sama ada meminjam atau memberi pinjam alatan menulis kepada rakan-rakan, ketika belajar. Alatan permainan yang terhad digunakan bersama tanpa berlaku perebutan.

Murid-murid mendapat didikan fizikal yang baik melalui senaman ringan pada setiap pagi sebelum kelas bermula. TABIKA turut menyusun program sukaneka tahunan. Malah pihak KEMAS juga ada melaksanakan program Hari Potensi, yang mana pertandingan melibatkan keupayaan fizikal dijalankan dua tahun sekali melibatkan pelbagai acara sukan seperti bola jaring, futsal, rounders dan sebagainya, serta aktiviti pertahanan diri seperti silat, taekwando dan lain-lain.²⁶⁰ Melalui acara-acara ini, murid-murid dapat mengembangkan motor kasar dan potensi fizikal mereka seterusnya memiliki badan yang sihat serta otak yang cergas. Perkembangan motor halus dilaksanakan melalui aktiviti kreatif melibatkan kemahiran mengoyak kertas, menampal, mengikat tali dan sebagainya. Pengkaji dapat melihat murid-murid berusaha membuat kolaj berbentuk ikan.

Pemakanan yang sihat amat dititik beratkan melalui penyediaan makanan sendiri dan menu yang berkhasiat merangkumi buah-buahan serta sayur-sayuran. Guru menggalakkan pemakanan sayur dengan menyuruh murid-murid membuang sayur ke dalam perut dan bukannya di dalam pinggan atau di lantai. Manakala dari aspek kebersihan dan kekemasan, pengkaji mendapati tempat belajar, pakaian, malah tandas di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kemas. Situasi ini adalah hasil penerapan nilai kebersihan yang tinggi oleh guru. Guru mendidik murid-murid mengemas semula barang-barang permainan atau alatan belajar setelah selesai menggunakan. Kadang kala guru juga membuat aktiviti gotong royong

²⁶⁰ Rosnani Abdul Rahman, Guru TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, Temubual pada 30 Julai 2007

bersama murid-murid²⁶¹. Murid-murid turut diajar tentang benda-benda yang merbahaya agar mereka sentiasa berhati-hati tentang keselamatan diri dan orang di sekeliling.

Intelektual murid dikembangkan dengan baik melalui penguasaan bahasa terutama Bahasa Melayu yang tinggi sama ada dari sudut lisan, bacaan maupun penulisan. Guru menggunakan sistem ejaan ketika mengajar murid membaca. Pembelajaran matematik, sains dan teknologi turut terdapat di dalam kurikulum dan diajar mengikut jadual yang telah disusun. Bagi mengembangkan imaginasi dan kreativiti murid, pelbagai alat bantu disediakan termasuk permainan doh, permainan pondok, lego, dan sebagainya.

Pendidikan emosi ditekankan dengan cara guru menyemai keyakinan yang tinggi kepada murid-murid dalam melakukan sesuatu perkara melalui konsep ‘tidak mahu dengar perkataan tidak pandai dan tidak boleh’.²⁶² Murid-murid yakin ke hadapan dan melakukan sesuatu kerja walaupun mungkin mereka melakukan kesilapan. Guru juga mewujudkan suasana pembelajaran yang sihat di mana guru sentiasa memastikan kelas dalam keadaan bersih dan kemas serta murid-murid sentiasa mendengar arahan dan nasihat guru. Suasana ini mewujudkan keadaan yang tenang dan harmoni seterusnya melahirkan murid-murid yang mempunyai emosi yang amat positif terhadap pembelajaran. Mereka juga dididik agar sentiasa sabar melakukan sesuatu kerja yang diberikan oleh guru. Murid-murid diajar bertanggungjawab terhadap diri sendiri dengan menghargai barang masing-masing dan berdikari menjalankan aktiviti harian seperti pergi ke tandas, makan, minum, menjaga barang peribadi seperti kasut, alat tulis, buku,

²⁶¹ *Ibid.*

²⁶² *Ibid.*

dan sebagainya. Guru mengarahkan murid yang menangis apabila pergi ke sekolah agar pulang ke rumah. Apabila sudah reda tangisan dan telah bersedia untuk belajar barulah pergi sekolah semula.²⁶³ Usaha guru ini adalah bagi mendidik murid tersebut mengawal emosi mereka sendiri.

Dari sudut hubungan sosial, hubungan antara jantina tidak begitu ditekankan lagi. Namun, guru tetap berusaha memperlihatkan perbezaan tersebut melalui pengasingan kedudukan murid lelaki dan perempuan dalam barisan, tempat duduk, dan tandas. Guru telah mendidik murid-murid menjalinkan hubungan sosial yang baik dengan semua pihak terutama dengan rakan-rakan dan guru. Perkara ini dapat dilihat melalui tutur kata mereka yang bebas dari perkataan yang tidak elok, sikap bertolak ansur, tidak bergaduh, saling bantu membantu, mendengar kata guru, dan tidak merosakkan peralatan. Sifat kepimpinan diterapkan oleh guru dengan cara melantik ketua bagi mengetuai perbarisan, bacaan doa dan juga mengeja perkataan di papan putih. Semangat patriotik pula ditanam melalui nyanyian lagu Negaraku dan lagu KEMAS semasa perbarisan.

3.1.2.2 Kaedah-kaedah Pendidikan

Dalam mendidik murid-murid, guru menggunakan pelbagai pendekatan. Guru ada menggunakan kaedah pendidikan melalui contoh tauladan dengan melakukan sesuatu gerak kerja terlebih dahulu sebelum diikuti oleh murid-murid. Contohnya ketika membuat kolaj berbentuk ikan, guru terlebih dahulu membuat contoh kemudian diikuti

²⁶³ *Ibid.*

dengan gerak kerja murid-murid. Di samping itu guru juga ada menjadikan ibu bapa sebagai contoh terutamanya dalam aspek solat di rumah. Guru menggalakkan murid-murid melakukan solat dengan men] ibu bapa mereka.

Pendekatan pendidikan melalui penceritaan diselitkan melalui kaedah tema dengan mengemukakan cerita-cerita pendek sebahagian dari pengalaman hidup sehari-hari. Pengkaji sempat melihat guru memperkenalkan tema hobi. Guru menceritakan kepada murid-murid tentang seorang kanak-kanak yang mempunyai hobi memancing. Kemudian, guru meminta pandangan dan pengalaman hidup murid-murid. Murid-murid menceritakan pandangan dan pengalaman masing-masing tentang hobi memancing. Cara ini dapat mengembangkan lagi pengetahuan dan pemikiran murid-murid.

Kaedah pendidikan menggunakan pembalasan baik dan buruk jelas dapat dilihat melalui cara hukuman, galakan, ancaman dan sindiran. Antara contoh frasa yang digunakan untuk mengancam murid-murid supaya mendengar cakap guru ialah, ‘tak diam, tak boleh makan’. Guru juga kadangkala menyindir murid dengan menggunakan frasa ‘nak kemana tu?’ dan ‘terung kat rumah dia warna merah’. Guru tidak melakukan hukuman dengan cara menyakiti tubuh badan murid. Namun, murid tetap dihukum seperti hukuman menyiapkan kerja sekolah selepas rehat bagi murid yang belum menyiapkan kerja mereka. Bagi murid-murid lain, selepas rehat mereka dibenarkan bermain. Guru tidak mendiamkan diri apabila melihat murid melakukan sesuatu perkara yang lebih bagus. Guru akan memuji dan menggalakkan murid lain mencontohi rakan mereka tersebut.

Bagi kaedah perbandingan dan perumpamaan, guru ada membandingkan hasil kerja murid-murid dengan rakan-rakan yang lain. Dengan cara ini, murid-murid merasakan wujudnya persaingan dan berusaha meningkatkan kualiti kerja mereka.

Pendidikan dengan cara berperingkat-peringkat merupakan kaedah yang sering digunakan iaitu dengan cara membimbing, menasihati, praktikal, memerhati dan mengawasi. Guru terlebih dahulu memperkenalkan sesuatu perkara baru, contohnya tentang hobi. Kemudian kanak-kanak menyatakan pandangan masing-masing dengan bimbingan pemaju masyarakat. Seterusnya kanak-kanak membuat praktikal dengan melukis, mewarna, atau menulis berkaitan dengan sesuatu hobi di bawah pemerhatian dan pengawasan guru. Semenjak awal tahun guru mula mendidik murid-murid dengan cara menasihati dan membimbing mereka dengan disiplin dan peraturan. Dengan nasihat dan bimbingan guru, murid-murid mempraktikkan ajaran guru. Guru sentiasa memerhati dan mengawasi perilaku murid. Murid yang berkelakuan baik akan terus diberi galakan manakala yang berkelakuan buruk akan terus diberi bimbingan atau dihukum.

3.1.3 Pelaksanaan di Pra Sekolah SK Sri Buntar

Observasi dan temubual telah dilakukan oleh pengkaji di Pra Sekolah Sek. Keb. Sri Buntar bagi mengetahui sejauh mana pendidikan berdasarkan al-Qur'an dilaksanakan di pusat pendidikan tersebut. Temubual telah diadakan dengan melibatkan Puan Noor Huzaina binti Abdul Majid dan Ustazah Ropidah binti Abdullah. Noor Huzaina

merupakan guru kelas bagi Pra Sekolah SK Sri Buntar manakala Ustazah Ropidah pula ialah guru agama.

Observasi pula telah dijalankan selama empat hari iaitu pada 17, 18, 19 dan 20 Julai 2007 bermula jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengahari. Observasi melibatkan dua orang guru, seorang pembantu pra, dua puluh orang murid enam tahun dan empat orang murid berusia lima tahun.

3.1.3.1 Aspek-aspek Pendidikan

Aspek pendidikan yang digunakan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di Pra Sekolah SK Sri Buntar adalah berdasarkan kurikulum kebangsaan pra sekolah yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam komponen Pendidikan Islam, terdapat tumpuan khusus kepada pembentukan akidah, pemupukan amalan syariah Islam, penyuburan akhlak dan adab Islam, pengenalan kepada Bahasa al-Qur'an, surah-surah pendek dari juzu' 'Amma dan tulisan jawi.

Pendidikan Islam diajar khusus oleh seorang ustazah yang bertauliah dan telah mengikuti kursus berkaitan pendidikan pra sekolah. Ustazah akan masuk ke kelas pra sekolah setengah jam pada setiap hari mengikut kesesuaian masa yang ada. Dalam usaha mengembangkan aqidah murid-murid, ustazah memperkenalkan dan menerangkan tentang rukun Iman. Guru turut memainkan peranan menyuburkan lagi aqidah murid dengan menyentuh kekuasaan Allah dalam pembelajaran. Contohnya ketika mengajar tentang buah-buahan, guru mengaitkan penciptaan buah-buah oleh Allah s.w.t. Guru juga

mengingatkan murid-murid yang makan tanpa membaca doa bahawa mereka makan dengan syaitan. Bagi menyuburkan kepercayaan dan kasih kepada Rasulullah, guru melatih rutin selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w ketika bersalaman sebelum balik.

Dari aspek pendidikan ibadah pula, ustazah mengajar murid-murid rukun-rukun Islam dan sentiasa mengulanginya dari masa ke masa. Penekanan diberi kepada fardu solat. Ustazah menunjukkan carta kanak-kanak bersolat dan seterusnya membimbang murid-murid melaksanakan pergerakan seperti di dalam carta. Doa-doa harian seperti doa tidur, doa bangun tidur, doa masuk tandas, doa keluar tandas, doa sebelum makan, doa selepas makan, doa belajar, doa menaiki kenderaan dan doa kepada kedua ibu bapa diperkenalkan kepada murid-murid. Murid-murid diajar supaya menghafaz doa-doa tersebut dan sentiasa dibaca dan diamalkan sepanjang masa. Murid juga diajar dan dididik supaya menghafaz surah-surah pendek dari juzu' 'Amma seperti surah al-Fatihah, al-Nas, al-Falaq, al-Ikhlas, al-Lahab dan al-Nasr. Pada pengamatan pengkaji, murid-murid pra sekolah berjaya menguasai dan menghafaz doa-doa harian dan surah-surah pendek dengan baik.

Ustazah sentiasa menggalakkan murid berakhlik dengan akhlak mulia. Apabila ada murid yang bersikap tidak elok, ustazah mengingatkan murid lain agar tidak mencontohi perangai buruk tersebut. Guru mendidik murid-murid dengan cara memperkenalkan bahawa kehidupan ada peraturan. Setiap peraturan mesti dipatuhi. Peraturan pergi ke sekolah ialah belajar dan dengar cakap guru. Justeru, dengan peraturan tersebut, murid sentiasa mendengar cakap guru dan dapat mendisiplinkan diri masing-masing. Guru juga menerapkan rasa sayang terhadap diri sendiri dan barang-barang.

Guru sentiasa mengingatkan murid-murid agar menjadikan kelas mereka sebagai rumah. Barang di dirumah dijaga dengan elok, duit tidak dicuri dan kain tidak dikoyah atau dirosakkan. Maka, perkara yang sama murid-murid perlu lakukan di dalam kelas. Hasil usaha guru dapat dilihat melalui sikap murid-murid yang sentiasa mendengar arahan guru, mengemas barang-barang dengan baik selepas digunakan, bermain mengikut peraturan, tidak bergaduh, bercakap dengan nada yang tidak menjerit, tidak mengeluarkan kata-kata kesat dan berdisiplin tinggi.

Aspek pendidikan fizikal memang tidak ditinggalkan sama ada dalam perkembangan motor kasar mahupun motor halus dan juga kesihatan serta keselamatan. Perkembangan motor kasar dilakukan dengan pelbagai cara. Antaranya guru akan membawa kanak-kanak ke padang sekolah untuk aktiviti jasmani setiap hari Rabu. Mereka akan diajar melompat, berlari dan sebagainya dengan menggunakan alatan bantuan seperti gelung rotan dan bola. Pengkaji sempat melihat murid-murid bermain teng-teng dengan bimbingan guru. Murid terlebih dahulu diajar lompat sebelah kaki pada minggu sebelumnya. Di samping itu, murid-murid juga menyertai acara sukan sekolah yang telah dijalankan pada bulan Mac lalu melalui acara khas bagi murid pra sekolah. Mereka telah dibahagikan kepada kumpulan kuning, merah, hijau dan biru. Kemudahan taman permainan berhampiran kelas digunakan sebelum kelas bermula untuk mengembangkan lagi kemampuan fizikal murid. Aktiviti menyulam, melukis, menggunting, menampal dan mewarna digunakan bagi meningkatkan perkembangan motor halus murid-murid. Antara hasil yang boleh didapati ialah sulaman ikan, tampilan hidupan laut, pembinaan carta dan lukisan buah-buahan. Dari sudut kebersihan dan kesihatan, guru menggunakan masa tiga bulan pertama untuk mengajar dan menerapkan

kepada pelajar cara beristinja' yang betul, cara menggunakan tandas, cara menggunakan sabun, cara membasuh tangan, menggosok gigi selepas makan, cara menjaga penampilan, dan kekemasan diri dengan menyikat rambut, membetulkan baju serta cara menjaga peralatan peribadi. Makanan dan minuman untuk sarapan pagi dan minum pagi disediakan sendiri oleh pembantu pra bagi menjamin kualiti.

Pendidikan intelektual yang terdiri daripada penguasaan bahasa, perkembangan kognitif dan perkembangan kreativiti dan estetika merupakan antara elemen paling penting dalam kurikulum pra sekolah. Guru menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan pada hari Isnin, Selasa dan Jumaat. Manakala pada hari Rabu dan Khamis, guru menggunakan bahasa Inggeris ketika memberi arahan.²⁶⁴ Namun demikian penggunaan bahasa tersebut adalah fleksibel dan berdasarkan kemampuan murid. Penguasaan bahasa Melayu terutamanya dilakukan dengan pelbagai cara seperti mengeja, membina perkataan dari satu perkataan utama, membina ayat ringkas dan projek membaca. Bagi membina perkataan dan membina ayat, secara tidak langsung ia meningkatkan kemahiran berfikir murid-murid. Perkembangan kognitif dilakukan secara tidak langsung ketika mempelajari sesuatu perkara. Sebagai contoh, pengkaji melihat, guru meminta kanak-kanak memberitahu buah kegemaran mereka. Kemudian, daripada data yang diperolehi, guru meminta murid membuat carta 'I Like'. Guru juga meminta seorang murid membawa buah cempedak supaya murid-murid dapat melihat, menghidu, menyentuh dan merasa buah tersebut dengan sebenar-benarnya.

²⁶⁴ Noor Huzaina Abdul Majid, Guru Pra Sekolah SK Sri Buntar, Temubual pada 11 Julai 2007

Menurut Puan Noor Huzaina binti Abdul Majid, konsep pendidikan pra sekolah di bawah kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia adalah murid yang membina sesuatu perkara bermula dari kertas kosong dan bukan guru yang memberitahu. Hal ini bagi mengetahui sejauh mana pandangan murid tentang sesuatu perkara. Justeru, kreativiti murid jelas dapat dilihat melalui lukisan-lukisan mereka melalui imaginasi sendiri.²⁶⁵ Pengkaji dapat melihat hasil kreativiti murid-murid melalui tampilan haiwan di dalam laut dan lukisan pantun buah cempedak. Guru turut mengaitkan pelajaran dengan nilai estetika seperti pantun dan muzik. Ketika mempelajari tema buah-buahan, guru mengemukakan pantun buah cempedak dan menyanyikannya dengan lagu rasa sayang. Nyanyian tersebut diiringi dengan permainan muzik oleh murid-murid dengan menggunakan alat muzik klarinet dan loceng.

Murid-murid dididik agar menguasai emosi masing-masing dengan cara guru menerapkan sifat yakin, berdikari dan positif terhadap pelajaran. Guru sentiasa mengarahkan murid-murid mengetuai sebarang aktiviti. Setiap murid akan merasa menjadi ketua sama ada ketua rumah sukan, ketua kumpulan di dalam kelas, ketua bacaan sesuatu doa, ketua ketika mengeja dan sebagainya. Guru juga sentiasa memanggil murid-murid dan berosal jawab dengan mereka. Dengan cara ini, murid-murid akan memberi perhatian dan positif terhadap pembelajaran. Guru tidak merendah-rendahkan usaha dan kemampuan murid. Apabila mengarahkan murid melakukan sesuatu perkara, guru tidak akan masuk campur melainkan murid tersebut amat lemah. Hal ini meningkatkan usaha berdikari para murid. Ini dapat dilihat ketika guru mengarahkan murid melukis berdasarkan pantun buah cempedak di luar pagar, murid-murid melakukan

²⁶⁵ *Ibid.*

gerak kerja menggunakan imaginasi sendiri tanpa bantuan guru. Hasilnya amat membanggakan. Penerapan nilai berdikari ini membolehkan murid-murid bijak memanfaatkan masa dan membantu guru. Contohnya, murid-murid akan membaca buku-buku yang disediakan setelah siap makan ketika waktu rehat tanpa sebarang arahan dan mereka dapat menyusun semula buku-buku tersebut dengan teratur selepas menggunakannya.

Pendidikan sosial di terapkan melalui pengasingan barisan dan tandas antara lelaki dan perempuan. Manakala hubungan murid-murid dengan masyarakat ditekankan agar mereka menghormati orang lain sama ada guru, pelawat, mahupun ibu bapa. Guru juga menerapkan kesedaran alam sekitar kepada murid-murid. Ketika menyatakan tentang buah-buahan, guru mengingatkan murid-murid agar tidak kulit buah-buahan merata-rata. Ia akan menyebabkan longkang kotor dan tersumbat seterusnya mengakibatkan bencana alam yang lebih besar seperti banjir dan demam dengan kerana pemberian nyamuk eades yang berleluasa. Sifat kenegaraan disemai melalui nyanyian lagu Negaraku dan lagu negeri Pahang.

3.1.3.2 Kaedah-kaedah Pendidikan

Walaupun kurikulum yang diguna pakai di Pra Sekolah Sek Keb Sri Buntar, TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar dan TABIKA KEMAS Bandar Triang adalah berdasarkan kurikulum yang sama yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, namun cara setiap guru mengendalikan murid-murid adalah berbeza. Di Pra Sekolah Sek

Keb Sri Buntar, guru dan ustazah menggunakan kaedah pendidikan melalui contoh tauladan ketika mengajar sama ada secara langsung atau tidak terutama yang berkaitan dengan akhlak. Contohnya, guru meminta murid-murid mencontohi sikapnya mendengar dan tidak turut bercakap ketika orang lain bercakap. Ustazah juga ada berpesan supaya tidak mencontohi sikap buruk rakan mereka yang mengamuk dan merajuk ketika belajar. Guru tidak membuat contoh dalam gerak kerja kerana pemikiran murid-murid tidak akan mencapai sekiranya hanya mengikut contoh kerja guru. Guru membiarkan murid-murid melakukan gerak kerja mengikut kreativiti mereka.

Kaedah pendidikan melalui penceritaan dilaksanakan melalui penyediaan buku-buku cerita yang banyak dan menggalakkan murid-murid membaca cerita-cerita tersebut serta menceritakan semula kepada guru. Murid-murid juga sering diingatkan kembali tentang cerita yang mereka baca. Buku-buku cerita terdiri daripada cerita kanak-kanak, kisah binatang dan sebagainya yang diselitkan pelbagai pengajaran.

Pendidikan melalui pembalasan baik dan buruk meliputi puji, galakan, ganjaran, marah, dan hukuman turut diselitkan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini terbukti melalui puji dan tepukan yang diberikan terhadap murid-murid yang berjaya menyiapkan carta buah-buah dengan betul dan kemas. Galakan juga diberikan kepada murid yang tidak mampu melakukan sesuatu kerja contohnya melompat dengan menggunakan sebelah kaki. Guru melarang rakan-rakan mentertawakan murid tersebut. Malah guru meminta semua murid menyuruh kawan mereka tersebut agar mencuba lagi. Malah guru sendiri turut memberi galakan dan membantu murid tersebut melompat menggunakan sebelah kaki. Bagi murid yang berkelakuan baik dan

menyiapkan kerja dengan baik ketika guru tiada di dalam kelas, guru akan memberikannya hadiah sebagai ganjaran terhadap sikap yang baik. Guru akan memarahi dan memberi ancaman kepada murid yang tidak mendengar arahan. Contohnya, guru mengancam murid-murid yang tidak mendengar arahan tidak akan boleh bermain. Ustazah juga ada mengancam murid yang tidak mendengar kata akan dihantar ke bilik air. Hukuman ringan turut digunakan. Hukuman tersebut adalah seperti mengambil alat muzik yang sedang digunakan ketika pembelajaran sedang berlangsung kerana murid tersebut tidak mendengar arahan, merotan kaki kerana menendang kawan²⁶⁶, mengetuk jari yang berkuku panjang setiap hari Isnin dan Jumaat.

Merujuk kepada kaedah pendidikan menggunakan perbandingan dan perumpamaan pula, kadangkala guru membuat perumpamaan kehidupan sehari-hari sebagaimana kehidupan watak-watak binatang di dalam buku-buku cerita agar murid-murid dapat membuat penilaian dan mengambil contoh serta pengajaran.

Guru mempraktikkan pendidikan secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat hampir dalam semua aspek pengajaran. Dalam pendidikan ibadah umpamanya, ustazah memperkenalkan dahulu sesuatu surah atau doa dan membimbing murid-murid membaca surah dan doa tersebut. Kemudian murid-murid membaca dan mempraktikkan surah dan doa-doa tersebut sepanjang waktu di dalam kelas. Ustazah dan guru mengawasi dan memerhati serta menegur dan memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh murid. Begitu juga dalam aspek pendidikan fizikal. Guru memperkenalkan dan membimbing murid-murid bermain permainan teng-teng secara berperingkat-peringkat bermula dengan

²⁶⁶ *Ibid.*

melompat, kemudian melompat menggunakan sebelah kaki, melompat sebelah kaki secara terarah mengikut kawasan yang telah disediakan, dan seterusnya bermain teng-teng. Murid akan mempraktikkan bimbingan guru pada setiap peringkat arahan. Guru akan mengawasi dan membantu murid yang kurang cekap.

3.1.4 Pelaksanaan di PASTI al-Insan

Pengkaji telah melakukan observasi dan temubual di PASTI al-Insan, Bandar Triang bagi mengetahui sejauh mana pendidikan berdasarkan al-Qur'an dilaksanakan di pusat pendidikan tersebut. Temubual yang melibatkan respondan pertama, Puan Zah binti Muda telah dilakukan pada 18 Mei 2008 jam 2.30 petang . Puan Zah binti Muda merupakan guru PASTI dengan dibantu oleh seorang pembantu.

Observasi di PASTI al-Insan telah dijalankan selama empat hari iaitu pada 26, 27, 30 dan 31 Julai 2007 bermula jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengahari. Observasi melibatkan dua orang guru, seorang pembantu, tujuh belas orang murid enam tahun, tujuh belas murid lima tahun dan sepuluh orang murid berusia empat tahun.

3.1.4.1 Aspek-aspek Pendidikan

Berdasarkan pemerhatian dan sesi temubual yang telah dijalankan, pendidikan pra sekolah di PASTI amat menekankan aspek pendidikan Islam di samping pembangunan intelektual, fizikal dan emosi. Pendidikan Islam yang merangkumi aspek pendidikan

aqidah, ibadah dan akhlak amat dititikberatkan selain pengenalan terhadap bahasa al-Qur'an iaitu Bahasa Arab. Murid-murid sentiasa ditekankan tentang aspek aqidah. Mereka sentiasa diingatkan oleh Allah tentang kewujudan Allah swt sebagai tuhan yang maha agung. Ketika mempelajari tentang matahari, murid disoal tentang penciptanya. Guru juga sentiasa mengingatkan murid bahawa Allah nampak orang yang meniru. Murid-murid dikehendaki menghafaz nama-nama malaikat dan nama-nama dua puluh lima orang rasul. Di samping itu, mengucap dua kalimah syahadah ketika perbarisan pagi dan selawat ketika perbarisan sebelum balik menjadi rutin harian. Bagi mendekatkan lagi diri murid-murid dengan Rasulullah s.a.w, guru turut mengajar sirah baginda meliputi kelahiran, keluarga, pekerjaan, penerimaan wahyu dan para sahabat baginda. Guru juga menyentuh kisah-kisah para nabi *ulu al-'azmi*. Murid-murid didekatkan dengan hari akhirat melalui peringatan pembalasan baik dan buruk dan usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui aktiviti munajat pada setiap hari Jumaat. Guru juga ada membandingkan kepanasan api neraka melebihi kepanasan matahari.

Dalam aspek pendidikan ibadah, lima rukun Islam diajar dan sentiasa diingatkan serta dipraktikkan sesuai dengan kemampuan murid. Setiap pagi, murid dikehendaki mengucapkan dua kalimah syahadah. Guru mengajar cara-cara menuaikan solat serta bacaan-bacaan di dalam solat termasuk doa iftitah dan doa qunut. Praktikal solat dibuat pada setiap hari Khamis. Guru juga mengajar doa-doa harian meliputi doa pagi, doa sebelum tidur, bangun tidur, masuk tandas, keluar tandas, memakai pakaian, menghadap cermin, sebelum makan, selepas makan, keluar rumah, masuk masjid, keluar masjid, menaiki kenderaan dan doa untuk kedua ibu bapa. Murid-murid diajar membaca

dan menghafaz surah al-Fatihah, ayat Kursiy, ayat seribu dinar dan surah-surah pendek dari juzu' 'Amma meliputi surah al-'Asr hingga surah al-Nas.

Pendidikan akhlak sentiasa ditekankan dalam kehidupan sehari-hari tanpa terbatas kepada waktu-waktu tertentu sahaja. Murid-murid diajar menghormati orang yang lebih tua, memberi salam, menghormati guru, menjaga adab pergaulan, mengasihi binatang, bersopan di dalam kelas, saling bantu membantu, adab ketika makan dan pelbagai akhlak mulia yang lain. Guru sentiasa mengingatkan murid-murid agar berakhhlak mulia. Sekiranya mereka berkasar atau berakhhlak mazmumah, guru terus menegur dan mengingatkan. Contohnya, seorang murid memasuki kelas tanpa memberi salam, guru terus mengingatkannya bahawa orang yang memasuki rumah tanpa memberi salam ibarat pencuri yang memasuki rumah senyap senyap tanpa pengetahuan tuan rumah. Guru terus meminta agar murid tersebut memberi salam. Begitu juga sekiranya murid tidak membaca doa sebelum makan, guru terus menegur murid dengan mengingatkan bahawa orang yang makan tanpa membaca doa sebenarnya makan bersama syaitan.

Aspek pendidikan fizikal diterapkan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti sukan umpamanya pertandingan bola jaring dan sukaneka yang diadakan pada peringkat PASTI al-Insan, peringkat daerah Bera, mahupun diperingkat yang lebih tinggi. Guru akan melatih murid terlebih dahulu sebelum pertandingan diadakan. Guru membenarkan murid melakukan aktiviti bebas pada waktu rehat. Waktu tersebut digunakan oleh murid untuk bermain bersama, berlari, memanjang, bermain gelongsor, dan sebagainya. Permainan puzzle dan doh disediakan untuk kegunaan murid untuk melatih perkembangan motor halus murid. Guru menitik beratkan kebersihan murid dengan

sentiasa mengingatkan murid agar menjaga kebersihan. Guru juga sentiasa memeriksa kuku murid pada setiap hari Jumaat bagi mendidik murid berkuku pendek dan bersih.

Pendidikan intelektual tidak diabaikan walaupun penekanan yang tinggi diberikan dalam pendidikan aqidah dan ibadah. Guru berusaha mendidik murid agar dapat membaca, menulis dan mengira dengan baik sebelum mereka melangkah ke sekolah rendah. Penekanan diberi dalam bahasa Melayu, kemudian dituruti dengan bahasa Arab dan seterusnya bahasa Inggeris. Murid-murid dibahagikan kepada tiga kelas yang berasingan berdasarkan kebolehan dan penguasaan mereka terhadap kebolehan berbahasa. Kadangkala guru menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris ketika memberi arahan ringkas seperti *ijlis ī sit down* dan sebagainya. Bagi murid dalam kelas pertama yang hampir keseluruhan berusia enam tahun, mereka digalakkan dan diminta membuat sendiri sesuatu gerak kerja kreatif. Guru hanya memberi tahu cara melakukan perkara tersebut. Contohnya, ketika membuat matahari dengan menggunakan kertas, mereka dikehendaki melukis, mewarna dan memotong pinggan menggunakan kreativiti sendiri. Di samping melatih perkembangan fizikal, mereka dapat melakukan perkara tersebut berdasarkan imaginasi masing-masing. Pembelajaran sains sentiasa dikaitkan dengan kekuasaan dan keagungan Allah swt. Murid-murid juga diajar pelbagai perkara berkaitan matematik termasuk pengiraan, masa, wang, ukuran, dan bentuk. Sistem audio visual digunakan bagi menarik minat dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan sistem tersebut juga merupakan pengenalan awal kepada kanak-kanak tentang kemajuan teknologi terkini.

Guru menerapkan keyakinan dalam diri setiap murid-murid PASTI al-Insan dengan cara melantik mereka mengetuai bacaan doa sama ada ketika perbarisan pagi, ketika makan mahupun ketika perbarisan pulang. Murid-murid juga diterapkan semangat positif belajar. Guru sentiasa mengingatkan murid-murid bahawa ketika waktu belajar, mestilah belajar bersungguh-sungguh, makan hanya ketika waktu makan dan bermain hanya ketika masa main. Guru juga menggalakkan murid-murid terutama yang berusia enam tahun berdikari dalam melakukan kerja masing-masing tanpa bantuan sesiapa kecuali perkara yang terlalu rumit.

Dari sudut pendidikan sosial pula diterapkan melalui pengasingan barisan antara lelaki dan perempuan. Manakala hubungan murid-murid dengan masyarakat ditekankan agar mereka menghormati orang lain sama ada guru, pelawat, mahupun ibu bapa. Murid diajar mengucapkan salam kepada sesiapa juga yang memasuki kelas mereka. Guru menekankan agar murid-murid sentiasa bersopan santun dalam perbuatan mahupun pertuturan ketika berhadapan dengan tetamu. Sifat kenegaraan disemai melalui nyanyian lagu Negaraku.

3.1.4.2 Kaedah-kaedah Pendidikan

Setiap pusat pendidikan pra sekolah dikendalikan oleh kakitangan atau guru yang memiliki kreativiti dan kaedah tersendiri dalam mendidik kanak-kanak. Di PASTI al-Insan, guru menggunakan bahan *mawjud* bagi memperkenalkan sesuatu perkara kepada

murid-murid. Sebelum murid-murid melakukan sesuatu gerak kerja, guru terlebih dahulu menunjukkan cara atau contoh melakukan kerja tersebut.

Guru menggunakan kaedah penceritaan dengan nyata melalui subjek sirah Rasulullah saw dan para nabi *ulū al-‘azmi*. Cerita-cerita ini digunakan bukan sekadar memperkenalkan seseorang individu yang diberi anugerah kenabian, tetapi juga bagi menyelami kisah hidup mereka dan dijadikan contoh tauladan buat panduan hidup sehari-hari.

Kaedah pembalasan baik dan buruk merupakan antara kaedah yang sering digunakan. Menurut Puan Zah binti Muda, hati dan perasaan kanak-kanak perlu dibelai melalui pujian, galakan dan ganjaran supaya mereka lebih bersemangat dan positif terhadap pembelajaran mereka. Guru sentiasa memuji murid yang dapat menjawab soalan dan adakalanya mereka diberi ganjaran ringan berupa gula-gula, alat tulis dan sebagainya. Murid-murid yang berjaya juga sering diberi tepukan untuk menggalakkan mereka mengekalkan prestasi pada waktu lain, juga merangsangkan rakan-rakan mereka supaya lebih berusaha. Murid juga diancam dengan ancaman ringan seperti ‘tak zikir, tak boleh warna matahari’. Hukuman ringan dikenakan bagi kanak-kanak yang tidak mematuhi peraturan atau arahan guru. Pengkaji ada melihat guru mendenda murid yang gagal menyiapkan kerjanya dengan mengarahkan murid tersebut menyiapkan kerjanya dahulu sebelum pulang dan dia terpaksa pulang lambat berbanding-rakan-rakan yang lain. Guru juga ada menggunakan kaedah sindiran seperti menyindir murid sama ada tangan atau kepala yang pakai kopiah.

Guru sering menggunakan kaedah perbandingan dan perumpamaan. Contohnya, pengkaji ada memerhati guru mengumpamakan barisan murid-murid ketika perbarisan pagi mahupun tengahari dengan keretapi yang lurus, mengumpamakan senyuman seindah matahari, dan membandingkan antara matahari dan neraka mana satu yang lebih panas. Guru juga ada mengibaratkan orang yang memasuki rumah tanpa memberi salam seperti pencuri yang memasuki rumah dalam keadaan senyap agar tidak diketahui oleh tuan rumah. Kaedah ini digunakan bagi mendidik kanak-kanak berakhhlak mulia dan bertindak positif dalam kehidupan sehari-hari.

Seperti pusat pendidikan pra sekolah yang lain, guru-guru di PASTI al-Insan juga tidak ketinggalan menggunakan kaedah pendidikan secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat mengikut kemampuan murid. Murid-murid dibahagikan kepada tiga kelas agar peringkat-peringkat pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan kemampuan murid. Kelas pertama bagi murid berusia enam tahun termasuk beberapa murid lima tahun yang telah boleh membaca perkataan-perkataan pendek. Kelas kedua pula terdiri daripada murid yang berusia lima tahun dan beberapa orang murid berumur empat tahun yang sudah mengenal huruf, manakala kelas ketiga pula adalah bagi kanak-kanak berusia empat tahun. Setiap kelas menerima pendidikan secara berperingkat mengikut kemampuan murid-muridnya. Mereka diajar, dinasihat dan dibimbing dalam sesuatu perkara, kemudian mengamalkannya, dan seterusnya gerak kerja atau praktikal yang dilakukan oleh mereka diperhatikan dan diawasi. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kesalahan ia akan segera diperbetulkan oleh para guru. Contohnya, guru mengajar tentang matahari. Guru membimbing kanak-kanak mengenali ciri-ciri matahari. Kemudian murid-murid diminta melukis matahari atau mewarnakan matahari yang telah

dilukis oleh guru. Guru memerhati dan mengawasi gerak kerja murid dan memperbetulkan kesilapan sekiranya ada murid yang mewarnakan matahari dengan warna biru atau melukis matahari berbentuk segi empat. Begitu juga dalam aspek solat. Guru membimbing murid-murid tentang solat lima waktu. Praktikalnya akan dilakukan pada setiap hari Khamis dengan pengawasan para guru. Kesilapan yang dilakukan oleh murid ketika melakukan praktikal akan segera diperbetulkan.

3.2 Kesimpulan

Kurikulum yang di tetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun PASTI perlu dilaksanakan di peringkat sekolah tadika yang berkenaan. Namun demikian, pelaksanaan kurikulum tersebut banyak bergantung kepada kreativiti, kemahiran, kebolehan dan kemampuan setiap guru. Guru yang berlainan mempunyai cara yang berlainan walaupun mungkin isi pelajaran yang sama. Maka dapat dilihat bahawa perlaksanaan pendidikan di pusat pendidikan yang dikaji adalah berlainan antara satu sama lain walaupun sedikit. Usaha setiap guru tentunya ada kelebihan dan kelemahan namun perlu dipuji kerana gigih untuk mendidik anak bangsa biarpun menghadapi pelbagai rintangan.

BAB KEEMPAT

**ANALISIS DATA
PERLAKSANAAN
PENDIDIKAN AWAL KANAK-
KANAK MENURUT AL-
QUR'AN DI PUSAT
PENDIDIKAN PRA SEKOLAH
DI TRIANG, PAHANG**



BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA PERLAKSANAAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT AL-QUR’AN DI PUSAT PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH DI TRIANG, PAHANG

Berdasarkan kurikulum bagi setiap pusat pendidikan pra sekolah yang dikaji sebagai dasar dan asas pelaksanaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, pengkaji mendapati pendidikan yang dilaksanakan di pusat pendidikan Y lebih banyak mengambil dan menekankan aspek-aspek pendidikan menurut al-Qur'an. Kurikulum di pusat pendidikan Y lebih seimbang antara aspek aqidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelektual, emosi dan sosial.

Manakala kurikulum di tiga buah pusat pendidikan lagi, pusat pendidikan X, W dan Z, lebih menekankan aspek perkembangan intelektual yang dilaksanakan melalui penguasaan bahasa, perkembangan kognitif melalui subjek matematik dan sains, dan perkembangan kreativiti dan estetika. Manakala pendidikan aqidah dan ibadah hanya dimasukkan atau diajar ketika masa yang ditetapkan untuk subjek pendidikan Islam.


Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang pelaksanaan pendidikan di pusat-pusat pendidikan tersebut pengkaji telah melakukan pemerhatian di keempat-empat pusat pendidikan awal kanak-kanak ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Pengkaji menggunakan borang skala (sebagaimana dalam lampiran 2) sebagai parameter kajian. Jumlah markah dalam borang tersebut

kemudiannya diteliti dan ditukarkan dalam bentuk graf bagi memudahkan pembaca melihat perbezaan pelaksanaan pendidikan menurut al-Qur'an di keempat-empat buah pusat pendidikan awal kanak-kanak di sekitar bandar Triang. Pembentangan analisis di bawah merangkumi perbezaan dan persamaan pelaksanaan aspek-aspek pendidikan menurut al-Qur'an, dan perbezaan dan persamaan pelaksanaan kaedah-kaedah pendidikan menurut al-Qur'an di keempat-empat pusat pendidikan awal yang terlibat.

4.1 Perbezaan Pelaksanaan Aspek-aspek Pendidikan

Sebelum penerangan diperincikan lebih lanjut dengan meniliti satu persatu perbezaan dan persamaan dalam pelaksanaan aspek-aspek pendidikan menurut al-Qur'an di pusat pendidikan awal kanak-kanak terlibat, carta di bawah menggambarkan perbezaan pelaksanaan aspek pendidikan secara keseluruhan.

PERBEZAAN ANTARA PUSAT PENDIDIKAN PRA SEKOLAH DARIPADA SUDUT ASPEK-ASPEK PENDIDIKAN




Carta 1 : Aspek-aspek Pendidikan


Berdasarkan graf di atas, keempat-empat pusat pendidikan awal kanak-kanak di Bandar Triang menunjukkan bahawa aspek-aspek pendidikan yang diajar di pusat pendidikan tersebut bersesuaian dengan aspek pendidikan yang telah digariskan oleh al-Qur'an. Perbezaan hanya dilihat pada aplikasi aspek pendidikan tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada diberi penekanan atau tidak.

4.1.1 ‘Aqidah dan Ibadah

Pelaksanaan pendidikan dalam aspek ibadah dan ‘aqidah di keempat-empat pusat pendidikan pra sekolah yang terlibat dapat diperincikan sebagaimana di bawah.



Carta 2 : Aspek ‘Aqidah



Carta 3 : Aspek Ibadah


Graf menunjukkan bahawa pusat pendidikan Y lebih menekankan aspek aqidah dan ibadah dalam pengajaran dan pembelajaran harian. Aspek aqidah sentiasa ditekankan di pusat pendidikan Y dengan cara guru sentiasa mengingatkan murid tentang kebesaran Allah dan kekuasaanNya sebagai pencipta. Pendidikan ibadah pula dapat dilihat dari bacaan doa, hafazan surah dan hadis, zikir munajat pada hari Jumaat serta praktikal ibadah solat dan puasa. Murid dikehendaki membaca doa yang dihafaz ketika berbaris pada setiap pagi dan membaca doa sebelum melakukan aktiviti-aktiviti tertentu seperti makan, belajar dan beriadah.

Walaubagaimanapun, kebijaksanaan guru di pusat pendidikan Z juga terserlah kerana beliau pandai menyelitkan unsur aqidah dan ibadah dalam pembelajaran sehari-hari tanpa perlu menunggu waktu khas yang diperuntukkan untuk pengajaran dan

pembelajaran pendidikan Islam. Berlainan dengan keupayaan guru di pusat pendidikan W dan X yang kurang menyelitkan aspek aqidah dan ibadah dalam pengajaran di samping peruntukan masa untuk matapelajaran Pendidikan Islam yang terhad.

4.1.2 Akhlak

Aspek akhlak memang tidak dapat lari daripada salah satu usaha mendidik kanak-kanak di keempat-empat pusat pendidikan pra sekolah di Bandar Triang. Yang membezakan setiap pelaksanaan ialah cara dan penekanan yang diberikan oleh guru-guru di pusat pendidikan tersebut.



Carta 4 : Aspek Akhlak

Di pusat pendidikan Z dan di pusat pendidikan W, pendidikan akhlak diakui berada di tahap yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui cara pergaulan di kalangan


rakan, hubungan dengan guru dan orang luar yang datang ke sekolah, kekemasan diri, disiplin ketika belajar, adab ketika makan dan sebagainya. Guru di kedua-dua pusat pendidikan berjaya mendidik kanak-kanak agar sentiasa berpenampilan kemas, menjaga barang peribadi, tidak bergaduh, mendengar kata guru, menghormati tetamu yang datang dan sebagainya. Antara perkara yang menarik yang dapat dilihat diamalkan oleh kanak-kanak yang belajar di pusat pendidikan Z ialah mereka masuk ke tandas dengan tertib. Kanak-kanak dididik secara individu oleh guru dengan gigih pada awal sesi persekolahan, agar mengamalkan baca doa sebelum memasuki tandas, memakai selipar, memasuki tandas dengan kaki kiri, membuang air dengan cara duduk, dan beristinja' dengan betul. Ini dapat dilihat apabila memasuki tandas yang mereka gunakan, tandas tersebut tidak kotor dan tidak berbau hancing.

Kelemahan di pusat pendidikan Y dari aspek akhlak ketara kerana guru tidak berjaya mendidik murid berpenampilan kemas sebagaimana yang berjaya dilakukan oleh guru-guru di pusat pendidikan W dan Z. Murid-murid di pusat pendidikan Y agak selekeh di mana ada pelajar yang berpakaian kotor, memakai tudung tidak kemas dan badan berbau. Adab ketika belajar dan bermain juga didapati kurang. Pada pemerhatian pengkaji, hal ini mungkin kerana kurang penekanan guru dalam aspek tersebut di damping ruangan yang terhad bagi menampung keperluan pelajar yang ramai dan kurang kemudahan permainan. Pelajar tidak mempunyai kawasan yang luas untuk bergerak bebas. Fitrah kanak-kanak yang suka bergerak bebas dan bermain tidak dapat disekat. Mereka melakukan apa sahaja bagi memenuhi keinginan mereka. Memanjat meja, duduk di atas meja, kurang memberi perhatian kepada guru yang mengajar dan bermain di dalam kelas menjadi perkara biasa di pusat pendidikan Y. Para guru tidak mampu

mengawal situasi tersebut mungkin kerana meraikan fitrah kanak-kanak dan memahami keadaan ruang dan kemudahan yang terhad.

Perkara tersebut berbeza keadaannya di pusat pendidikan X. Guru boleh dikatakan gagal membentuk akhlak pelajar dan menarik minat pelajar untuk belajar bersama-sama rakan lain. Perkara ini dapat diperhatikan dengan tindakan guru yang membiarkan pelajar yang tidak menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran bermain atau duduk bersendirian di suatu sudut di dalam kelas tanpa mengambil sebarang inisiatif terhadap perlakuan mereka.

4.1.3 Fizikal



Carta 5 : Aspek Fizikal


Pendidikan fizikal lebih ditekankan di pusat pendidikan Z berbanding pusat-pusat pendidikan yang lain merujuk kepada aspek kebersihan. Guru mendidik murid-murid mengemaskan pakaian, menyikat rambut, membasuh tangan dan menjaga penampilan diri selepas bermain. Murid-murid hendaklah memakai selipar setiap kali memasuki tandas. Murid-murid juga dikehendaki memberus gigi selepas makan pada waktu rehat. Berus gigi dan cangkir, selipar tandas, dan tuala lap tangan disediakan bagi setiap murid bagi memudahkan mereka menjaga kebersihan. Perkara ini tidak terdapat di pusat-pusat pendidikan yang lain.

Manakala dari sudut pergerakan fizikal yang melatih perkembangan motor kasar dan halus, setiap pusat pendidikan pra sekolah di Bandar Triang tidak mengabaikan perkara tersebut dalam merealisasikan pendidikan yang seimbang. Walaupun dengan cara dan kaedah yang berbeza, setiap pusat pendidikan tidak mengabaikan senaman ringkas, acara sukan, penulisan bagi melatih otot tangan dan pelbagai usaha bagi memastikan pergerakan fizikal para pelajar dapat berkembang dengan baik.

4.1.4 Intelektual

Aspek intelektual merangkumi pelbagai potensi mental dalam pendidikan mahupun usaha menjalani kehidupan. Ada guru yang melihat perkembangan intelektual melalui kemampuan pelajar menulis, menghafaz, menakkul pelajaran yang diajar dan mengira. Ada juga guru yang melihat potensi intelek para pelajar melalui kreativiti dan kebolehan pelajar menterjemahkan pelajaran dalam aktiviti seharian. Kerana kepelbagaiannya ini, pelajar yang mendapat didikan di keempat-empat buah pusat pendidikan yang dikaji menunjukkan prestasi yang berbeza. Jika dilihat dari sudut perlaksanaan pendidikan,

ternyata kelebihan guru di pusat pendidikan Z adalah beliau berjaya menekankan segala potensi perkembangan intelek pelajar sama ada dari sudut kebolehan membaca, menulis, mengira maupun daru sudut perkembangan kreativiti para pelajar.



Carta 6 : Aspek Intelektual


Guru di pusat pendidikan Z memperkembangkan potensi intelek para pelajar melalui pelbagai cara. Kemahiran bahasa adakalanya diselitkan dalam nyanyian, gambarajah dan sebagainya. Ketika mempelajari tentang bahasa, guru juga menyelitkan kemahiran sains dan matematik. Guru memperlihatkan kesungguhan usaha dalam memastikan pelajar dapat menanggapi sesuatu pelajaran. Guru akan mengulangi sesuatu pelajaran sehingga pelajar dapat menguasai pelajaran tersebut. Contohnya, guru menggunakan pantun ‘Buah Cempedak di Luar Pagar’ untuk mengajar tentang Sains dari aspek fizikal buah, pelajaran matematik tentang bilangan buah, bacaan dan pantun dari

sudut bahasa dan lukisan situasi pantun bagi meningkatkan kreativiti. Pantun ‘Buah Cempedak di Luar Pagar’ digunakan sepanjang minggu hingga pelajar benar-benar dapat membaca dengan lancar, mengira dan mengambil pengajaran daripada pantun tersebut.


Di samping itu, keistimewaan di pusat pendidikan Z berbanding pusat pendidikan awal kanak-kanak yang lain di sekitar Bandar Triang ialah program bacaan yang dilakukan selepas waktu sekolah. Murid yang tidak mahir membaca akan dibimbing oleh guru. Manakala murid yang telah pandai membaca dikehendaki membaca sendiri buku yang disediakan dan mencatat isi-isi penting yang dibaca.

4.1.5 Emosi dan Sosial

Emosi dan sosial saling berkait antara satu sama lain. Emosi yang stabil akan menghasilkan hubungan sosial yang harmoni. Dalam mendidik pelajar menjalankan hubungan sosial yang baik, guru tidak dapat tidak terlebih dahulu perlu mendidik emosi para pelajar agar dapat dikawal dengan baik.



Carta 7 : Aspek Emosi



Carta 8 : Aspek Sosial

Kelebihan di pusat pendidikan Z ialah guru bijak meningkatkan keyakinan pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Guru melatih pelajar agar sentiasa berusaha dan tidak merendah-rendahkan kemampuan pelajar. Justeru, pelajar yang terhasil adalah pelajar yang tidak akan mengeluarkan perkataan ‘tidak’ dalam usaha mereka mencapai kejayaan dalam sesuatu kerja atau tindakan. Contohnya apabila guru meminta pelajar melukis, dengan penuh keyakinan setiap pelajar melukis tanpa perkataan ‘tidak pandai’.

Guru melantik ketua dari kalangan murid yang berbeza bagi setiap proses pembelajaran seperti ketua kumpulan belajar, mengetuai bacaan doa, ketua pasukan sukan dan sebagainya. Cara ini dilakukan bagi menambah keyakinan kanak-kanak dan meningkatkan sifat tanggungjawab dalam diri kanak-kanak sekaligus memberi impak yang positif dalam pergaulan harian kanak-kanak. Guru juga menerapkan sifat sayang


menyayangi antara satu sama lain dengan sikap suka bantu membantu sesama rakan sama ada ketika waktu belajar atau di luar waktu belajar.

Manakala di pusat pendidikan X, guru didapati kurang berjaya mendidik pelajar mengawal emosi diri seperti sedih dan kecawa. Guru membiarkan kanak-kanak melakukan sesuatu perkara mengikut kehendak diri masing-masing tidak kira sama ada ketika belajar atau aktiviti lain. Hal ini menyebabkan ada pelajar yang tidak pandai menjalani aktiviti sosial dengan baik. Terdapat pelajar yang menyendiri dan melakukan perkara mengikut keinginan diri.

4.2 Perbezaan Kaedah-kaedah Pendidikan

Manakala dari sudut kaedah pengajaran, guru mempunyai kreativiti dan keupayaan tersendiri. Mereka juga menggunakan kaedah pengajaran berlandaskan al-Qur'an sama ada guru menyedarinya atau tidak. Carta di bawah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kaedah-kaedah pendidikan yang digunakan oleh para guru di pusat pendidikan awal kanak-kanak terlibat.


PERBEZAAN ANTARA PUSAT PENDIDIKAN PRA SEKOLAH DARIPADA SUDUT KAEDAH PENDIDIKAN



Carta 9 : Kaedah-kaedah Pendidikan

Perbezaan kaedah pendidikan dapat dilihat dengan lebih terperinci dengan paparan carta-carta di bawah.

4.2.1 Contoh Tauladan




Carta 10 : Kaedah Contoh Tauladan

Guru-guru di pusat pendidikan Y didapati memiliki kelebihan dari sudut contoh tauladan yang baik dalam aspek syariah Islam. Guru-guru memakai pakaian yang menutup aurat dan berusaha menunjukkan contoh yang baik seperti mengeluarkan perkataan yang lemah lembut, berzikir, menunjukkan cara menunaikan solat dan sebagainya. Guru juga sentiasa mengingatkan para pelajar agar mencontohi perlakuan baik rakan-rakan dan ibu bapa di rumah serta menunaikan solat mengikut pergerakan

yang dilakukan oleh ibu bapa. Usaha-usaha ini juga turut dilaksanakan oleh guru di pusat pendidikan Z.

Manakala di pusat pendidikan X guru kurang berjaya menjadi contoh yang baik kerana beberapa sikap seperti menjerit dan memukul rotan di meja pada masa dan tempat yang tidak sesuai. Di pusat pendidikan W, guru tidak memakai pakaian yang menutup aurat dengan sempurna. Kedua-dua guru kurang memberi contoh kepada pelajar dalam aspek menunaikan ibadah seperti ibadah solat dan zikir harian. Guru hanya meminta kanak-kanak mencontohi pergerakan ibu bapa ketika solat tanpa memberi tunjuk ajar yang lebih mendalam tentang cara menunaikan solat dengan betul dan tertib.

4.2.2 Penceritaan




Carta 11 : Kaedah Penceritaan

Pusat pendidikan Y dilihat lebih menyerlah dalam aspek penceritaan kerana guru-guru memiliki pengetahuan tentang kisah-kisah dari al-Qur'an dan kisah para nabi dan sahabat yang sering diceritakan kepada kanak-kanak apabila sesuai dengan pelajaran yang disampaikan tanpa mengira apa jua matapelajaran yang sedang diajar. Malah kanak-kanak memang didedahkan dengan sirah junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dalam matapelajaran Pendidikan Sosial dan Pembangunan Insan. Guru di pusat pendidikan Z ada menyelitkan kisah-kisah dari al-Qur'an dan kisah nabi, juga kisah tauladan yang lain secara tidak langsung di samping menyediakan bahan bacaan untuk kanak-kanak.

Guru di pusat pendidikan X juga turut menceritakan kisah tauladan kepada kanak-kanak tetapi kurang mengetengahkan tentang kisah-kisah para nabi dan sahabat. Di pusat pendidikan W, gurunya jarang menggunakan kaedah penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru hanya menyediakan buku cerita sebagai bahan bacaan tambahan kepada para pelajar.

4.2.3 Balasan Baik dan Buruk




Carta 12 : Kaedah Balasan Baik dan Buruk

Guru-guru di pusat pendidikan Y dan Z menggunakan kaedah pembalasan baik dan buruk bersesuaian dengan tempatnya. Pelajar yang berjaya dihadiahkan dengan pujian dan barangang yang bersesuaian. Manakala pelajar yang tidak berjaya dibimbing untuk terus berusaha. Pelajar yang nakal atau berkelakuan yang tidak elok akan didenda dan diberi pengajaran dengan cara berhikmah. Kelebihan dikedua-dua pusat pendidikan awal kanak-kanak ini ialah guru-guru mengaitkan pembalasan baik dan buruk dengan balasan Allah kepada manusia. Orang yang melakukan kebaikan akan ditempatkan di syurga dan yang melakukan kejahanatan akan ditempatkan di neraka.

Kekurangan guru di pusat pendidikan X ialah beliau tidak berjaya menggunakan kaedah balasan buruk dengan sebaik-baiknya. Guru hanya menegur pelajar yang berkelakuan tidak elok tanpa sebarang hukuman atau pengajaran yang bersesuaian dan membiarkannya sekiranya dia tidak mendengar teguran guru dan terus berkelakuan sedemikian. Guru juga didapati menggunakan rotan pada tempat yang tidak sesuai sehingga para pelajar tidak berasa gerun dan terkesan dengan penggunaan rotan.

4.2.4 Pebandingan dan Perumpamaan




Carta 13 : Kaedah Perumpamaan dan Perbandingan

Kanak-kanak di pusat pendidikan Y sentiasa didedahkan dengan perbandingan dan perumpamaan perbuatan mereka dengan alam sekitar seperti pokok, matahari dan lain-lain, dan juga kehidupan di sekeliling mereka seperti pencuri, keretapi dan

sebagainya, bagi membentuk akhlak yang lebih mulia. Guru juga ada membuat perbandingan dengan perkara-perkara ghaib yang wajib dipercayai seperti neraka dan syurga. Manakala hasil kerja kanak-kanak di pusat pendidikan X sentiasa dibanding-bandikan antara satu sama lain beserta dengan ganjaran dan motivasi agar pelajar berusaha mempertingkatkan usaha mereka. Guru juga membandingkan akhlak-akhlak mulia yang terdapat dalam rancangan televisyen dan watak-watak di dalam buku cerita agar kanak-kanak turut berakhhlak mulia.

Manakala Guru di pusat pendidikan Z membuat perbandingan antara kanak-kanak apabila perlu agar kanak-kanak mencontohi rakan yang membuat kerja dan tugasa dengan lebih baik. Di pusat pendidikan W, guru jarang menggunakan kaedah perbandingan dan perumpamaan. Sekiranya ada, ia bertujuan untuk meningkatkan daya usaha para pelajar.

4.2.5 Berperingkat



Carta 13 : Kaedah Secara Berperingkat

Setiap pusat pendidikan sudah semestinya melaksanakan kaedah pendidikan yang berperingkat meliputi nasihat, pengawasan dan teguran, sesuai dengan kognitif dan penerimaan para pelajar. Kekurangan di pusat pendidikan X ialah guru kurang berjaya mengaplikasikan kaedah ini kepada semua pelajarnya. Terdapat pelajar yang tidak menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik tetapi guru tidak berjaya menarik perhatian pelajar tersebut untuk sama-sama menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan kebolehan mereka.

4.3 Kesimpulan

Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak (pra sekolah) yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dalam aspek pendidikan sekiranya dibandingkan dengan aspek pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an. Kekurangan tersebut jelas kelihatan pada aspek aqidah, ibadah dan akhlak yang hanya diberi penekanan dalam satu matapelajaran iaitu Pendidikan Islam. Namun demikian, kreativiti dan ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru dapat mengubah pelaksanaan tersebut kurikulum dengan memasukkan aspek ibadah dan ibadah secara tidak langsung dalam setiap mata pelajaran yang diajar seperti yang telah dilakukan oleh guru di pusat pendidikan Z.

Guru di setiap pusat pendidikan awal kanak-kanak memiliki pendekatan dan cara tersendiri dalam mendidik kanak-kanak menjadi manusia berguna. Walaupun dengan

cara yang berbeza, tanpa disedari guru-guru telah mengamalkan aspek-aspek dan kaedah-kaedah pendidikan yang telah digariskan oleh al-Qur'an walaupun sedikit.

Kajian ini membuktikan bahawa kurikulum bukanlah sesuatu yang mengongkong guru. Kekurangan pada kurikulum dapat ditampung dengan baik sekiranya guru bijak menggunakan kreativiti dan pengetahuan yang dimilikinya. Sebaliknya, guru yang tidak mampu menggunakan pengetahuan dan kreativiti yang dimilikinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran walaupun kurikulum yang diguna pakai di pusat pendidikan tersebut telah sempurna mengikut garis panduan yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-*Hadīth* tidak dapat memberi impak yang baik dalam pendidikan. Perkara ini menjadi bukti betapa penting kajian seperti ini dilakukan agar dapat memberi impak yang besar dalam memperbaiki kelemahan pendidikan pada hari ini sama ada dari sudut kurikulum mahupun kemahiran guru. Sekiranya masyarakat yang diinginkan ialah masyarakat yang beriman dan beramal soleh, maka kurikulum dan kemahiran guru-guru juga perlu berlandaskan al-Qur'an dan al-*Hadīth*.

BAB KELIMA

PENUTUP



BAB KELIMA

PENUTUP

RUMUSAN

Pendidikan awal memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan jati diri seorang manusia. Pendidikan awal di peringkat tadika merupakan tingkatan pendidikan formal yang pertama yang perlu dilalui oleh seorang kanak-kanak. Jika sebelum usia empat tahun kanak-kanak membesar sekitar keluarga dan jiran tetangga, apabila melangkah masuk ke tadika mereka terdedah dengan dunia yang lebih luas. Di sini mereka belajar bergaul, berinteraksi dengan guru, perbezaan suasana belajar dengan suasana bermain, pengetahuan-pengetahuan baru tentang dunia dan kehidupan dan sebagainya. Pengaruh di tadika membawa kepada pandangan baru mereka tentang kehidupan, yang menjadi asas kepada kehidupan akan datang di peringkat sekolah rendah dan peringkat kehidupan yang lebih tinggi. Justeru, pendidikan di tadika perlu dititikberatkan dan dibentuk dengan betul agar kanak-kanak dapat membuat kesimpulan atau membina asas yang betul tentang kehidupan mereka.

Setelah membuat kajian yang lebih mendalam berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an secara umum dan pelaksanaan secara khusus di empat pusat pendidikan penting di Bandar Triang, beberapa rumusan telah dibuat iaitu merangkumi perkara-perkara berikut :

Pertama : Ayat-ayat al-Qur'an itu sendiri merupakan pendidik manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari di dunia ini. Di samping itu cara ayat-ayat al-Qur'an tersebut dibentangkan seperti nasihat, galakan, ancaman, penceritaan dan sebagainya boleh menjadi panduan dalam mendidik umat Islam khasnya dan manusia umumnya dari satu generasi hingga generasi seterusnya hingga ke hari akhirat.

Kedua : Pengkaji mendapati guru di pusat-pusat pendidikan pra sekolah di sekitar bandar Triang tidak memahami maksud pendidikan menurut al-Qur'an. Kesemua mereka berpendapat pendidikan menurut al-Qur'an adalah kelas mengaji al-Qur'an yang perlu diikuti sejak usia kanak-kanak. Guru-guru tidak memahami dan tidak menyedari bahawa ada di antara kaedah dan isi pelajaran yang mereka jalankan sepanjang menjadi pendidik merupakan sebahagian daripada asas yang telah digariskan oleh al-Qur'an. Terdapat juga seorang guru yang mengajar hanya kerana tuntutan keperluan kewangan keluarga dan bukan kerana minat dan keinginan untuk mendidik kanak-kanak. Kurangnya kefahaman dan penghayatan guru tentang pendidikan berteraskan al-Qur'an dan al-sunnah mungkin menjadi salah satu faktor pendidikan kurang berkat yang menyumbang kepada kurangnya keberkesanan pendidikan pada masa kini.

Ketiga : Setiap tadika, malah guru mempunyai pendekatan dan cara yang berbeza dalam menangani pelajar-pelajar mereka walaupun kanak-kanak tersebut berada dalam lingkungan usia yang sama. Cara guru tersebut mungkin dipengaruhi oleh personaliti diri, pengalaman hidup, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.

Keempat : Guru memainkan peranan yang amat penting dalam memanipulasikan dan melaksanakan kurikulum yang sedia ada. Walaupun kurikulum yang telah diatur dan

disusun oleh pihak atasan (sama ada Kementerian Pelajaran atau badan-badan yang bertanggungjawab dalam organisasi pendidikan tersebut) disusun dengan amat baik dan sempurna, tanpa kebijaksanaan dan kreativiti guru, kurikulum tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Begitu juga sekiranya sesuatu kurikulum itu kurang sesuai dan tidak sempurna, kebijaksanaan guru boleh menjadikan sesuatu kurikulum itu menjadi lebih baik. Kurikulum bukanlah satu peraturan tetap melainkan hanya sebagai satu garis panduan. Hal ini dapat dilihat daripada hasil pemerhatian di TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, TABIKA KEMAS Bandar Triang dan Pra Sekolah SK Sri Buntar. Walaupun ketiga-tiga pusat pendidikan awal kanak-kanak tersebut menggunakan kurikulum yang sama, namun pelaksanaan dan kreativiti serta pendekatan yang berbeza daripada guru-guru di pusat pendidikan tersebut membuatkan kurikulum yang sedia ada diolah dengan menggunakan pendekatan yang tersendiri dan memberi kesan yang berbeza kepada pelajar masing-masing.

Dari sudut yang berbeza, PASTI al-Insan menggunakan kurikulum tersendiri yang digubal oleh Jawatankuasa PASTI dengan matlamat dan objektif yang tersendiri. Kurikulum yang telah digubal boleh dikatakan sempurna berdasarkan aspek-aspek pendidikan menurut al-Qur'an. Namun, cara pelaksanannya bergantung kepada guru yang mengajar sama ada mengikut kaedah-kaedah yang telah digariskan di dalam al-Qur'an dan hadis atau tidak menggunakan kaedah-kaedah tersebut.

Justeru, peranan guru dalam menjadikan sesuatu kurikulum itu menjadi lebih baik amat besar dan penting. Kerana itu, di dalam al-Qur'an telah digariskan kurikulum atau aspek-aspek pendidikan yang sepatutnya dipraktikkan oleh umat Islam khasnya dan juga

kaedah-kaedah yang berkesan untuk diaplikasikan dalam mendidik manusia. Allah tidak mengelirukan manusia dengan hanya memberi panduan dari aspek pendidikan, malah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dengan memberi panduan kaedah-kaedah yang boleh diguna pakai dalam menjalani kehidupan sehari-hari mengikut kesesuaian.

Namun demikian, dapatan ini mungkin tidak sesuai digunakan di kawasan bandar besar seperti ibu negri kerana pusat pendidikan awal kanak-kanak yang terdapat di sana lebih banyak dan terdapat pelbagai pilihan kurikulum, kaedah pengajaran dan pelbagai kemudahan yang canggih serta. Selain itu, mungkin terdapat guru tadika yang berpendidikan tinggi yang memahami dan menghayati pendidikan berteraskan al-Qur'an. Di samping itu, keadaan di pusat pendidikan awal kanak-kanak mungkin tidak memberi impak dan kesan yang besar kepada kanak-kanak kerana mereka lebih terdedah dengan dunia luar melalui latar belakang keluarga, pergaulan dengan masyarakat setempat, media massa seperti internet dan televisyen swasta, dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, guru tetap berperanan besar dalam membentuk corak pemikiran kanak-kanak melalui pengajaran dan pembelajaran yang betul menurut al-Qur'an dan al-sunnah. Guru perlu memperbetulkan pemikiran atau pandangan kanak-kanak sekiranya mereka mendapat dan mempelajari perkara yang tidak betul dan salah daripada dunia luar. Sejauh mana kanak-kanak tersebut menerima teguran, didikan dan nasihat guru, itu adalah persoalan lain yang perlu dikaji. Yang penting, guru mesti menjalankan peranan yang sepatutnya dalam mendidik kanak-kanak.

SARANAN

Setelah menjalankan kajian yang ringkas ini, pengkaji menyarankan beberapa perkara yang difikirkan relevan dilakukan bagi memastikan wujudnya kesinambungan pendidikan awal kanak-kanak dengan pendidikan yang telah digariskan oleh al-Qur'an bagi memastikan generasi akan datang berupaya menjadi generasi yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelektual sebagaimana yang telah tertulis dalam falsafah pendidikan negara.

1. Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan oleh para ilmuan dan ahli akademik untuk mewujudkan satu kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang menepati asas-asas pendidikan yang telah digariskan oleh al-Qur'an mahupun al-Hadith.
2. Para guru di pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak perlu sentiasa menimba ilmu dan membuat kajian tentang pendidikan awal kanak-kanak serta mempraktikkan ilmu yang diperolehi untuk mendidik kanak-kanak bukan hanya pandai membaca, mengira dan menulis, tetapi juga memiliki sahsiah diri yang tinggi.
3. Kursus perguruan yang dijalani oleh para guru pendidikan awal kanak-kanak perlu menekankan aspek keperibadian guru dan cara mengajar menurut al-Qur'an dan al-Hadith. Walaupun terdapat pelbagai kursus pendidikan awal kanak-kanak, namun ia lebih banyak tertumpu kepada kaedah barat dan teknik-teknik mudah mengajar tanpa menyedarkan guru bahawa segala ilmu itu perlu dikatkan dengan landasan aqidah dan peribadi yang kukuh.

4. Manakala guru yang telah mengikuti kursus pendidikan awal kanak-kanak perlu mengamalkan ilmu yang diperolehi dan bukan hanya menyimpan fail kursus tanpa menggunakan ilmu tersebut.
5. Pengintegrasian ilmu perlu dilakukan sejak awal pendidikan dengan menyelitkan unsur aqidah dalam apa jua subjek yang diajar.
6. Sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak yang melaksanakan kurikulum yang memberi penekanan yang seimbang terhadap pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah perlu didirikan di Bandar Triang, Pahang. Usaha ini perlu supaya ibu bapa mempunyai pilihan yang pelbagai bagi menghantar anak-anak mereka memasuki alam pendidikan awal dan pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak di Bandar Triang lebih berdaya saing untuk memperbaiki sistem pendidikan masing-masing.
7. Masyarakat perlu mengubah persepsi terhadap peranan guru pendidikan awal kanak-kanak. Individu yang ingin menjadi guru tadika bukan menjadikan tugas tersebut sebagai melepaskan diri daripada kemelut kewangan semata-mata atau menghilangkan kebosanan, tetapi perlu melihat tugas mendidik kanak-kanak sebagai satu amanah yang amat besar dan memahami amanah tersebut dengan sebaik-baiknya. Mendidik kanak-kanak tidak boleh dilihat sebagai tugas yang remeh dan mudah.
8. Denda dan hukuman dalam aspek pendidikan yang dikatakan semakin tidak bersesuaian dengan keadaan atau situasi masa kini merupakan persepsi yang salah. Kaedah hukuman merupakan salah satu kaedah pendidikan yang telah digariskan oleh Islam dan pastinya mempunyai implikasi yang besar dalam proses pendidikan.

Realitinya hari ini guru-guru langsung tidak dibenarkan mendenda atau menghukum pelajar sekiranya mereka melakukan kesilapan yang perlu dihukum. Akibatnya dapat dilihat pelajar kini semakin sukar dididik.

KESIMPULAN

Pendidikan awal kanak-kanak bukan hanya bergantung kepada kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak atasan dalam sesebuah pusat pendidikan, tetapi banyak bergantung kepada keberkesanan seorang guru mendidik kanak-kanak. Kurikulum yang baik dan berteraskan al-Qur'an tidak menjamin penyampaian pengajaran yang berdasarkan al-Qur'an seandainya guru gagal menyediakan diri mereka dengan ilmu dan cara hidup yang berteraskan al-Qur'an.

Ketika diperingkat sekolah rendah mahupun menengah, pelajar terdedah dengan pelbagai sikap dan personaliti guru. Guru yang mengajar pelbagai matapelajaran sentiasa bertukar mengikut matapelajaran yang menjadi pengkhususan seseorang guru. Oleh itu pelajar boleh membuat penialain dan memilih guru yang sepatutnya mereka jadikan contoh dan model. Mereka mempunyai pelbagai pilihan. Sedangkan diperingkat pendidikan awal kanak-kanak, kanak-kanak hanya diajar oleh seorang guru meliputi pelbagai mata pelajaran. Kanak-kanak melihat tingkah laku, menerima pengajaran dan bergaul dengan seorang guru sahaja dari mula waktu sekolah hingga waktu pulang. Penumpuan kepada seorang guru sahaja menyebabkan kanak-kanak menjadikan guru mereka sebagai model. Baik guru, maka baik jugalah kanak-kanak. Justeru, personaliti guru merupakan perkara yang paling utama di peringkat pendidikan awal kanak-kanak di samping kurikulum pelajaran yang diajar.

Islam sebagai satu cara hidup meliputi pelbagai aspek kehidupan. Pendidikan dalam al-Qur'an merupakan satu proses yang menyeluruh dan seimbang dan meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Oleh hal yang demikian, pendidikan menurut al-Qur'an tidak terpisah antara peribadi dan ilmu, teori dan amali, begitu juga tiada pemisahan antara pendidikan dan kehidupan sehari-hari. Pendidikan meliputi kehidupan sehari-hari bagi membentuk tingkah laku yang baik dan bukan sekadar pemindahan maklumat dan ilmu pengetahuan semata-mata. Justeru, guru bukan hanya berperanan mengajar kanak-kanak membaca, mengira dan menulis. Guru juga menjadi contoh dan pendorong kepada pembentukan peribadi kanak-kanak. Bagi melaksanakan pendidikan berdasarkan al-Qur'an, guru sendiri perlu mempraktikkan Islam sebagai cara hidup sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an agar proses pendidikan yang dilaksanakan berjalan seiring dengan asas-asas yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an. Guru tidak sepertutnya hanya terikat dengan silibus yang telah ditetapkan oleh kementerian. Silibus tersebut perlu diadaptasikan oleh para guru mengikut kreativiti masing-masing sesuai dengan asas-asas pendidikan menurut al-Qur'an.

Sekiranya dilihat sari sudut falsafah pendidikan di Malaysia, keseimbangan pendidikan meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual telah digariskan. Ia menjadi cabaran besar kepada para guru bagaimana untuk mengimplementasikan falsafah pendidikan yang telah digariskan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mereka jalankan. Kesimpulannya, tugas guru amat berat dan perlu memiliki ilmu yang berkaitan agar proses pendidikan yang dilaksanakan bakal melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

RUJUKAN



RUJUKAN

Rujukan Asas

Al-Qur'an al-Karim

Bahasa Arab

‘A’id ‘Abd Allah al-Qarnī (2000), *Fa’lam Annahu Lā Ilāha Illā Allāh*, Beirut : Dar Ibn Hazam

‘Abd Allah bin Ahmad al-Nasafi (tt), *Tafsir al-Nasafi*, Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah

‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (1966), *al-Jami‘ Li Ahkam al-Qur’an*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy

‘Abd Allah Nāṣih ‘Ulwān (1994), cet. 25, *Tarbiyah al-Awlād fī al-Islām*, Dar al-Salām li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘

‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (tt), *Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi : Beirut, Lubnan

‘Abd al-Rahman al-Nihlawi, *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Asalibuhā fī al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama‘*

A.J.Wensick (1992), *al-Mu'jām al-Mufahras li al-Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*, New york : E.J.Brill

Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (2003), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Fikr

Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah

Abī ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (2002), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Kaherah : Dār al-Ḥadīth

Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr (1990), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, Maktabah al-Manar li Nashr wa al-Tawzī‘

Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1998), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah

Abī Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud al-Baghawi (tt), *Ma‘alim al-Tanzil*, Riyad : Dar Tayyibah

Abū al-Layth al-Samarqandī (1993), *Tafsīr al-Samarqandī al-Musamma Bahr al-‘Ulūm*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah

Abū al-Su‘ūd al-‘Imādī (1994), *Tafsīr Abī al-Su‘ūd*, Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi

Abū Dawud Sulaimān ibn Ash‘ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī Daud*, Beirut : Dar Ibn Hazam

Abū Ḥayyān al-Andalūṣī (1993), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah

Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*

Aḥmad Fu’ād al-Ahwānī (t.t), Dr., *Al-Tarbiyah fī al-Islām*, Kaherah : Dār Ḥayā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah

Aḥmad Khalīl Jam‘ah (2001), *al-Ṭifl fī Daw’i al-Qur’ān wa al-Sunnah wa al-Adāb*, Beirūt : al-Yamāmah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr

Aḥmad Muṣṭafa al-Marāghī (1996), *Tafsīr al-Marāghī*, Lubnan : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah

Al-Bayḍāwī (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*

Al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Dar Iḥyā’ al-Turaṭh al-‘Arabi

Anwār al-Jundi (1977), *Min Tufālah al-Bashariyah IIā Rashd al-Insāniyah*, Dar al-‘Ulum li al-Tiba ‘ah

Fathī Yakan (1982), *Mā Dhā Ya‘nī Intimā’i li al-Islām*, Beirut : Mu’assasah al-Risālah

Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Jāmi’ al-Bayan ‘An Ta’wil Āyi al-Qur’ān*, Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi

Ibn Jarir al-Ṭabarī (1995), *Jami‘ al-Bayan ‘An Ta’wil Ayi al-Qur'an*, Beirut : Dar al-Fikr

Ibn Taymiyah, *al-‘Ubdīyah*

Ibrāhīm Muṣṭafa, et.al. (1989), *al-Mu‘jam a al-Wāṣiṭ*, Istanbul : Dār al-Da’wah

Ismā‘il al-Burusawī (1330 H), *Ruh al-Bayan*, Maṭba’ah ‘Uthmāniyah

Jalāl al-Dīn al-Suyuṭī (1954), *Tafsīr al-Jalālayn li al-Qur’ān al-‘Azīz*, Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi

Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr (1968), *Lisān al-‘Arab*, Beirut : Maktabah Saqir

Muhammad b. Ismā‘il Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dar al-Fikr

Muhammad bin ‘Alī bin Muhammad al-Shawkānī (1994), *Fatḥ al-Qadīr*, al-Manṣūrah : Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī’

Muhammad bin ‘Alī bin Muhammad al-Shawkānī (1995), *Fatḥ al-Qadīr*, Beirut : Dār al-Ma’rifah

Muhammad Nūr bin ‘Abd al-Hafīẓ Suwayd (2000), *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah li al-Ṭifl*, Beirut : Dar Ibn Kathir

Muhammad Rashīd Riḍā (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-Ḥakīm al-Masyhūr bi Tafsīr al-Manār*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah

Muhammad Sa‘id al-Lahhām (2002), *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīn*, Beirut : Dār al-Ma’rifah

Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyairī (1987), *Sahīh Muslim*, Beirut : Muassasah ‘Izzu al-Dīn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr

Sa‘īd al-Khūrī al-Syartunī al-Lubnānī, *Aqrāb al-Mawārid fī Fuṣḥa al-‘Arabiyyah wa Syawārid*, Beirut : Maṭba‘ah Mursalī al-Yasu‘iyah

Sayyid Quṭb (1973), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Shurūq

Wahbah al-Zuhailī (1991), *Tafsīr al-Munīr*, Beirut : Dār al-Fikr al-Mu‘āşir

Wahbah al-Zuhailī (1998), *Tafsir al-Munir*, Damsyiq : Dar al-Fikr

Wahbah al-Zuhailī, Dr. (1997), *al-Fiqh al-Islāmiyah wa Adillatuh*, Damsyiq : Dār al-Fikr

Bahasa Melayu

_____ (2005), ed. 4, *Kamus Dewan* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdul Halim El-Muhammadi (1991), *Pendidikan Islam ; Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, Selangor : Dewan Pustaka Islam

Abdul Rashid Ahmad (2003), *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Salam Yussof (2003), *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdullah Nasih Ulwan (1989), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd

Abdurrahman an-Nahlawi (1995), *Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*, Jakarta : Gema Insani Press

Aishah Hassan (1988), *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam

Asmah binti Ansar (2006), *Peranan Taska dan Tadika Dalam Pembentukan peribadi Kanak-kanak Islam : Suatu Kajian di Kuala Kangsar, Perak*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya

Azizah Lebai Nordin (2004), *Pendidikan Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya

Biro Hal Ehwal Wanita (ABIM) (1989), Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak, *Pendidikan Pra Sekolah Menurut Kaca mata Islam*, Pulau Pinang

Ee Ah Meng (1993), *Pedagogi : Satu Pendekatan Bersepadu*, Ed. 2, Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti

Fathi Yakan (1997), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam

Hanafi Mohamed, Drs. (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Qur'an*, Selangor : Pustaka Ilmi

Haron Din, Dr. (1997), *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Hassan Langgulung (1983), Simposium Falsafah Islam, *Dari Falsafah ke Teori Pendidikan : Sudut Pandangan Islam*, Bangi

Hussin bin Unang (1994), *Kāmus al-Tullāb*, Kuala Lumpur : Darul Fikir

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-JKIP

Kartini Kartono (1976), *Pengantar Metodologi Research Sosial*, Bandung : Penerbit Alumni

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Huraian Kurikulum Pra Sekolah Kebangsaan*, Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia

Koentjaraningrat *et.al.* (1977), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Penerbitan PT Gramedia

Lotfiah Hj. Zainol Abidin (1995), *Sistem Pendidikan Pra Sekolah : Satu Kajian Perbandingan Antara Pendidikan Islam dan Pendidikan Sekular, Kajian Di Daerah Gombak*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Mohd Fadzilah Kamsah & Rahmat Ismail (1996), *Kecemerlangan Mendidik Anak*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Noor Idris (1996), *Sistem Ibadah Dari Perspektif Syariah Nabi Muhammad*, Kota Bharu : Jawatankuasa Kemajuan Masjid Nuril-Islah

Mohd. Nazri Mukhtar @ Awang (1998), *Falsafah Pendidikan Pra Sekolah Menurut Islam : Kajian Terhadap Surah Luqman Ayat 12 - 19*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Mohd. Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya

Mok Soon Sang (2004), *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Sekolah Rendah)*, Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Muhammad Quṭb (1984), Terj : Drs. Salman Harun, *Sistem Pendidikan Islam*, Bandung : PT Alma'arif

Nabiroh bt Kassim (2006), *Kisah Nabi Musa dan Firaun di Dalam al-Qur'an : Aplikasinya di Dalam Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya

Naimah binti Abd Wahab (2007), ***Profil TABIKA KEMAS Bandar Triang***, Triang :

TABIKA KEMAS Bandar Triang

Nor Shahira Haji Hussain (2000), ***Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak : Perlaksanaannya di Nurseri***, Kuala Lumpur ; Akademi

Pengajian Islam Universiti Malaya

Norhasliza Yusoff (Mac 2007), ***5 Langkah Mudah Belajar***, Pa&Ma

Normadiah bt Abdullah (1998), ***Amalan Pengajaran Guru Pra Sekolah : Satu Kajian***

Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta, Kuala Lumpur :
Universiti Malaya

R. Muhammad Zaini (2005), ***Pendidikan Islam Menurut Perspektif al-Qur'an : Kajian***

Terhadap Surah al-'Alaq Ayat 1 – 5, Kuala Lumpur : Universiti Malaya

Robiatul Adawiah Ohn (2001), ***Pembangunan Insan Dalam Kurikulum Pendidikan***

Awal Kanak-kanak : Suatu Kajian di Pusat Asuhan Kanak-kanak Universiti
Islam Antarabangsa (IIUM EDUCARE), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian
Islam Universiti Malaya

Rozietta Shaary (Mei 2007), ***Asas Sebuah Keluarga Mukmin***, Pa&Ma

Samsul Nizar, Dr. (2001), ***Pengantar Dasar-dasar Pemikiran Pendidikan Islam***, Jakarta

: Penerbit Gaya Media Pratama

Sharifah Alwiah Alsagoff (1983), *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*, Kuala Lumpur : Heinemann Asia

SK Sri Buntar (2006), *Buku Panduan Persekolahan*, Triang : SK Sri Buntar

TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar (2007), *Ahli Jawatankuasa Cemerlang Tahun 2007*, Triang : TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, hlm. 12

TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar (2007), *Ceria, Cergas dan Cerdik*, Triang : TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar

Wahbah al-Zuhaily, Dr. (2001), *Tafsir al-Munir*, Kuala Lumpur : Persatuan ‘Ulama’ Malaysia

Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an (1990), *al-Qur'an dan Terjemahannya*, Madinah : Mujamma' Khadim al-Haramayn al-Sharifayn al-Malik Fahd li Tiba‘ah al-Mushaf al-Sharif

Yunahar Ilyas dan Muhammad Azhar (1999), *Pendidikan Dalam Perspektif al-Qur'an*, Yogyakarta : Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam

Zanariah Yahaya (1998), *Ibu Sejati : Kelahiran, Penjagaan & Pendidikan Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur : Darul Nu'man

Bahasa Inggeris

_____ (1995), *Oxford English Reference Dictionary*, New York : Oxford University Press

Adnan bin Abd. Rashid (1993) *A Study of Parents Expectations on Teacher's Requirements in Teaching at Islamic Pre Schools (TASKIs) in Federal Territory*, Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa

Asmaa' Mohd. Arshad (2000), *Ethical Dimension of Child Education of Abu Hamid al-Ghazali : An Early Example of Islamization of Contemporary Knowledge*, Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)

Evelyn Weber (t.t), *Early Childhood Education : Perspectives on Change*, Ohio : Charles A. Jones Publishing Company

Gerald S. Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*, USA : John Wisley & Sons

Irmadura Ramli (2004), *Children's Interpretations of Moral Values in Fairy Tales*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya

John Dewey (1963), *Democracy and Education*, New York : The Macmillan Company

Mastura Badzis (2003), *Teachers And Parents' Understanding of The Concept of Play in Child Development and Education*, University of Warwick

Reginald D. Archambault (1966), *Lectures in The Philosophy of Education By John Dewey*, New York : Random House

William Foddy (1993), *Constructing Questions For Interviews And Questionaires : Theory And Practice In Social Research*, Cambridge : Cambridge University Press.

Temubual

Rosnani binti Abdul Rahman, Guru TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar, Temubual Individu, 30 Julai 2007

Noor Huzaina Abdul Majid, Guru Pra Sekolah SK Sri Buntar, Temubual Individu, 19 Julai 2007

Naimah binti Abdul Wahab, Guru TABIKA KEMAS Bandar Triang, Temubual Individu, 13 Julai 2007

Laman Web

14 Julai 2006, <<http://www.uum.edu.my/fskp/files/pdf/iltizam3.pdf>>

14 Julai 2006, <<http://www.islamicity.com/Quransearch/>>

Al-Qur'an Digital, versi 2.1, <<http://www.alquran-digital.com/>>

15 Ogos 2008 <<http://pastiwp.wordpress.com/misi-visi/>>

PASTI : Pra Sekolah Pilihan, 15 Ogos 2008,

<<http://pastiwp.wordpress.com/2007/05/24/pasti-pra-sekolah-pilihan/>>

LAMPIRAN



27 Jun 2007

Hanifah binti Sazali
Rumah Guru Sri Buntar
28 300 Triang
Pahang Darul Makmur

Pengurus
Pra Sekolah SK Sri Buntar
PASTI al-Insan
TABIKA KEMAS Sri Buntar
TABIKA KEMAS Bandar Triang

Tuan / Puan

MAKLUMAN UNTUK MENGADAKAN TINJAUAN DAN PEMERHATIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya, Hanifah binti Sazali, nombor kad pengenalan 810914-11-5512, merupakan calon master bahagian pengajian Usuluddin di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kini, saya sedang menyiapkan kajian yang diperlukan bagi memenuhi keperluan pengijazahan.

Kajian yang sedang disiapkan bertajuk, Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an : Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, Pahang.

Justeru saya amat mengharapkan keizinan dan kerjasama dari pihak tuan / puan untuk saya mengadakan tinjauan dan pemerhatian di pusat pendidikan tuan / puan. Tinjauan tersebut akan dilaksanakan sepanjang bulan Julai 2007.

Bersama ini saya sertakan salinan surat akuan calon master dan kad matrik untuk rujukan pihak tuan / puan. Segala kerjasama dari pihak tuan / puan saya dahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

HANIFAH BINTI SAZALI
019-2718744

OBSERVASI BAHAGIAN 1 ASPEK-ASPEK PENDIDIKAN

Pusat Pendidikan :

Jumlah Guru :

Jumlah Pelajar :

Bil	Perkara	Markah Praktikal				
		1	2	3	4	5
1	Pendidikan Aqidah					
	Percaya kepada Allah	1	2	3	4	5
	Percaya kepada malaikat	1	2	3	4	5
	Percaya kepada kitab	1	2	3	4	5
	Percaya kepada rasul	1	2	3	4	5
	Percaya kepada hari akhirat	1	2	3	4	5
	Percaya kepada qada' qadar	1	2	3	4	5
2	Pendidikan Ibadah					
	Mengucap 2 kalimah syahadah	1	2	3	4	5
	Menunaikan solat 5 waktu	1	2	3	4	5
	Berpuasa di bulan Ramadhan	1	2	3	4	5
	Mengeluarkan zakat	1	2	3	4	5
	Menunaikan haji	1	2	3	4	5
	Membaca doa	1	2	3	4	5
	Membaca surah	1	2	3	4	5

Bil	Perkara	Markah Praktikal				
		1	2	3	4	5
3	Pendidikan akhlak	1	2	3	4	5
	Akhhlak berbicara	1	2	3	4	5
	Akhhlak makan & minum	1	2	3	4	5
	Akhhlak bergaul	1	2	3	4	5
	Akhhlak dengan ibu bapa	1	2	3	4	5
	Akhhlak ketika belajar	1	2	3	4	5
	Akhhlak ketika bermain	1	2	3	4	5
4	Pendidikan Fizikal	1	2	3	4	5
	Pakaian	1	2	3	4	5
	Kebersihan	1	2	3	4	5
	Sukan	1	2	3	4	5
	Pertahanan diri	1	2	3	4	5
	Aktiviti bebas	1	2	3	4	5
5	Pendidikan Intelektual	1	2	3	4	5
	Bahasa	1	2	3	4	5
	Matematik	1	2	3	4	5
	Sains	1	2	3	4	5
	Kreativiti	1	2	3	4	5
6	Pendidikan Emosi	1	2	3	4	5
	Negatif (marah, sakit, sedih)	1	2	3	4	5
	Positif (suka, sayang, hargai, sabar)	1	2	3	4	5

Bil	Perkara	Markah Praktikal				
		1	2	3	4	5
7	Pendidikan Sosial					
	Hubungan dengan guru	1	2	3	4	5
	Hubungan dengan rakan sebaya	1	2	3	4	5
	Hubungan dengan ibu bapa	1	2	3	4	5
	Hubungan dengan masyarakat	1	2	3	4	5
	Hubungan dengan alam sekitar	1	2	3	4	5
	Hubungan jantina	1	2	3	4	5

Petunjuk :

- | | | | | | |
|---|-------|---|------------|---|-----------|
| 1 | Tiada | 2 | Sedikit | 3 | Sederhana |
| 4 | Ada | 5 | Menyeluruh | | |

OBSERVASI BAHAGIAN 2

KAEDAH-KAEDAH PENDIDIKAN

Pusat Pendidikan :

Jumlah Guru :

Jumlah Pelajar :

Bil	Perkara	Markah Praktikal				
		1	2	3	4	5
1	Melalui Contoh Tauladan					
	Rasulullah sebagai contoh	1	2	3	4	5
	Guru sebagai contoh	1	2	3	4	5
	Rakan sebagai contoh	1	2	3	4	5
2	Melalui Penceritaan	1	2	3	4	5
	Cerita dari al-Qur'an	1	2	3	4	5
	Cerita para nabi dan rasul	1	2	3	4	5
	Cerita kanak-kanak	1	2	3	4	5
	Cerita pengalaman hidup	1	2	3	4	5
3	Melalui Pembalasan Baik & Buruk	1	2	3	4	5
	Pujian dan galakan	1	2	3	4	5
	Ganjaran	1	2	3	4	5
	Marah dan sindiran	1	2	3	4	5
	Hukuman	1	2	3	4	5
4	Perbandingan dan Perumpamaan	1	2	3	4	5

5	Beransur-ansur & Berperingkat	1	2	3	4	5
	Nasihat dan bimbingan	1	2	3	4	5
	Amalan dan praktikal	1	2	3	4	5
	Pemerhatian dan pengawasan	1	2	3	4	5

Petunjuk :

- | | | | | | |
|---|-------|---|------------|---|-----------|
| 1 | Tiada | 2 | Sedikit | 3 | Sederhana |
| 4 | Ada | 5 | Menyeluruh | | |

SOALAN-SOALAN TEMUBUAL

NAMA RESPONDAN :

JAWATAN :

TARIKH & HARI :

WAKTU :

- 1) Kronologi sejarah pendidikan pra sekolah di Bandar Triang.
- 2) Apakah kurikulum di pusat pendidikan pra sekolah?
- 3) Apakah jadual pengajaran dan pembelajaran?
- 4) Sejauhmanakah pengetahuan guru tentang pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an?
- 5) Adakah pendidikan aqidah diajar? Apakah intipatinya? Bagaimanakah ia dilaksanakan? (cth :- meliputi kepercayaan kepada Allah, Malaikat, Kitab, Nabi, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar)
- 6) Adakah pendidikan ibadah diajar? Apakah intipatinya? Bagaimanakah ia dilaksanakan? (cth :- meliputi mengucap dua kalimah syahadah, mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa, menunaikan haji, doa, bacaan @ hafazan surah)
- 7) Adakah pendidikan akhlak diajar? Apakah intipatinya? Bagaimanakah ia dilaksanakan?
- 8) Adakah pendidikan fizikal diajar? Apakah intipatinya? Bagaimanakah ia dilaksanakan? (cth :- meliputi perkembangan motor kasar dan motor halus, keselamatan dan kesihatan)

- 9) Adakah pendidikan intelektual diajar? Apakah intipatinya?
Bagaimanakah ia dilaksanakan? (cth :- meliputi bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, perkembangan kreativiti dan estetika)
- 10) Adakah pendidikan emosi diajar? Apakah intipatinya?
Bagaimanakah ia dilaksanakan?
- 11) Adakah pendidikan sosial diajar? Apakah intipatinya?
Bagaimanakah ia dilaksanakan? (cth :- meliputi hubungan antara jantina)
- 12) Sejauh manakah pendidikan melalui contoh tauladan dipraktikkan?
(cth :- mencontohi Rasulullah, ibu bapa, guru, rakan sebaya)
- 13) Sejauh manakah pendidikan melalui penceritaan dipraktikkan?
(cth:- cerita al-Qur'an, cerita para nabi, rasul & orang-orang soleh, cerita pengalaman hidup)
- 14) Sejauh manakah pendidikan melalui pembalasan baik dan buruk dipraktikkan? (cth :- galakan, dorongan, ganjaran, dan ancaman, hukuman)
- 15) Sejauh manakah pendidikan melalui sindiran dipraktikkan?
- 16) Sejauh manakah pendidikan melalui perbandingan dan perumpamaan dipraktikkan? (cth :- membandingkan dengan rakan sebaya)
- 17) Sejauh manakah pendidikan dengan cara nasihat dan bimbingan dipraktikkan?
- 18) Sejauh manakah pendidikan dengan cara amalan dan praktikal dipraktikkan?
- 19) Sejauh manakah pendidikan dengan cara pemerhatian dan pengawasan dipraktikkan?

10 Julai 2007

Hanifah binti Sazali
Rumah Guru Sri Buntar
28 300 Triang
Pahang Darul Makmur

TABIKA KEMAS
Kampung Sri Buntar
28300 Triang
Pahang Darul Makmor

Tuan / Puan

UCAPAN TERIMA KASIH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita saya, Hanifah binti Sazali, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas kerjasama yang amat baik yang telah diberikan oleh semua warga TABIKA KEMAS Kampung Sri Buntar ketika saya menjalankan pemerhatian bagi melengkapkan keperluan disertasi yang sedang saya siapkan.

Doa saya semoga segala aktiviti TABIKA KEMAS dapat dijalankan dengan lancar dan melahirkan anak-anak yang berjasa pada agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

HANIFAH BINTI SAZALI
019-2718744